

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 18

Rabu

20 April 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 29)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.3, B.7 dan B.9

(Halaman 30)

Maksud B.12, B.13

(Halaman 111)

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2) 2004

Jawatankuasa:-

Maksud P. 6

(Halaman 30)

Maksud P.11

(Halaman 111)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 20 April 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-
- (a) jumlah terkini pesakit demam denggi/demam denggi berdarah sejak penyakit ini merebak (outbreak) pada tahun 2004 dan bilangan pesakit yang maut akibat penyakit ini; dan
 - (b) apakah punca yang menyebabkan jumlah pesakit yang dijangkiti terlalu tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab secara bersekali pertanyaan ini dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Titiwangsa pada 25 April 2005 dan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Lanang pada 28 April 2005 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Izin diberikan.
[Ketawa]

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

- (a) jumlah kes denggi yang disyaki dan dinotifikasikan pada tahun 2004 adalah sebanyak 33,895 kes. Sebanyak 32,418 kes adalah merupakan kes demam denggi, manakala 1,477 kes merupakan demam denggi berdarah. Jumlah kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 102 kes kematian, iaitu 8 kematian merupakan

kesan akibat demam denggi, manakala sebanyak 94 kes akibat demam denggi berdarah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, situasi penyakit demam denggi untuk tahun ini sehingga minggu kesebelas iaitu sehingga 19 Mac 2005 adalah sebanyak 11,441 kes terkumpul dengan 39 kematian.

- (b) Di antara faktor-faktor yang menyumbang kepada jangkitan kes demam denggi yang tinggi adalah:
- (i) pembangunan yang pesat di kawasan bandar;
 - (ii) masalah struktur fizikal bangunan dan bekalan air;
 - (iii) masalah pembuangan sampah sarap;
 - (iv) kawasan pembinaan yang banyak; dan
 - (v) sikap masyarakat umumnya.

Sekian, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, diakui bahawa tiada vaksin untuk denggi setakat ini oleh CDC dan juga oleh WHO. Hanya ada satu '*atenovented*' *candidate vaksin* di Thailand tetapi ini juga belum diuji keberkesanan bagi manusia. Juga diakui tiada teknologi baru untuk mengawal merebaknya denggi ini termasuk untuk mengawal nyamuk. Oleh yang demikian, apakah amaran awal ataupun *surveillance system* yang boleh diambil kira oleh negara kita supaya kita tahu dari mula-mula merebaknya penyakit ini, kerana kawalan awal adalah penting. Apakah *surveillance system* yang boleh diambil oleh kerajaan? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, apabila kita bertanya berkaitan dengan *surveillance system* ini saya hendak ambil satu langkah yang lebih awal lagi iaitu bagaimana kita dapat mencegah penyakit ini daripada wujud. Dari segi itu saya rasa yang penting sekali yang lebih efektif dan lebih kos efektif adalah bagaimana kita dapat menjaga kawasan persekitaran kita. Dari segi itu kerajaan telah mengambil langkah yang banyak untuk mendidik semua lapisan masyarakat supaya kita faham berkaitan dengan tabiat nyamuk ini. Nyamuk ini senang sahaja kalau kita hendak hapuskannya kita jangan membiarkan tempat pembiakannya. Dari segi itu kita telah

mengadakan banyak program di sekolah di mana kita mendidik anak-anak kita supaya mereka dapat menolong memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes ini.

Dari segi *surveillance* itu adalah langkah yang kedua iaitu apabila kita telah ada penyakit denggi ini baru kita buat *surveillance*, bermakna orang sudah sakit baru kita cuba untuk merawat mereka dan kita ada satu sistem di mana apabila kita dapat kesan ada orang itu sudah dijangkiti penyakit denggi ini, kita akan masuk ke kawasan itu dan kita akan *cordon-off the area* supaya kita boleh jalankan kerja untuk pemusnahan nyamuk aedes itu dengan penyemburan dan selepas itu kita akan buat satu penyemburan sekali lagi pada tujuh hari selepas itu supaya kita dapat *eliminate* semua jentik-jentik yang telah menjadi nyamuk denggi. Sekian.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih, dan saya ucapkan tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana kita semua sihatlah tidak dijangkiti penyakit denggi ini. Kita tahu bahawa penyakit demam denggi merupakan penyakit yang tidak ada rawatan. Yang ada ialah merupakan vaksin, sehingga kini belum dijumpai. Jadi, langkahnya ialah cuma pencegahan dan rawatan, dan rawatannya juga merupakan rawatan yang *plaintive*. Jadi, soalan saya apakah tindakan kementerian untuk memberi ataupun menyampaikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penyakit ini secara meluas kepada seluruh masyarakat melalui kempen dan melalui penerangan-penerangan yang boleh juga melibatkan Jabatan Penerangan, dan juga apakah tindakan yang dibuat kepada majlis-majlis tempatan terutamanya untuk memastikan penyakit ini tidak merebak. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah banyak mengadakan program seperti yang kita katakan tadi untuk menyebar luas maklumat-maklumat berkaitan dengan penyakit denggi ini. Dari segi sekolah kita telah mengadakan program sekolah tanpa denggi di mana kita pergi ke sekolah untuk memberitahu kanak-kanak kita bagaimana kita dapat menolong untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk dan bagaimana kita kena jaga kebersihan sendiri. Yang kedua, kita telah menjalankan banyak kempen melalui media massa di mana kita menyebarkan luaskan maklumat berkaitan dengan penyakit denggi ini dan kita juga ada mengambil tindakan-tindakan bersama, kerjasama dengan PBT supaya kita bersama-

sama dapat membuat pemeriksaan dan penguatkuasaan supaya kita dapat mengatasi masalah ini. Sekian.

2. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berhubung kebimbangan rakyat ke atas peningkatan kadar jenayah terutamanya kes bunuh di Malaysia yang berlaku hampir setiap hari. Berapakah purata kes bunuh di Malaysia dalam setahun dan apakah punca sebenar serta langkah-langkah mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Libaran. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik kejadian kes bunuh bagi tahun 2003 dan tahun 2004 jumlah bagi kedua-dua tahun ini adalah sama iaitu sebanyak 565 kes. Bagi statistik kejadian kes bunuh dalam tempoh Januari dan Februari 2004 pula terdapat sebanyak 102 kes, manakala bagi tempoh yang sama tahun ini iaitu 2005 terdapat 76 kes sahaja. Jika dibandingkan statistik bagi kedua-dua tempoh ini ianya menunjukkan kadar penurunan sebanyak 26 kes ataupun 25.49%.

Statistik yang menunjukkan tiada peningkatan pada jumlah kes bunuh pada tahun 2004 berbanding pada tahun 2003 dan penurunan jumlah kes bunuh bagi tempoh Januari dan Februari 2005 berbanding tempoh yang sama tahun 2004 jelas menunjukkan kes pembunuhan di dalam negara kita adalah terkawal dan tidak dan tidak membimbangkan.

Dari tahun 2003 hingga 2004 purata kes bunuh yang berlaku di dalam negara kita bagi setiap tahun adalah sebanyak 1.5% setiap hari. Antara faktor atau motif yang dikenal pasti menyebabkan berlakunya kes-kes pembunuhan ini adalah seperti kurangnya kawalan emosi semasa pertengkaran, samun, balas dendam, cuai, cemburu, tidak siuman, rogol, ragut dan sebagainya.

Bagi mengatasi berlakunya kes jenayah ini pihak Polis Diraja Malaysia ataupun (PDRM) telah mengambil beberapa langkah positif di dalam usaha menjaga keselamatan orang awam daripada menjadi mangsa pembunuhan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh PDRM ialah:

- (i) mengenal pasti, memantau dan mengambil tindakan terhadap kegiatan jenayah bersedikit yang menjurus kepada kes jenayah kekerasan dan pembunuhan;
- (ii) membanteras *gangsterism*, mesin slot, cetak rompak, penyeludupan senjata api, pelacuran dan lain-lain kegiatan;
- (iii) rondaan cegah jenayah secara berterusan dengan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi;
- (iv) kempen dan ceramah kepada masyarakat bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya mereka mengambil langkah-langkah menjaga keselamatan diri, keluarga dan harta benda; dan
- (v) mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan seperti pemantauan pihak PDRM melalui kamera litar tertutup di kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menjalankan usaha-usaha di atas PDRM juga melaksanakan operasi-operasi khas seperti mencegah jenayah yang mana Operasi *Copperhead* iaitu operasi dan siasatan terhadap kegiatan kongsi gelap, Operasi *Red Serpent* iaitu operasi dan siasatan terhadap kes penyeludupan senjata api, Operasi Api Tedung iaitu operasi dan siasatan kes samun bersenjata dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Juslie Ajirol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen antara sebab berlakunya kes-kes bunuh adalah kurangnya kawalan emosi semasa pertengkaran samun, balas dendam, cuai, cemburu dan sebagainya. Saya ingin tahu lebih lanjut sebab manakah yang mendahului dalam kes berlakunya kes-kes bunuh berkaitan. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengikut data-data yang ada Tuan Yang di-Pertua terdapat tiga faktor ataupun motif berlakunya kes bunuh ini, iaitu yang pertama adalah pertengkaran yang menyebabkan hilang kawalan emosi sehingga berlakunya pembunuhan. Kalau dari segi data pertengkaran sebab pembunuhan ini daripada tahun 2000 sehingga 2005 terdapat 116

kes bagi tahun 2000, 136 kes bagi tahun 2001, 113 kes bagi tahun 2002, 185 kes bagi tahun 2003, 135 kes bagi tahun 2004, dan 20 kes bagi Januari/Februari 2005.

Faktor ataupun motif berlakunya kes pembunuhan disebabkan samun - tahun 2000 sebanyak 77 kes, 2001 sebanyak 65 kes, 2002 sebanyak 49 kes, 2003 sebanyak 49 kes, 2004 sebanyak 85 kes, 2005 sebanyak 07 kes. Balas dendam - tahun 2000 sebanyak 82 kes, tahun 2001 sebanyak 54 kes, tahun 2002 sebanyak 58 kes, tahun 2003 sebanyak 31 kes, tahun 2004 sebanyak 36 kes, dan tahun 2005 Januari dan Februari sebanyak 02 kes.

Jadi, dari ini telah nyatalah bahawa pertengkaran sehingga hilang kawalan emosi merupakan faktor yang teratas sekali dan ini melibatkan kebanyakan daripada kekeluargaan di antara suami dan isteri anak dan bapa, rakan-rakan dan juga terdapat daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti berlakunya kes-kes samseng jalan raya yang mana hilang kawalan menyebabkan pembunuhan. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh Yang Berhormat memberitahu jenayah pembunuhan ini bilangan pecahan bangsa iaitu sama ada ia dilakukan orang tempatan atau pekerja-pekerja atau orang-orang asing. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes-kes yang berlaku suspeknya daripada orang-orang tempatan, dan kejadian daripada orang-orang asing tidak begitu banyak dan daripada angka-angkanya oleh begitu panjang, saya perlu memberi secara bertulis.

3. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah yang diambil untuk meningkatkan taraf industri pembinaan dalam negara dari segi piawaian dan peraturan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan saya memohon izin penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, apakah kejayaan Tuan Yang di-Pertua ini yang menerima perutusan tahniah khas dari Batu Pahat ini [*Ketawa*]. Sudah mangsakan Batu Pahatkah [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan dengan matlamat untuk

membangunkan dan meningkatkan taraf industri pembinaan negara supaya ia berupaya menghasilkan industri pembinaan yang berkualiti tinggi, responsif kepada kehendak negara dan mampu menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dari segi piawaian dan peraturan, CIDB telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti peraturan pendaftaran ke atas kontraktor, bertindak sebagai organisasi penulis ataupun standard writing organization, dengan izin, melalui usaha sama dengan SIRIM dan Jabatan Standard Malaysia untuk membangunkan standard Malaysia dan construction industry standard (CIS) untuk sektor pembinaan.

Sehingga kini sebanyak 34 standard industri telah pun dibangunkan dan sedia untuk digunakan oleh sektor pembinaan. CIDB juga telah melaksanakan Program Pematuhan Mandatori kepada barangan import di bawah Perintah Kastam bagi menjamin produk-produk yang memenuhi standard, yang ditetapkan sahaja boleh dibawa masuk untuk kegunaan industri pembinaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping penguatkuasaan piawaian dan peraturan, CIDB juga memberikan penekanan kepada membangunkan industri pembinaan dengan memberi kesedaran kepada kontraktor dan personel pembinaan mengenai aspek kualiti dan produktiviti.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaknya berjaya hasrat CIDB ini dari segi aspek pembangunan teknologi binaan, macam-macam kaedah telah dikenal pasti. Yang Berhormat, semalam kerajaan telah menggariskan beberapa ketetapan, bila hendak mempercepatkan pelaksanaan 26 projek yang diumumkan dengan nilai RM2.4 bilion. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada garis-garis panduan yang telah ditentukan untuk mempercepatkan dan juga menentukan kesempurnaan pelaksanaan.

Salah satu daripada garis panduan ialah pembinaan yang menggunakan kaedah IBS diberi keutamaan. Yang Berhormat, kontraktor-kontraktor bumiputera ini, nasib mereka, sistem IBS ini baru diperkenalkan tahun 2003 hingga tahun 2010, adakah wajar kerajaan menetapkan sebagai keutamaan penggunaan sistem IBS ini sebagai kaedah pembinaan, sedangkan kontraktor bumiputera ataupun adakah kontraktor bumiputera sudah bersedia hendak menjadikan kaedah ini untuk diberi keutamaan dalam hendak bersama-sama mendapat peluang dalam 26 projek yang diwujudkan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pontian. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kekuatan ekonomi negara pada hari ini berasaskan kepada tiga sektor utama iaitu:

- (i) sektor pembuatan;
- (ii) sektor perkhidmatan; dan
- (iii) sektor pertanian.

Kita juga sedar bahawa sektor pembinaan telah pun menunjukkan angka yang negatif. Justeru kerana itu kerajaan memikirkan bahawa untuk menggalakkan balik pertumbuhan industri pembinaan, maka mempercepatkan proses untuk projek sekitar RM2.4 bilion yang telah pun diumumkan baru-baru ini dengan harapan ia boleh merangsangkan pertumbuhan ekonomi yang berasaskan kepada industri pembinaan.

Oleh kerana salah satu perkara yang telah pun ditekankan untuk menentukan industri pembinaan ini dapat berdaya maju dan dirangsangkan, maka sistem yang diterima pakai adalah satu sistem yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat tadi, dengan izin, IBS (*Industrial Building System*). Ini satu pendekatan pembinaan, di mana pembinaan dilakukan secara di kilang, kemudian dibawa ke tapak bina dan dipasang. Ini memerlukan satu, dengan izin, *capital expenses* yang besar.

Oleh kerana apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat ialah mengenai nasib untungnya kontraktor bumiputera, terutama kontraktor bumiputera yang masih lagi belajar mendaki dalam industri pembinaan ini. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, bahawa satu perhatian khusus harus diberi kepada kontraktor bumiputera supaya mereka juga akan dapat turut menikmati hasil daripada pelaburan yang dibuat oleh kerajaan dengan mengadakan peruntukan RM2.4 bilion ini supaya merangsangkan pertumbuhan ekonomi industri pembinaan ini, supaya mereka juga akan turut dapat nikmat dari segi pembangunan.

Saya akan mengambil kira tentang saranan daripada Yang Berhormat ini dan minta pihak CIDB untuk memastikan, bahawa walaupun sistem IBS ini akan dipakai dalam industri pembinaan supaya masalah kontraktor bumiputera yang tidak ada kepakaran dari segi IBS ini akan dapat dilatih, supaya mereka juga turut serta dan dapat mengikuti arus perdana dalam industri pembinaan negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan CIDB ini telah berjaya. Saya perasan ia tidak berjaya, pasal kita dapat lihat banyak pemborong, kontraktor telah tidak menepati perjanjian mereka apabila mendapat sesuatu kerja daripada kerajaan. Kita dapat lihat banyak bangunan yang terbengkalai, kita dapat lihat banyak subkontraktor yang tidak dibayar, setelah perkhidmatan dan kerja mereka dijalankan. Adakah bangunan-bangunan yang siap, kadang-kadang mendatangkan masalah dan tidak boleh didiami? Adakah CIDB hanya wujud untuk menyatakan, ada CIDB tetapi mereka tidak *follow up*, dari segi khidmat-khidmat nasihat ataupun pengajian yang telah mereka berikan?

Benda ini serius, untuk hanya pusat komputer. Kalau sudah CIDB memberi pengajaran, memberi pendidikan dan bimbingan, mengapakah begitu banyak pemborong, kontraktor ini tidak ada kejujuran di dalam mereka menjalankan tugas dan juga perjanjian yang telah dimeterai dengan kerajaan. Begitu juga dengan konsep *design and build*, kadang-kadang harga yang diletak begitu lumayan dan tidak ada *monitoring*. Jadi, apakah tugas CIDB? Tugas CIDB hanya mengadakan kursus, seminar dan tidak memonitor. Kalau ini berlaku bagaimanakah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Dengan izin, CIDB ini – *Construction Industry Development Board* – ia sebagai satu *regulatory body* dan ia tidak bertindak sebagai satu operator kepada industri pembinaan. Sebagai *regulatory body*, ia mewujudkan iklim dan suasana serta persekitaran yang sihat supaya industri pembinaan ini boleh tumbuh dan dirangsangkan, dengan izin, *sustainable growth*, iaitu satu pertubuhan yang mapan.

Aktiviti ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti industri pembinaan ini:

- (i) program pembangunan sumber manusia itu sendiri, iaitu latihan pengiktirafan pekerja, kemudian pembangunan profesional yang berterusan. Pembangunan kontraktor itu sendiri, pengurusan projek, *treat* dan kepakarannya dan kualiti. Dan juga perkara

yang berhubung kait tentang keselamatan di tapak bina, keselamatan kesihatan, kursus induksi keselamatan dan kesihatan dan standard kemahiran dan latihan. Penyediaan standard kemahiran pekerja dan penyediaan modul latihan;

- (ii) Program Pembangunan Teknologi Binaan. Pembangunan dan promosi standard industri pembinaan Malaysia, dipanggil *Malaysian Standard (MS)* dan *Construction Industry Standard (CIS)*;
- (iii) Program Kualiti melalui aktiviti persijilan seperti ISO 9000, ISO 14000, OHSAS 18000;
- (iv) Promosi Kaedah Pembinaan sendiri iaitu sistem binaan, *built industry*, sebagaimana yang disebut tadi IBS. IBS ini satu benda yang dibuat secara berskala, ia belum satu pakej yang *complete*, dan IBS *road map* ini ia bermula dari tahun 2003 dan berakhir pada 2010.

Kaedah pembinaan *modular* ini adalah satu pembinaan yang bukan konvensional, yang konvensional ini dia kena bancuh dan sebagainya di tapak pembinaan, yang *modular* pula dibuat di *factory* kemudian diangkat bawa ke tapak dan di pasang *module by module* - itu dipanggil koordinasi *modular*.

Promosi ICT dalam pembinaan - bukan hanya dalam perhubungan manusia sahaja ada ICT tetapi pembinaan juga ada ICT, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Selepas itu pembangunan dan penyelidikan, jaminan kualiti.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya faham. Tetapi fasal apa ada banyak kontraktor *fail*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Bagi dia jawablah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya faham apa Yang Berhormat ceritakan tetapi fasal apa ramai kontraktor *fail*, fasal apa?

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Saya sebutkan tadi CIDB sebagai *regulatory body*. Dia tidak bertindak sebagai satu agensi pelaksana, *it's not an operator*. Dalam *regulatory body* ini tanggungjawabnya menyediakan persekitaran iklim dan suasana yang sihat supaya industri pembinaan ini dapat bergerak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya bukan maksudkan CIDB *fail* tetapi maksudnya kontraktor yang berkursus dengan CIDB ini yang *fail*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:itu maksud saya. CIDB

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, ya. Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tahu CIDB, tetapi ada kontraktor dapat lesen CIDB.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Sebagaimana saya sebut dalam jawapan kepada Yang Berhormat bagi Pontian tadi, segala kekurangan dan kekangan untuk menentukan *performance* kontraktor sebagai *regulatory body* ini kita akan selidik, ambil kajian dan kita akan membuat cadangan kepada pihak kerajaan dan pihak agensi supaya masalah ini akan dapat diatasi. Sekian.

4. **Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kehadiran Sistem Penerbangan Air Asia (Air Asia) yang telah menyediakan penerbangan '*Cheap Flight*' di mana '*Everyone Can Fly*' memberi kesan kepada Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Sila nyatakan perangkaan bilangan penumpang MAS berbanding penumpang Air Asia untuk tahun 2004 bagi destinasi Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya perkhidmatan Air Asia tidak memberi kesan negatif terhadap MAS. Perkhidmatan Air Asia ke Sabah dan Sarawak juga tidak memberi kesan negatif dari segi bilangan penumpang kepada Penerbangan Malaysia kerana terdapat pertumbuhan di dalam pasaran yang membolehkan MAS mengekalkan bilangan penumpang di kedua sektor tersebut.

Perkhidmatan MAS juga digunakan oleh penumpang-penumpang yang menaiki penerbangan antarabangsa yang meneruskan perjalanan ke Sabah dan Sarawak ataupun dengan izin, *interlining a passengers*. MAS juga menjadi pilihan bagi penumpang-penumpang *business class* dan penumpang-penumpang yang inginkan perkhidmatan penuh di dalam pesawat. Dengan kehadiran Air Asia di dalam industri penerbangan, masih berlaku peningkatan penumpang bagi penerbangan MAS ke Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2004 jumlah penumpang MAS ke Sabah ialah 1,030,884 dan ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 7% dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Bagi Sarawak pula pada tahun 2004, jumlah penumpang MAS ialah 1,445,063 dan ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Air Asia telah membawa 910,070 penumpang untuk destinasi-destinasi Sabah dan 1,190,926 penumpang untuk destinasi-destinasi Sarawak bagi tahun 2004.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita difahamkan untuk sektor Sabah dan Sarawak ini, MAS mengalami kerugian. Tetapi di atas dasar integrasi nasional MAS masih meneruskan perkhidmatan ini kerana ini merupakan perkara yang penting, bukan sahaja untuk keuntungan tetapi untuk perkhidmatan sosial. Jadi, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh MAS bagi memastikan supaya kerugian ini tidak berterusan? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah benar bahawasanya MAS mencapai kerugian dari segi penerbangan bagi kawasan Sabah dan Sarawak, dan juga kawasan-kawasan pedalaman kepada kedua-dua buah negeri ini. Seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kerugian ini adalah lebih kurang dalam angka 150 - 160 juta setahun. Pihak kementerian bersama MAS telah berbincang dan bagi kita ini adalah satu komitmen kerajaan iaitu Kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat Sabah dan Sarawak. Walaupun mencapai kerugian tetapi kita adalah satu kerajaan yang bertanggungjawab untuk memberi kemudahan-kemudahan ini kepada penumpang-penumpang terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Kita telah mengambil satu tindakan untuk membawa sedikit perubahan iaitu dari segi mendapatkan kapal terbang-kapal terbang yang baru untuk menggantikan F50 dan ini masih lagi dalam kajian dan akan diputuskan tidak lama lagi. Kita harap dengan ini kita dapat mengatasi sedikit sebanyak kerugian itu. Tetapi seperti yang saya katakan tadi, walaupun rugi tetapi MAS dapat mengimbangkan kedudukan dari segi kerugian ini dengan mengadakan destinasi-destinasi ke tempat-tempat lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam. *[Tepuk]* Jadi, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam janganlah jolok saya, saya tidak akan bercakap fasal pakaian lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mudah sahaja. Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bahawa kehadiran Air Asia ini bukanlah merupakan satu ancaman kepada *national carrier* kita, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Timbalan Menteri juga menyebut di dalam *Sky Track Quality Survey* penurunan di dalam kategori *Airline Of The Year* kepada MAS. Soalan saya mudah sahaja, oleh kerana telah disebut yang Air Asia ini tidak menjadi ancaman kepada MAS, sudah adakah bentuk kerjasama di antara MAS dan Air Asia ataupun akan adakah bentuk kerjasama di antara MAS dan Air Asia untuk meningkatkan lagi perkhidmatan penerbangan di negara kita untuk dinikmati oleh rakyat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita di pihak kementerian sentiasa meminta pihak MAS dan Air Asia sentiasa mengadakan pertemuan untuk berbincang bagi mendapatkan kerjasama ataupun mendapat satu persaingan yang sihat dan daripada satu masa ke satu masa perbincangan ini akan dapat diteruskan. Seperti yang telah saya katakan tadi, memanglah tidak ada persaingan kerana MAS dan Air Asia ini dalam segi matlamatnya berbeza sedikit kerana boleh dikatakan MAS terbang ke serata dunia dan banyak penerbangan itu adalah penerbangan *long-haul* yang memakan masa berbelas jam

tetapi Air Asia hanya menawarkan khidmat untuk *regional* dalam masa penerbangan dua hingga tiga jam sahaja.

Selain daripada itu, kita menganggapkan saingan daripada Air Asia ini adalah sesuatu yang baik untuk membuat MAS meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya. Dari segi *rating*, baru-baru ini kita agak menurun sedikit iaitu bukan dalam segi kelas ekonomi tetapi dalam kelas-kelas premium iaitu *bussiness class* dan kelas utama - itulah ada sedikit penurunan. Tetapi kita telah dapat mengubahsuaikan dari segi sistem kedudukan penerbangan-penerbangan Boeing 747 dan Boeing 777 ini dengan mengubahkan *design* dari segi kedudukan mengadakan *sleep rack* dan sebagainya. Maknanya kita menambahkan mutu perkhidmatan itu untuk kita setandingkan dengan penerbangan-penerbangan antarabangsa yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya inginkan penjelasan melalui notis dan data tentang tanggapan bahawa penerbangan domestik ke Sabah dan Sarawak ini sangat merugikan terhadap sistem penerbangan MAS.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sektor Kuala Lumpur - Kuching, Kuala Lumpur - Kota Kinabalu, Kuala Lumpur - Sandakan dan Kuala Lumpur - Miri yang dikendalikan oleh Air Asia, sektor ini merupakan sektor-sektor yang memberi keuntungan kepada Air Asia. Tentulah ada sesuatu yang tidak kena terhadap pengurusan MAS jika dikatakan sektor ini sektor yang merugikan bagi Sistem Penerbangan Malaysia.

Saya ingin penjelasan mengenai perkara ini dan pada masa yang sama kita lihat tambang penerbangan yang dikenakan oleh Air Asia bagi sektor-sektor yang telah disebutkan tadi seperti sektor Kuala Lumpur-Kuching, Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, Kuala Lumpur-Sandakan, Kuala Lumpur-Tawau, Kuala Lumpur-Miri jauh lebih murah daripada yang dikenakan oleh MAS.

Pada masa yang sama, sektor ini merupakan sektor yang menguntungkan bagi penerbangan Air Asia, tetapi merugikan pula bagi Sistem Penerbangan MAS walaupun mengenakan tambang yang lebih mahal. Kenapa perkara ini berlaku? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya boleh menjawab untuk penerbangan MAS kerana itu adalah hak kepunyaan kerajaan kita. Bagi pihak swasta ataupun bagi pihak Air Asia, saya tidak dapat menjawabnya di sini kerana kalau dari segi penerbangan MAS – penerbangan MAS sentiasa melaporkan sesuatu yang telus kepada pihak kementerian untuk mengkaji sama ada kita rugi ataupun untung.

Tetapi bagi Air Asia, kita tidak dapat butir-butir ini. Kita tidak perlu tahu kerana kita menganggapkan Air Asia adalah pihak penerbangan swasta. Bagi kita di pihak kementerian, kita hanya semata-mata menjaga kepentingan MAS sebagai *national carrier*.

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat, soalan dia mengapa MAS rugi sedangkan mengenakan tambang yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan Air Asia?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh tambahan yang keempat Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, sekejap.

Datuk Ronald Kiandee: Macam yang telah saya katakan tadi

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: MAS adalah satu penerbangan yang dianggap tertumpu kepada *a full flight*, bermakna menyediakan berbagai-bagai kemudahan. Air Asia ini adalah sesuatu yang hanya membawa seseorang penumpang itu kepada destinasi A dan B dan dengan adanya apa yang berlaku pada hari ini dengan *fuel cost* yang begitu tinggi pada hari ini sedikit sebanyak dia menjejaskan dari segi penerbangan kita ini.

[Soalan No. 5 – Y.B Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] tidak hadir]

6. Tuan Billy Abit Joo @ Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa kaum Penan di Sungai Pelain, Darum dan Luar tidak disediakan klinik kesihatan. Adakah kementerian bercadang untuk membina sebuah klinik desa di kawasan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian menyedari bahawa kaum Penan di Sungai Pelain, Darum dan Luar belum lagi disediakan klinik kesihatan, tetapi mereka tetap

diberikan perhatian oleh pihak kementerian dalam penyediaan perkhidmatan perubatan melalui perkhidmatan udara.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebuah klinik kesihatan jenis 6 telah dicadangkan untuk dibina di Long Urun. Sekian, terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berterima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Hulu Rajang kerana menyuarkan perkara ini.

Selain dari Sungai Pelain di Daerah Belaga, kaum Penan ini juga berada di daerah Baram, daerah Limbang dan Bintulu. Mereka seramai lebih kurang 10,000 penduduk. Di daerah Baram pula, kita mempunyai 6,000 penduduk kaum Penan. Mereka tinggal di beberapa batang sungai di Baram iaitu Sungai Apoh, Sungai Plutan, Sungai Silat, Sungai Selangor, Sungai Selaan, Sungai Patah dan juga di Sungai Kelapang.

Semua kawasan ini letaknya di hulu sungai Batang Baram yang jauh daripada pusat kesihatan yang sedia ada. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk menjalankan kajian yang menyeluruh, yang bertujuan untuk mewujudkan pusat-pusat kesihatan desa di kawasan-kawasan tersebut kerana saya percaya jika kajian ini dijalankan, tempat-tempat strategik boleh dikenal pasti di mana klinik desa boleh dibina dan ini akan meringankan beban penduduk-penduduk luar bandar yang tinggal jauh di pedalaman untuk mencari perkhidmatan kesihatan dan perubatan. Sila jelaskan. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi kaum Penan ini kerana corak hidup mereka adalah *nomadic*, bermakna mereka berpindah-pindah. Bagi kita, kita memang ambil berat berkaitan dengan kesihatan kaum ini dan kita telah mengadakan program bagaimana kita boleh sampai kepada mereka, yang paling berkesan adalah perkhidmatan udara kerana kebanyakan kaum ini mereka duduk di pedalaman dan dengan melalui udara, kita akan hantar helikopter ke tempat-tempat ini dengan jururawat dan juga doktor supaya kita bawa alat-alat dan juga ubat-ubat kepada mereka, dalam satu jangka masa mengikut *time table*. Kita juga memberitahu melalui radio bilakah perkhidmatan udara ini akan sampai ke sesuatu tempat. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mula bekerja dengan orang-orang Penan ini tahun 1976. Pada masa itu, saya akui memang ramai orang Penan ini *nomadic* terutamanya di Hulu Baram (di Gunung Mulu) memang ramai *nomadic*. Tetapi sekarang daripada *sensors* hanya terdapat 400 yang *nomadic* daripada 10,000 orang-orang Penan. Ini pun di kawasan Limbang, di Hutan Simpan Magoh, di Hulu Baram.

Soalannya sekarang memandangkan bahawa sudah ramai orang-orang Penan ini sudah berumah panjang, tetapi boleh moden lagi. Adalah penting bahawa kesihatan mereka dijagati kerana *mortality rate* amat tinggi di kalangan orang Penan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalannya Yang Berhormat. Soalannya Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Soalan saya, mengapa begitu lama untuk kerajaan membina klinik-klinik desa untuk orang Penan ini. Mereka juga rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi kita di Kementerian Kesihatan memang tidak pinggirkan mana-mana satu kaum pun, cuma di Sarawak ini kerana tanah dia besar dan luas dan kita mesti mengkaji, bahawa adakah di sesuatu tempat itu *cost effective* untuk membina satu *facility* untuk membina satu [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, biar Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Lee Kah Choon: Okey.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, mana ada klinik yang memberi untung kepada kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Ronald Kiandee: Saya punya soalan, jawapan salah. Jangan kata *cost effective*, kenapa Orang Asli di sini dapat?

Dr. James Dawos Mamit: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kenapa pasal kesihatan hendak dapatkan keuntungan?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat.....Yang Berhormat boleh bangkitkan semasa perbahasan soal jawab itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Membantah*]

Dr. James Dawos Mamit: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Richard Riot anak Jaem: [*Bangun*] [*Dewan masih riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan pasal *cost effective*. Tidak boleh macam itu. Ini apa benda Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk. Yang Berhormat boleh bangkitkan semasa perbahasan. Ini soal jawab. Duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Masih membantah*] [*Mengarahkan pandangan kepada Yang Berhormat Jelutong*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk.

Beberapa Ahli: [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Setiausaha Parlimen.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tidak mengatakan bahawa kita tengok dari segi keuntungan cuma *cost effectiveness*. *Cost effectiveness* itu bukan keuntungan. *We have to be very clear*. *Cost effectiveness* itu macam perkhidmatan udara ini, kalau kita rasa itu sebagai *cost effective* bermakna kita memperbanyakkan perkhidmatan udara.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawapan ini tidak betul. Ini jawapan, ini mahu *blame* kerajaan. Itu sebab orang pandang kerajaan kita macam mana?

Datuk Ronald Kiandee: Jangan jawab macam ini buat orang marah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, Setiausaha Parlimen sudah jawab. Dengarlah dahulu dia jawab macam mana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang Barat dia bela orang Penan Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba kita pula punya jawapan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham. Saya faham. Tetapi ini

Dr. James Dawos Mamit: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Malulah kita Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee: Tidak boleh jawab macam itu Yang Berhormat. Mana ada cari untung?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional malulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh....

Seorang Ahli: Tarik balik. Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk. Sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh tidak boleh, tarik baliklah jawapan itu semua. Cakap sahajalah yang kita akan ambil tindakan besok, sudah selesai.

Dr. James Dawos Mamit: Ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen, teruskan.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan kita memang faham berkaitan dengan perkara ini cuma kita kena tengok juga fasiliti yang kita adakan, fasiliti yang kita hendak bina itu kita mesti buat rancangan supaya mesti

ada orang untuk menjaga fasiliti ini. Kita mesti akan jalankan kajian dari semua aspek dan dari segi itu saya menegaskan bahawa kita memang ambil tindakan.

[Dewan kecoh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, sudah 40 tahun baru kajian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah 40 tahun. Tuan Yang di-Pertua, sudah 40 tahun,,,baru kajian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berilah soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua berilah Hulu Rajang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk, yang lain sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya duduk. *[Dewan ketawa]*

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasihlah di atas sokongan dari sahabat dari Baram dan yang lain dan juga terima kasih kepada Setiausaha Parlimen di atas jawapan tadi. Yang saya ingin tahu di sini sama ada kementerian sedar di kawasan yang saya sebut tadi iaitu Sungai Pelain, Sungai Danum, Sungai Luar dan sebagainya ada lebih kurang 10 buah kampung yang bertaburan di kawasan yang lebih kurang sebesar Melaka dan mereka sekarang sudah menetap di rumah panjang dan bukan lagi nomad, ini satu anggapan yang salah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Billy Abit Joo: Mereka ini lebih kurang 1,000 orang lebih jiwa, di Belaga kita hanya ada 3,000 orang kaum Penan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan soalan Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Okey, soalan saya adakah kementerian ingin menukar basis untuk memberi klinik dan sebagainya. Jangan.....

Seorang Ahli: 18 orang yang mati itu? Yang mati 18 orang, ya?

Tuan Billy Abit Joo: Jangan berfikir tentang *cost efective*. Bila kita[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Dia faham.

Tuan Billy Abit Joo: Apa yang lebih penting ialah nyawa seseorang.....

Seorang Ahli: 18 orang mati.

Tuan Billy Abit Joo: Nyawa seorang rakyat Malaysia. Bulan Disember yang lalu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Bulan Disember 2003 , ada 18 orang kaum Penan mati. Kerana apa? Kerana campak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup, cukuplah. [*Disampuk*] Saya beri peluang Yang Berhormat menanya soalan bukan berucap.

Tuan Billy Abit Joo: Adakah kementerian bercadang untuk menilai sekali lagi *this flying doctor service - effective* nya. Sekarang kita sudah ada jalan kayu balak pergi ke tempat-tempat kaum Penan apa salahnya membina klinik untuk mereka, membina sekolah untuk mereka dan buatlah satu hospital di Belaga. Terima kasih.

[*Dewan riuh rendah*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dalam RMK-9 ada tak, tanya dia.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan itu saya akan bawa kepada kementerian [*Disorak*] supaya

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Sudah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lee Kah Choon: ...supaya kita akan meneliti cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau tadi jawab macam itu, selesai dah.

7. **Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Malaysia selaku Pengerusi OIC bagi membantu proses damai Palestin-Israel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana membawa soalan ini. Saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat bagi Ketersih pada 28 April 2005 kerana kedua-duanya menyentuh isu yang sama.

Beberapa aktiviti telah diadakan oleh Malaysia bagi membantu menyelesaikan konflik Israel-Palestin antaranya mengadakan mesyuarat khas mengenai Timur Tengah pada tahun 2004. Untuk menggembeleng perpaduan di kalangan negara-negara OIC serta memberi sokongan padu kepada rakyat Palestin, Malaysia telah mengetuai delegasi peringkat menteri yang turut dianggotai oleh menteri-menteri luar dari beberapa negara lain, Setiausaha Agong OIC bertemu dan bersemuka dengan ahli-ahli *Quartet* yang terdiri dari Amerika Syarikat, Rusia, Kesatuan Eropah dan juga PBB. Kita menggesa mereka mengambil langkah segera menyelesaikan konflik Israel-Palestin. Usaha ini telah diterima baik oleh pihak *Quartet*.

Malaysia juga telah mengambil bahagian yang aktif menyuarakan pendapat dan pandangan kerajaan di pelbagai forum antarabangsa khususnya di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan mendesak Majlis Keselamatan PBB supaya lebih tegas dalam tindakannya untuk memastikan pelan damai dilaksanakan dengan segera bagi mengembalikan keamanan dan keselamatan di bumi Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, selaku pengerusi NAM dan OIC Malaysia memberi sokongan padu terhadap keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 9 Julai 2004 yang telah memberi keputusan bahawa pembinaan benteng pemisah sempadan di dalam kawasan Palestin yang diduduki oleh Israel adalah salah di segi undang-undang antarabangsa. Kita juga telah menyampaikan kesediaan kerajaan Malaysia untuk bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat bagi mencari penyelesaian antara konflik Israel-Palestin.

Baru-baru ini kerajaan Malaysia dengan kerjasama Aman Malaysia telah menganjurkan persidangan *Peace in Palestin* dengan izin, dari 28hb hingga 30hb Mac

2005 bertujuan menyalurkan sokongan padu kita kepada Palestin. Persidangan ini telah mengumpulkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis dari seluruh dunia yang bertekad untuk membebaskan Palestin secara aman dan mengikut jalur perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata selaku Pengerusi Persidangan OIC ke 10 Malaysia akan terus berpegang pada pendirian dan prinsip bahawa cara yang terbaik untuk menangani dan menyelesaikan konflik Israel-Palestin adalah berdasarkan kepada praktik amalan diplomasi pelbagai hala di bawah naungan PBB atas lunas-lunas yang ditetapkan oleh undang-undang antarabangsa dan juga melaksanakan pelan damai *Road Map Timur Tengah* yang telah dipersetujui oleh masyarakat antarabangsa termasuk Malaysia. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Israel tidak pernah berubah. Walaupun banyak rundingan damai tetapi mereka tidak pernah berubah, itulah hakikatnya. Yang membimbangkan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah yang berubah saya nampak ialah sikap beberapa negara umat Islam. Sebagai contoh Jordan, Mesir dan Syria yang saya lihat ada kecenderungan (*tendency*) untuk berbaik-baik dengan Israel, ini yang kita bimbang. Israel tidak pernah berubah tetapi ada kecenderungan negara-negara ini berbaik-baik dengan Israel ke arah itu.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian yang terlibat adakah sedar atau tidak, pada tahun 1996 ada rakyat Malaysia yang telah pergi ke Israel untuk membina atau pun atas alasan untuk mencari hubungan dagangan. Pada tahun 2003, yang pernah saya dedahkan dalam Dewan ini di mana Syarikat AIROD - kita penerbangan kita membuat satu MOU dengan syarikat penerbangan dari Israel. Adakah dengan cara ini kita melihat ada satu kecenderungan baru Israel tidak berubah tetapi kita pula hendak berbaik-baik dengan Israel. Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan. Israel tidak berubah tetapi kita rasa jalan keamanan ini telah nampak seperti satu cahaya di hujung terowong kerana apabila Mahmoud Abbas mengambil alih kepimpinan dan dipilih sebagai pemimpin Palestin beliau telah menandatangani *cease-fire* bersama dengan Ariel Sharon di Sham el Sheik. Rundingan

di Sham el Syeik ini dikendalikan oleh Jordan seperti Yang Berhormat sebut tadi dan juga Israel yang telah menghantar semula ambasadur mereka yang telah dikeluarkan daripada Israel di tahun 2000. Jadi mereka mengembalikan semula ambasadur mereka ke sana dan mereka mengendalikan mesyuarat antara Mahmoud Abbas dan Ariel Sharon ini ke arah *cease-fire* dan kita yakin jalan ini adalah jalan yang lebih nampak akan berkesan kerana berbanding dengan Yasser Arafat, Mahmoud Abbas dilihat lebih menumpukan kepada perbincangan dan rundingan daripada menggunakan kaedah kekerasan. Cara ini secara langsung bukan menunjukkan kita berbaik-baik dengan Israel tetapi lebih kepada mencari jalan tengah perundingan supaya darah akan berhenti mengalir di bumi Palestin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Israel ini kedegilannya, diketahui umum, malah dalam Al-Quran disebut bahawa "*Orang ini memang begitu kelahirannya.*" Dan, kita tahu di dunia ini mereka disokong oleh Amerika, bapanya. Soalan tambahan saya ialah Malaysia sebagai presiden kepada negara OIC, kita sebagai ketua, Yang Berhormat sudah sebut peranan kita yang kecil tadi membantu tetapi apakah kita tidak berusaha dengan lebih banyak atau lebih dominan supaya sebagai ketua negara Islam, kita yang menekan Amerika, kita yang menekan Israel supaya patuh pada undang-undang antarabangsa.

Misalannya, keputusan dalam soal benteng, Suruhanjaya Antarabangsa ke Mahkamah Antarabangsa sudah beritahu bahawasanya salah buat benteng tetapi mereka masih degil, tidak mahu merobohkan. Setakat ini suara kita mengenai benteng ini masih belum kedengaran. Apakah kerajaan bercadang untuk lebih lantang lagi memperjuangkan hak Palestin ini daripada dibiarkan mereka keseorangan, ditinggalkan oleh kawan-kawan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita ambil pandangan Yang Berhormat yang selalu membawakan isu tentang Israel ini. Kita tahu kedegilan Israel yang disokong oleh Amerika Syarikat dan di perjanjian damai di Syam Arsheq baru-baru ini kerajaan Israel telah bersetuju untuk mengundurkan tenteranya,

telah bersetuju untuk merobohkan tembok-tembok di tempat-tempat tertentu dan untuk keluar daripada 25 *settlement* yang mereka telah janji.

Sama-samalah kita berharap mereka mengotakan janji mereka ini supaya tarikh perjanjian yang dibuat supaya tentera ini keluar dan juga tembok ini di roboh di bahagian-bahagian tertentu dan 25 *settlement* ini dikembalikan pada bulan Julai 2005 ini dapat dilaksanakan seperti yang dijanjikan dan kita berharap pihak Kerajaan Israel mematuhi apa yang telah dipersetujui dan dijanjikan di *Conference* Syam Arsheq. Terima kasih.

8. **Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah kementerian serta proses pelaksanaan, pembangunan dan pemuliharaan sumber air yang mungkin bakal menjadi krisis utama negara.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah kementerian dalam melaksanakan program pembangunan dan pemuliharaan sumber air merangkumi dua aspek penting iaitu pendekatan pencegahan dan pemulihan. Dalam aspek pencegahan kementerian melalui berbagai agensi seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Parit, Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, FRIM dan Marin menetapkan beberapa dasar, peraturan, garis panduan, rujukan, dan unsur-unsur R&D supaya sumber air yang berkekalan dapat diurus, dibangun dan dipelihara dengan baik.

Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengeluarkan manual pengurusan air, ribut hujan yang dipanggil Manual Saliran Mesra Alam ataupun MASMA. Manual ini bertujuan untuk membendung masalah yang sering timbul seperti banjir kilat, banjir lumpur, pencemaran air, bekalan air dan sebagainya. Melalui manual ini kawasan yang akan dibangunkan perlu mengambil kira dua aspek penting iaitu kawalan kuantiti air dan kawalan kualiti air.

Jemaah Menteri telah memutuskan supaya setiap projek pembangunan menggunakan MASMA sebagai salah satu syarat sebelum pelan pembangunan diluluskan. Di bawah manual ini setiap pemaju diwajibkan mengemukakan dua jenis pelan bagi projek pembangunan mereka iaitu pelan perparitan dan pelan kerja tanah.

Pelan perparitan akan membantu membendung masalah banjir kilat manakala pelan kawal hakisan dan gelodak akan menggondol masalah hakisan dan banjir lumpur.

Kementerian juga telah mengemukakan beberapa cadangan dalam aspek pemuliharaan sumber air, khususnya sungai dan *biodiversity* sungai. Satu kertas Jemaah Menteri telah disediakan untuk memohon agar kerajaan negeri memberi *reserve* yang lebih luas di sepanjang sungai-sungai di negara ini dengan keluasan di antara 30 meter ke 100 meter di kedua-dua belah tebing. *Reserve* ini akan membolehkan sungai yang menyediakan lebih 97 peratus daripada sumber bekalan air bersih negara terpelihara dan seterusnya akan membantu negara memulihara *biodiversity*.

Tuan Yang di-Pertua, empangan-empangan di seluruh negara dibina untuk berbagai kegunaan seperti kawalan banjir, bekalan air, pengairan dan hidroelektrik. Usaha juga dijalankan dengan membentuk satu jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai agensi bertujuan untuk memberi nasihat dan pandangan mengenai pelaksanaan sesuatu projek yang berkaitan dengan pengurusan sumber air. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu air ini seolah-olah seperti "Harapkan pagar, pagar makan padi". Masalah yang utama dalam penyelarasan dan pembangunan air di Malaysia ialah penyelarasan, pemantauan dan juga penguatkuasaan. Maka, Majlis Tindakan Air Negara telah diwujudkan sebagai satu jawatankuasa untuk menyelaraskan antara kerajaan negeri, kerajaan tempatan, dan juga Kerajaan Persekutuan.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan, bolehkah satu jawatankuasa Kabinet baru ditubuhkan untuk masalah krisis air, yang mungkin akan jadi satu yang begitu serius sekali di negara ini demi memastikan supaya sumber-sumber air kita selamat dan dapat dimajukan dengan berjaya sekali pada masa depan. Minta penjelasan.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan saranan Yang Berhormat Cameron Highlands tadi, memang Majlis Tindakan Air Negara ini adalah di bawah dipengerusikan oleh ataupun di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Tetapi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah salah satu dalam anggota jawatankuasa di mana kita mengambil perhatian yang serius tentang aspek pemuliharaan kerana itu adalah tanggungjawab ataupun fungsi penting kementerian dengan memastikan bahawa *biodiversity* negara kita terpelihara dan juga itu dapat menyediakan bekalan air yang cukup.

Jadi, berkaitan dengan bekalan air sumber ini saya harap kementerian berkaitan akan mengambil maklum daripada perkara ini dan kehendak Yang Berhormat itu, saya harap dapat disalurkan kepada kementerian berkenaan.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memangnya air adalah penting untuk kita semua, untuk sektor perindustrian, perkilangan, dan sebagainya, untuk pertanian ataupun kekurangan telaga. Ingin saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, berapakah air yang diperlukan tiap-tiap hari dan apakah Kementerian ada memantau dari segi pengagihan air dan sumbernya dan tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang pencegahan dan pemuliharaan sumber air. Apakah pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ada membantu untuk meneroka kawasan tadahan air yang baru? Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kawasan, itu sebabnya kementerian menggalak, menggesa ataupun menggesa kerajaan-kerajaan negeri memastikan bahawa semua kawasan-kawasan tadahan air yang sedia ada digazetkan supaya kawasan-kawasan ini dapat dikekalkan buat selama-lamanya. Sekiranya ianya dapat dilakukan, saya rasa kita akan mempunyai bekalan air yang mencukupi.

Berkaitan dengan jumlah bekalan air dan sebagainya, aspek pembekalan air ini memang tidak di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ini adalah di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, tetapi kita memastikan

bahawa kita mempunyai bekalan air mentah yang mencukupi bagi keperluan negara kita pada masa akan datang.

Saya rasa dengan adanya pelbagai program pemuliharaan dan penjagaan *biodiversity*, kita boleh memastikan bahawa bekalan air mentah kita bagi negara kita mencukupi.

9. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah mekanisme dalam sektor kehakiman yang menerima dan menyiasat aduan-aduan yang dibuat oleh orang awam dan peguam tentang tingkah laku dan prestasi hakim-hakim dalam negara kita dan berapa banyakkah kes sebegini yang diterima sejak tahun 2000 hingga 2004?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jika aduan itu melibatkan para hakim di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, sebarang aduan mengenai hakim-hakim bolehlah dibuat dengan menulis secara terus kepada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Manakala bagi para Hakim Mahkamah Seksyen atau Majistret di Mahkamah Rendah, aduan secara bertulis bolehlah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Kedua-dua aduan tersebut akan disiasat untuk menentukan kesahihannya sebelum sebarang tindakan dapat diambil. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak tahun 2000 sehingga tahun 2004, sebanyak 33 aduan telah diterima. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat, cukuplah. Masa soal jawab telah habis.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR
(PENCEMARAN MINYAK) (PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminta Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA
(PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminta Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005” dan “Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2) 2004” dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis **[Hari Pertama]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

11.13 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM9,738,708,558.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2004 bagi Maksud-maksud Bekalan B.3, B.7, B.9, B.12, B.13, B.14, B.15 dan B.41 dan B.50 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM597,998,971 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.06, P.07, P.11, P.15, P.21, P.28, P.29, P.41, P.48, P.52, P.70 dan P.71 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2005 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2004 dan juga Anggaran Perbelanjaan

Pembangunan Tambahan Kedua 2004 telah pun dibentangkan kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Penguntukkan Semula ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A Tahun 2005 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2004 dan Kertas Perintah 16A Tahun 2005 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2004.

Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.3, B.7 dan B.9 [Jadual] –
Maksud P.6, P.7 [Anggaran pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] –**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Kepala Bekalan B.03, B.07 dan B.09 dan Kepala Pembangunan P.06 dan P.07 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Santubong.

11.14 pagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya lima minit sahaja, Tuan Pengerusi. Satu soalan sahaja di bawah B.03 – Jabatan Audit, ataupun Kementerian Kewangan boleh jawablah. Di hadapan saya ini ada 20 laporan statut daripada jabatan-jabatan kerajaan yang diwajibkan membuat laporan ke Parlimen. Semua laporan ini menunjukkan laporan tahun 2002 dan tahun 2003.

Sepatutnya Parlimen diberi *current report* sebagaimana yang dibuat di antara yang 20 lebih ini, hanya Bank Negara sahaja yang boleh buat laporan 2004. Kenapa? Jadi inikah *reflection of* “Malaysia Boleh”? Saya hendak tanya, tidak bolehkah buat *report* tahun 2002 pada 2003 dan *report* tahun 2003 untuk 2004, untuk 2004 itu sekarang sudah bulan empat, boleh macam Bank Negara. Bank Negara buat tebal *reportnya* ini., tengok. Tetapi yang laporan-laporan lain tidak ada maklumat, satu, laporan lengkap tidak ada, laporan pun ke belakang, 2002.

Kalau saya hendak baca semua ini, Tuan Pengerusi, minta maaf, termasuklah universiti-universiti. Saya percaya sudah tiba masanya Dewan Parlimen ini dianggap sebagai satu badan kerajaan yang penting. Undang-undang mengatakan bagi laporan

statut kepada Parlimen, tetapi kenapa tidak dihantar mengikut hari dan masanya. Tetapi kalau individu yang buat salah, cepat kita bawa hakim, bawa ke mahkamah, masuk jail.

Saya percaya undang-undang tidak menetapkan bila laporan statut ini perlu dibuat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak jadilah lima minit, Tuan Pengerusi. Kalau ada orang tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tambah dua minitlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Santubong. Apa yang dimusykilkan oleh Yang Berhormat Santubong itu mewakili kemusykilan-kemusykilan rakan-rakan yang lain di Parlimen ini, tidak *up to date*.

Beberapa Ahli: Betul, betul

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam mana tidak *up to date*? Menteri Kewangan Kedua semalam tidak jawab pun apa yang kita bangkitkan dalam Parlimen. Mana ada dia menjawab?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Berbuih mulut kita bercakap. Tidak sentuh pun apa yang kita cakap. Yang cakap dia menangis waktu “*boss*” menangis, itu dia cakap. Tidak tahulah trend ini. Macam tadi, Timbalan Menteri Pengangkutan jawab tadi, asal syarikat kerajaan mesti beri, asal badan kerajaan yang diswastakan mesti rugi – disyarikatkan, rugi. Itu sudah jadi trend. Kerajaan mesti menambah duit. Yang hendak suruh lulus duit ini, kitalah. Apa sudah jadi di negara kita ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soal siapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak soal sama Yang Berhormat Santubong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ooh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Santubong ini pakar, Tuan Pengerusi, dia jalan satu dunia, Tuan Pengerusi, mana-mana dia pergi. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Jadi dia boleh jawab ini, Tuan Pengerusi. Dia ini layak jadi menteri, Tuan Pengerusi, cuma nasib dia belum sampai. *[Disampuk]*

Kalau Yang Berhormat Santubong membangkitkan laporan-laporan yang kita terima, tahun 2001, 2002, yang terbaik agaknya ini, *[Menunjukkan satu buku laporan]* ini saya baru baca ini tahun 2003, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, ikan maju sedikit. *[Ketawa]* Tetapi dia lembaga kemajuan. Tidak *up to date*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat sendiri sebenarnya pun pandai juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lebih pandai Tuan Pengerusilah daripada saya. Jadi macam mana, apa dia, apa sebenarnya Yang Berhormat? Cuba Yang Berhormat buat sedikit komentar atau macam manalah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya memang lama telah memendam hati, berulam rasa, Tuan Pengerusi, melihat keadaan-keadaan yang berlaku di sekeliling kita. Kalau soalan-soalan yang tidak ada *sanction, penalty* ataupun hukuman, kita buat remeh sahaja. Kalau kita berjalan di tepi jalan, kita bolehlah lakukan kesalahan kerana tidak ada polis. Itu hakikatnya.

Kalau kita tidak tahu yang Tuhan boleh melihat, kita boleh lakukan apa sahaja kesalahan kepada Tuhan sebab tidak dapat melihat Tuhan. Patut kita pendam dalam hati kita ini kalau undang-undang mengatakan kena laporkan ke Parlimen, prestasi jabatan, agensi kerajaan mestilah *current*. Buatlah macam Bank Negara Malaysia. Saya puji Bank Negara Malaysia ini. Saya kagum, saya baca ini sudah setengah. Saya bukan pergi semua dunia, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya baca buku dari seluruh dunia. Itu yang saya buat. Saya baca buku sahaja.

Kalau nak tahu baca soalan Malaysia, baca dalam laporan Bank Negara ini. Ada Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jadi,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu dulu Yang Berhormat ya, tunggu dulu, duduk dulu. Saya dah tulis semua dah - Laporan Pelabuhan Kuantan 2003, Lembaga Elektrik Sabah 2002, apa hal? Laporan Mada 2003.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Universiti Malaysia Sarawak 2002

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat ya. Laporan semualah, baca ini, semua 2002 dan 2003 saja. Yang tinggal Bank Negara sajalah saya sebut. Jadi kalau kita nak jadi negara maju, 16 tahun lagi tak lama, jangan perlekehkan persoalan *compliance* dengan undang-undang ini. Jangan sebut sendiri ISO 900, ISO ini, ISO itu, ISO kanan, ISO kiri, ISO depan dan belakang itu tapi undang-undang tak ikut. ISO ini *comply* dengan semua *prescribe*, *procedure* dan berbagai-bagai.

Jadi bukan kita ini mencaci saya ingat, tidak, tapi dah lama sangat kita lihat. Saya simpan sikit saja, 20 lebih laporan. Jadi saya berharap pihak kementerian memberitahu dengan Jabatan Audit ini kepada semua jabatan kerajaan, mintalah laporan ini diberi *current* dan yang kedua diberi lebih banyak maklumat yang tertentu sebagaimana yang dibuat oleh Bank Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, duduk, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat dari Santubong. Setujukah Yang Berhormat laporan audit bukan sahaja haruslah *up to date* tetapi ia seharusnya dibuat dengan pengauditan baik-baik dan mendalam. Kenapa saya sebut perkara ini, kerana dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Sarawak Tahun 2003, saya dimaklumkan bahawa dalam tahun 2003 terdapat satu pelaburan yang dibuat oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak yang dalam *Syarikat First Silicon (M) Sdn. Bhd.* Dalam tahun 2003, setahun saja, *First Silicon (M) Sdn. Bhd.* mengalami kerugian sebanyak RM700 milion, satu pelaburan kerajaan yang mengalami kerugian sebanyak itu tidak langsung disebutkan dalam laporan Ketua Audit itu, apakah kerja Ketua Audit itu? Apakah tujuan pengauditan sekiranya dia tidak dapat mengesani satu kerugian yang begitu banyak. Bagi pelaburan itu,...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, setujukah?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat ada dua, tiga perkaralah. Nak setuju dengan Yang Berhormat, itu buat andaian, sebenarnya buat

andaian. Jadi oleh sebab andaian ini bukan berlandaskan latar belakang dan fakta yang nyata, jadi saya tidak boleh bersetuju.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dulu.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu sebenarnya, saya boleh tunjuk.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dengar jawapan saya dulu. Orang muda jangan cepat naik darah, jadi masalah audit ini Tuan Pengerusi, saya nak bagi nasihat kepada Yang Berhormat Bandar Kuching. Pertama pelantikan pegawai audit untuk negeri. Kalau tiap-tiap jabatan di negeri nak melantikkan pegawai audit untuk mengauditkan jabatan dan agensi-agensi dan pelaburan-pelaburan jabatan dan negeri tersebut, dia kena ada keputusan dan kelulusan daripada B07 - Jabatan Perkhidmatan Awam.

Oleh sebab pegawai audit ni nanti, walaupun gaji dibayar pihak negeri tapi pencennya dibayar oleh pihak pusat. Jadi ada perbalahan masalah di Sarawak dan begitu juga negeri-negeri lain, saya cukup yakin bahawa pelantikan pegawai audit tidak mencukupi. Jadi kalau inilah satu masalahnya, patutlah pihak negeri, JPA janganlah takut sangat, ini untuk kepentingan masyarakat kita juga, nak jaga sumber kewangan kerajaan, sumber kewangan daripada rakyat Malaysia menerusi cukai-cukai.

Jadi saya berharap perbincangan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat supaya pegawai-pegawai audit ini dibanyakkan, dan saya melihat itulah kenapa kalau kita baca buku-buku audit ini, saya bukan baca semua, bacalah sedikit-sedikit, ada negeri Johor, Sarawak, saya baca sikit, melihat kenapa pengauditan tidak menyeluruh oleh kerana pegawai lantikan untuk jabatan dan agensi tidak dapat kelulusan daripada pihak JPA.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dulu, bagi Mambong dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada 10 minit, untuk makluman Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya daripada Santubong. Saya memang setuju bahawa laporan audit ini perlu dikemaskinikan . Kalau kita menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tadi, audit tidak melaporkan kerugian *Syarikat First Silicon*. Kalau kita lihat untuk Laporan Audit Negeri Sarawak Tahun 2003 tetapi sebenarnya laporan ini adalah untuk tahun 2002, yang telah pun dibelanjakan untuk tahun 2002. Mungkin kerugian *First Silicon* itu pada tahun 2002 belum dialami lagi oleh syarikat. Tetapi sekarang *First Silicon* sudah untung, sudah mula mendapat *revenue*. Jadi inilah masalah kalaulah laporan yang tidak terkini

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan itu...

Dr. James Dawos Mamit: Saya mahu sekarang datanglah kepada soalnya, kenapa Jabatan Audit, kalau ia mengeluarkan laporan, kadangkala ia tidak menyentuh perkara yang sebenar, hanya *superficial* sahaja. Saya bagi contoh, pada pendapat audit, publisiti mengenai kemudahan sukan dan aktiviti yang disediakan oleh kementerian perlu diperluaskan lagi, ini bukan spesifik, ini *generalize*. Yang Berhormat bagi Santubong, kenapa jadi begini?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[ketawa]* Ini saya ingat, saya nak katakan cuai atau tidak ataupun enteng tidak juga, mungkin semuanya sekali memandangkan keperluan satu-satu faktor dan prosedur di jabatan kerajaan itu adalah perkara yang boleh dibuat kerana tiada orang yang membangkitkan. Jadi sekarang kita bangkitkan persoalan ini, saya berharap pada tahun hadapan laporan daripada jabatan-jabatan kerajaan ini bukan saja *current* iaitu terkini tetapi juga lengkap untuk memberi butiran-butiran yang boleh menjadi maklumat kepada sesiapa yang membaca. Sebab tujuan laporan ini dihantar ke Dewan ialah untuk ahli Parlimen membaca, melihat, mengawal selia. Ini tugas ahli Parlimen, mengawal selia perbelanjaan kerajaan, macam mana sumber kewangan ini diberi kepada jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan dikawal selia oleh Dewan. Ahli Parlimen bertanggungjawab buat ini, kalau ahli Parlimen tidak buat, memang satu kecuaiannya itu. **Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada cerita lain.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tiap-tiap tahun saya nampak laporan, mengkaji laporan tahunan ini. Dan yang aneh saya nampak laporan Ketua Audit Negara dipaparkan di sini semacam untuk mendapat *badge of acceptability* daripada Parlimen. Jadi yang kita tahu tugas audit ini adalah mengesan di mana kita telah membelanjakan wang dengan betul, di mana-mana kita telah membelanjakan wang dengan tidak betul ataupun dengan cara yang begitu salah dan teguran-teguran dan pada tahun yang kemudiannya, audit memang meminta kementerian atau badan itu membetulkan apa yang sudah salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, bersetuju atau tidak kalau laporan ini mengandungi teguran yang sudah dan bagaimana badan itu telah mengikuti teguran-teguran ataupun ajaran-ajaran yang telah diberi oleh pihak Audit itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak soal dalam masa lima minit sudah habis cerita. Nampaknya tidak menjadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebih. Sudah 15 minitlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pendekkan sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Very important, very important.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Tidak payah mintalah. Biar Yang Berhormat habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak keluar, saya hendak keluar.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, la ni begini. Kita buat keputusan, kalau Ketua-ketua Jabatan itu tidak boleh memberi laporan auditnya mengikut jangkaan diperlukan mungkin apabila kenaikan pangkat dan juga kenaikan gaji mereka itu boleh kita pertimbangkan.

Ini menunjukkan bahawa prestasi mereka itu tidak baik dan badan kerajaan juga adalah satu syarikat, dia kena tutup akaun, daily akaun

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya fikir lebih elok Yang Berhormat buat cadangan itu kepada kerajaan, tidak perlu melalui Ahli Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal ini *floor* Santubong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat boleh cakap. Boleh berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: OK. Terima kasih. Baik terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Jimatkan masa Ahli Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Nantilah, Yang Berhormat bagi Jerai akan bercakap, soalan gaji *remuneration*, kemudahan dan sebagainya pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menjalankan tugas.

Saya di sini hanya mempersoalkan kenapa laporan ini dihantar lambat dari tahun ke tahun. Kalau kita lihat Laporan Tahun 2002 Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan umpamanya, ini maknanya persoalan berlaku pada 2001. Maknanya ini sudah empat tahun di belakang.

Berbalik kepada apa yang disebut Yang Berhormat bagi Mambong tadi, memang betul Yang Berhormat, kalau pelaburan itu besar dan pembuatan itu perangkannya besar memang keuntungannya juga akan terlambat. Kita kena tunggu dan saya pun peka Yang Berhormat, ini duit masyarakat kita, duit kita. Duit Yang Berhormat, duit saya. Saya pun bayar cukai.

Oleh kerana itu, laporan yang saya terima pada tahun 2004, *first ...* telah mendapat keuntungan. Dalam keadaan sedemikian, kita tidak boleh menggelengkan kepala dahulu Yang Berhormat, sebab kita tidak boleh menafikan bahawa ada cerita-cerita yang kita dengar itu, ada yang betul, ada yang tidak betul. Jadi, tunggulah nanti laporan pada tahun 2004 yang akan datang dan untuk tahun-tahun yang berikutnya.

Oleh kerana laporan yang kita terima ialah untuk tahun 2003 dan saya berharap pada tahun 2004 yang akan dibentangkan pada tahun 2005 ini akan boleh diterima di Dewan ini juga. Selepas itu barulah boleh kita bangkitkan semula perkara ini. Kalau kita hendak bangkit sekarang kita akan membuat satu andaian yang tidak tepat.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, dua perkara tadi, saya meminta dengan pihak kementerian memberitahu dengan pihak Audit Negara supaya menekankan kepada semua jabatan kerajaan, semua agensi kerajaan dan semua mereka yang menggunakan duit kerajaan, mesti buat laporan yang terkini ke Dewan Parlimen ini. Kalau tidak laporan ini adalah tidak guna lagi pada kita sebab ia sudah tiga atau empat tahun kebelakangan. Kalau tidak, tidak guna dipertikaikan lagi.

Kalau buat macam Bank Negara ini, sedaplah kita buka buku sudah cukup, semua laporan kita sudah tahu apa yang berlaku - soal ekonomi, soal perbelanjaan, kematangan dan soal apa sahaja yang boleh kita lihat dalam laporan Bank Negara itu. Jadi yang lain itu, minta maaf, semuanya tidak boleh di pakai kerana laporan itu sudah lapuk sudah. Kalau kita cerita pun dia jadi surat khabar lama, itu yang pertama.

Yang kedua tadi Yang Berhormat, ialah persoalan pelantikan Pegawai Audit daripada negeri-negeri. Walaupun kita akan dibebankan dengan *patient* pegawai ini nanti tetapi kepentingan jabatan dan agensi-agensi di *state* itu, yang *state* mahu bayar gaji tetapi kita tidak luluskan pegawai dia. Bagilah tahu dengan JPA ini janganlah "*penny-wise, pound-foolish*" sangat. Ini menjaga sumber kewangan sekarang. Nilainya 20 tahun akan datang lebih besar daripada nilai sekarang, kita kena jaga sekarang. Jangan takut bayar pencen bagi pegawai sekarang.

Jadi tindakan itu adalah tidak wajar. Jangan bimbang, kadang-kadang kita lantik pegawai yang tidak penting sangat kegunaannya, tetapi dalam keadaan yang penting ini kita tidak lantik. Jadi saya memintalah pihak kementerian mengambil tindakan yang khusus supaya boleh diberitahu Parlimen pada tahun yang akan datang yang kita sudah merealisasikan kehendak kerajaan - semua soal jangan tercicir, jangan terbuang duit dan sebagainya ini menerusi pengauditan oleh pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada satu, dua, tiga, empat dan lima orang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya haraplah semua jaga, kawal masa sedikit. Yang Berhormat bagi Ipoh Timorlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama PB3 Jabatan Audit, Yang Berhormat bagi Santubong tadi ada sebut mengenai betapa penting laporan yang terkini dan bukan laporan yang lapuk yang tidak ada guna termasuk laporan-laporan daripada Ketua Audit Negara.

Tetapi kita mahu bukan sahaja laporan yang terkini, kita pun mahu Dewan yang mulia ini ambil perhatian yang serius mengenai laporan-laporan yang di bentang dalam Dewan ini. Selalu laporan-laporan yang ada di bentang di Dewan ini tidak diberi perhatian yang sewajar oleh Ahli-ahli Parlimen. Malah Ahli-ahli Parlimen pun tidak buka, tidak baca buang sahaja. Datang ke Dewan ini tidak baca buang sahaja.

Laporan Suhakam sebagai contohnya dan itulah sebabnya kenapa Dewan yang mulia ini tidak pernah membahaskan laporan Suhakam dan laporan Suhakam tahunan yang baru yang sepatutnya telah siap. Adakah kita akan bercakap begitu banyak mengenai reformasi Parlimen? Adakah kita akan bermula dengan laporan baru dan akan dibentangkan dengan ada perbahasan mengenai laporan Suhakam?

Laporan Ketua Audit Negara - adakah Parlimen sampai sekarang beri perhatian yang serius kepada semua laporan Ketua Audit Negara? Kita ada *Public Account Committee* (PAC), dan kita harap bahawa PAC yang baru dengan Pengerusi BBC sebagai Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Kepong sebagai Timbalan Pengerusi, kita boleh membawa perubahan tetapi perubahan sahaja di peringkat PAC tidak cukup. Adakah sampai sekarang dalam 10 tahun ini, adakah pernah Dewan yang mulia ini bincang laporan PAC dan laporan Ketua-ketua Audit Negara mengenai perakuan-perakuan, mengenai *finding-finding* PAC? Apa guna ada laporan PAC kalau laporan PAC tidak di hirau dan diberi perhatian oleh Dewan yang mulia ini?

Apa yang kita perlu ialah satu mekanisme di mana laporan PAC bukan sahaja di bentang dalam Dewan yang mulia ini tetapi di bahas. Kalau Parlimen tidak pernah bahas laporan PAC, ini menunjukkan bahawa Parlimen tidak beri perhatian yang serius bukan sahaja kepada Laporan Ketua Audit Negara tetapi kepada laporan PAC juga. Kenapa sampai sekarang tidak pernah ada satu perbahasan laporan PAC?

Dalam sejarah Parlimen Malaysia mungkin satu kali sahaja, iaitu dengan usaha saya dalam tahun 80-an untuk kemukakan satu usul membahaskan laporan PAC. Tetapi selepas itu saya tidak buat apa-apa usaha untuk kemukakan usul membahaskan laporan PAC oleh kerana masa tidak akan diberi untuk satu perbahasan. Adakah dalam program *Parliamentary Reform* akan diwujudkan satu mekanisme di mana apabila laporan-laporan PAC dan laporan-laporan Ketua Audit Negara di siap dan di bentang dalam Dewan yang mulia ini kalau perlu, kalau ada, Ahli-ahli Parlimen yang mahu satu perbahasan mengenai laporan PAC sama ada perakuan-perakuan yang dibuat oleh PAC, sama ada kerja-kerja ada dibuat oleh PAC perlu disokong, perlu ditegur atau perlu dikutuk akan diberi masa untuk satu perbahasan.

Kalau tidak, apa guna PAC kalau Dewan yang mulia ini tidak mahu memberi perhatian yang berat kepada laporan PAC? Apa guna *Public Account Committee* (PAC)?

Saya haraplah ini boleh menjadi satu panduan kepada Ahli-ahli Parlimen supaya pada masa depan dalam usaha untuk menjadikan Parlimen ini *first world* Parlimen, kita bermula mengenai perkara-perkara yang kita beri perhatian supaya Parlimen ini unggul, supaya Parlimen ini dimuliakan, bukan seperti pada hari ini kalau kita baca surat khabar *New Straits Times*, "*Our MPs are not ready for prime-time TV*". Sesiapa yang membaca kolum ini tentu tahu, ini menghina Ahli Parlimen. Menghina Ahli-ahli Parlimen! Adakah Ahli-ahli Parlimen merasakan telah dihinakan oleh kolum ini?

Soalan yang lebih tepat ialah adakah penulis ini Zainul Ariffin mungkin dia bukan sahaja ada hak tapi dia juga betul. *He is in the right* untuk menghina Ahli-ahli Parlimen oleh kerana kelakuan Ahli-ahli Parlimen menghina diri sendiri. *Is he right?* Kalau dia silap Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional perlulah rujuk dia kepada *Committee of Privileges*. Relak tidak? Relakah merujuk Zainul Ariffin kepada *Committee of Privileges* oleh kerana penulisannya telah menghina Ahli-ahli Parlimen atau kita *guilty conscious* apa yang ditulis betul. Apa dia tulis dengan izin.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Zainul itu DAP.

Tuan Lim Kit Siang:

“.....*people just don't care any more about our MPs or what they do-and that is worrying.*”

So are our MPs trying to make themselves relevant? Are MPs relevant?"

92% - Barisan Nasional. 92%- Barisan Nasional, *are you relevant?*

"I do not know about others, but I am slightly perturbed by media reports about MPs becoming fashion police – whether MAS...."

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *kebayas are too tight, or the lout....*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini merujuk kepada mana satu bekalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, *ya it passing* sahaja. Mengenai Audit Parlimen *in passing. In passing and very quick passing, very quick passing.*

"...whether MAS – kebayas are too tight, or the lout on a train featured in a courtesy campaign demeans the Malays; or the merits and demerits of polygamy."

Adakah MP rela mempertahankan kelakuan dalam dua minggu ini, bahawa inilah mereka, *right* dan bukan mereka menghina sendiri sehingga masyarakat menghina Ahli-ahli Parlimen. Adakah serius mengenai *Parliamentary reform*? Adakah kita serius untuk memperdebatkan, meninggikan dan meningkatkan martabat Parlimen ini? Itulah okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Saya terus kepada tajuk yang kedua.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran, apa hendak tanya?

Datuk Ronald Kiandee: Hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju rencana itu menghina Ahli Parlimen tetapi dia tidak merujuk kepada mana-mana Ahli Parlimen sama ada Pembangkang. Kita sebagai seluruh anggota Parlimen merasa terhina terhadap artikel itu yang saya baca pada pagi tadi. Tetapi Ipoh Timor, setuju atau tidak dengan saya dua minggu lepas ini kita membincangkan banyak perkara yang berguna untuk negara kita tetapi *news, press pick up the issue* yang dibawa oleh dua tiga orang Ahli Parlimen. Dia tidak

membayangkan keseluruhan Ahli Parlimen sebagai tidak berguna dan tidak *relevant*. Sebab itu saya katakan artikel itu tidak betul, saya setuju.

Saya setuju itu tetapi kita mesti setuju bahawa dua minggu lepas banyak perkara yang berguna kita bincang. Tetapi diambil oleh *press* perkara kecil yang remeh-temeh, yang dibawa oleh dua tiga orang Ahli Parlimen. *That doesn't reflect the whole* Ahli Parlimen. Setuju?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Yang Berhormat Ahli Parlimen rasa ini telah menghina Parlimen, kita perlu bertindak. Tidak boleh diam-diam menerima kelakuan ini di mana kita dihina dan dia sendiri ada tulis:

" Maybe. But the proverbial no-smoke-no-fire rule still governs the media. It will not report what it does not see or hear. And there are plenty of things to see and hear in Parliament. Sometimes they can be downright funny, too".

Kalau kita merasa ini menghina - apabila saya baca, saya rasa ini penghinaan tetapi saya rasa ini ialah 92% Barisan Nasional yang disebut, bukan Ahli Parlimen DAP atau Pembangkang. Ditujukan kepada Barisan Nasional MP. Tetapi saya boleh share perasaan kerana ini menghina Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:rasa ini menghina.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang:Ahli Parlimen, kita rujuk kepada *Committee of Privileges*. Rela? Kemukakan usul, kita di DAP sokong. Rujuk artikel ini *New Straits Times*, Zainul Ariffin kepada *Committee of Privileges* supaya kita siasat benar atau tidak benar. Beri dia satu *chance*. Bukan dia *guilty*, tapi perkara ini perlulah dikaji dengan sedalam-dalamnya kalau matlamat Parlimen mahu dihormati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat balik kepada butiran.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sudah tukar tetapi ada yang mahu meminta penjelasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:dan saya rela beri penjelasan kalau ada. Adakah? Saya rela. Adakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak akan benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak akan membenarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rela memberi penjelasan. Takut mempertahankan diri sendiri. Saya cuba mempertahankan maruah Ahli Parlimen Barisan Nasional. Nampaknya tidak ada Ahli Parlimen Barisan Nasional yang rela.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, cukup!

Tuan Lim Kit Siang:mempertahankan maruah sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin mereka mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukanlah! Mereka malu! Mereka malu, mereka *guilty conscious!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Tuan Lim Kit Siang: Mereka percaya itu benar kepada mereka. Ya, okey. Saya rujuk kepada Maksud B.9 - Badan Pencegah Rasuah, mengenai operasi penyiasatan.

Yang pertama saya harap bahawa dalam penggulungan, mengenai apa yang saya bangkitkan semalam bolehlah diberi penjelasan dan jawapan yang sewajarnya, kerana ini adalah bersangkutan paut dengan integriti kerajaan. Bukan sahaja BPR tetapi integriti kerajaan serius atau tidak serius dalam membanteras rasuah. Tetapi mengenai peruntukan di sini mengenai operasi dan penyiasatan saya ingat pada tahun 2003 bulan Julai, bahawa BPR ada membuat satu keputusan baru yang menunjukkan BPR pun percaya mengenai prinsip *transparency* dan *accountability*.

Pada masa itu ada buat satu keputusan mengenai satu pendekatan *three prompt approach* mengenai tanggungjawab BPR kepada orang ramai mengenai penyiasatan-penyiasatan BPR.

Yang pertama, bahawa ACA BPR akan memaklumkan semua *complainant* mengenai status laporan mereka dengan status penyiasatan, mengenai laporan mereka kerana kompelin-kompelin dan semua orang yang membuat laporan ACA ialah mereka tidak tahu. Apa sudah jadi mengenai laporan-laporan kepada ACA. *What happened*, sudah hilang. *Prompt* pertama bahawa semua *complainant* akan dimaklumkan mengenai status *investigation*. Laporan-laporan *verdict* mereka.

Yang kedua, bahawa ketua jabatan-ketua jabatan kerajaan pun akan diberitahu mengenai keputusan Peguam Negara, mengenai penyiasatan yang ada bersangkutan-paut dengan jabatan-jabatan mereka.

Yang ketiga, bahawa ACA BPR akan mengeluarkan kenyataan mengenai kes-kes yang masih dalam penyiasatan demi kepentingan orang ramai. Itu sudah dekat dua tahun. Saya mahu tahu bahawa apa sudah berlaku? Adakah BPR mengikut dasar yang baru ini untuk ada satu transparansi memaklumkan bukan sahaja *complainant*, bukan sahaja ketua-ketua jabatan, tetapi kepada orang ramai mengenai status penyiasatan.

Oleh kerana kita tahu sebenarnya minggu lalu Malaysia Kini pun ada satu *round-up* dalam dua tahun ini mengenai beberapa laporan yang ada dibuat terhadap ACA, mengenai korupsi-korupsi dan bahawa *top of the list* ialah Menteri Besar Selangor. *Top of the list* dengan lebih daripada sepuluh laporan yang ada dibuat terhadap beliau.

Apa yang berlaku? Apa yang berlaku? Kita mahu tahu. Ada laporan dibuat terhadap Menteri Besar Selangor, terhadap Menteri Besar Melaka, Ketua Menteri Melaka, Menteri Besar Pahang, Menteri Besar Kedah. Masa lampau, ada laporan yang dibuat terhadap menteri-menteri. Menteri Kerja Raya, bekas Menteri Pengangkutan Ling Liong Sik. Apa terjadi? Kenapa fasal baru dan ada diumumkan, ada diputuskan dalam Julai 2003. Nampaknya kita tidak tengok apa-apa hasil, semua diam, terus diam, *cover up*, terus *cover up*. Apa yang berlaku?

Saya harap bahawa satu penjelasan boleh dibuat. Baru-baru ini Ketua Setiausaha ada umumkan bahawa haram untuk memberi hadiah kepada kakitangan kerajaan, *no gifts* untuk kakitangan kerajaan. Adakah kita boleh ingat beberapa tahun dahulu, masa itu hadiah diberi bukan sahaja kepada kakitangan kerajaan yang biasa, sama ada melalui *in kind* atau wang, macam pelancongan, lawatan luar negeri dan diberi kepada kakitangan yang biasa pada masa itu, Ketua Hakim Negara, *give visits*

overseas? Kenapa? Adakah tindakan diambil? Baru-baru ini mengenai *Department Of Environment*, Jabatan Alam Sekitar, ada seorang pegawai DOE di Kuching Rumie dibunuh. Di Perak, laporan dibuat oleh seorang pegawai DOE mengenai penyelewengan. Di Johor pun ada berlaku kepakaran yang begitu *mysterious*. Apa yang berlaku dalam DOE? Adakah ACA ambil tindakan dan bolehkah kenyataan dibuat mengenai status perkara ini? Apa yang lebih mustahak ialah pegawai DOE di Perak yang ada buat laporan, adakah dia diberi perlindungan bahawa tidak ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap beliau oleh kerana dia merupakan seorang *whistle blower*.

Saya mahu tanya di sini, kalau kita mahu berkesan supaya BPR boleh siasat, BPR perlu *whistle blower*. Kalau tidak ada *whistle blower*, mana boleh dapat maklumat. Dalam tahun 2003 adalah diumumkan bahawa kerajaan sedang menyiapkan *finalizing* satu rang undang-undang untuk Parlimen *with Witness Protection Act* untuk memberi perlindungan kepada *whistle blower* yang memberi maklumat kepada BPR, kepada pihak yang berkenaan untuk memberi perlindungan kepada mereka . *What has happened?* Apa sudah berlaku? Kalau kita sebut mengenai *whistle blower*, seorang *whistle blower* yang termasyhur dalam negara kita ialah dalam bidang kehakiman tahun 1995, seorang hakim yang *whistle blow*, 33 muka, 33 *pages* laporan mengenai penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, korupsi dalam kehakiman. Beliau dipaksa untuk meletak jawatan, *justice* Hakim Syed Aidid. Adakah beliau akan *directed*, kembalikan segala *benefit*, faedah-faedah, oleh kerana dia *whistle blow* yang pertama. Kalau kita serius, kita perlulah memberi perhatian kepada semua ini supaya kita berjaya untuk membanteraskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sudah habis. Membanteraskan rasuah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

11.54 pg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, memanglah wakil rakyat ini, macam saya kata selalu menjadi lilin.. Difitnah, dikeji, dihina tetapi yang dihina tetapi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi, yang dihina, yang dikeji inilah yang membela masyarakat di luar sana. Mungkin penulis dalam *New Straits Times* itu harus hadir di Parlimen, jangan hanya membaca, hadir dan melihat bagaimana dari jam 10.00 pagi hingga ketika 12.00 tengah malam kita bersidang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, butiran berapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak pi, saya bukan. Saya berasa sayu tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hmmmm.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, di atas kesayuan ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak lepaskanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak lepas sebelum saya hendak masuk kepada perkhidmatan awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Niat baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, kita kecewa juga kadang-kadang. Tetapi, ini adalah dugaan kita sebagai pemimpin yang selalu menjadi bahan orang menyatakan sesuatu. Biarlah apa pun dikata, kita Ahli Dewan Rakyat ini, dipilih oleh rakyat ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, sudah lepas cukuplah. Balik kepada tajuklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh, tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak mahulah. Tidak usahlah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya hendak pergi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap lagi, sekejap lagi kita bahas. Sekejap lagi kita bahas, ya.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Cik Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bolehlah. Kalau boleh, Encik Zainol tulislah kelaku yang.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*] [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu keluar daripada tajuk. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, oleh kerana itu terkeluar. Keluar daripada tajuklah.

Cik Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Pembangkang melawak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itulah kelaku yang dimaksudkan oleh Encik Zainol penulis dalam *New Straits Times* itu. Kelaku seorang *veteran politician* parti pembangkang yang bersikap seperti orang yang kehilangan fikiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Ini pun terkeluarlah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Yang Berhormat, saya ingin pergi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Memang kalau kita bangkitkan, rang undang-undang yang kita luluskan ini banyak. Laporan audit yang tidak lengkap dan sebagainya. Kemungkinan juga disebabkan oleh kekurangan tenaga pekerja. Ini kadang-kadang menyebabkan *enforcement* ataupun penguatkuasaan yang dilakukan ataupun diluluskan oleh undang-undang tidak dapat dijalankan disebabkan oleh kekurangan kakitangan. Jadi, untuk menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang *world class*, dari segi pentadbirannya itu harus *up-to-date*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jerai, hendak bertanya. Kenapa kita menghadapi masalah kekurangan kakitangan? Adakah kerajaan tidak berkemampuan untuk mengadakan, menambah

kakitangan? Kalau tidak ada kemampuan, kenapa? Apakah agaknya punca kita, kerajaan gagal untuk mengadakan kakitangan yang mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat? Ini yang menghambat keperluan-keperluan dalam negara kita, sedangkan ini merupakan satu keperluan yang perlu. Apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan jawatan-jawatan penambahan ini untuk memastikan kita tidak ada isu lagi kekurangan kakitangan di agensi-agensi kerajaan ataupun dalam kerajaan itu sendiri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Mungkin juga disebabkan oleh kita sedang mencuba untuk *balancekan* bajet kita dan dari situ, mungkin kita terhad dari segi kewangan. Tetapi yang saya juga bimbang ialah agensi-agensi kerajaan ini ditubuhkan, badan-badan yang ditubuhkan ini juga menghadapi lambat mendapat keputusan daripada JPA ini sedangkan mereka mempunyai peruntukan. Jadi, hendak meluluskan permohonan pegawai tambahan dalam agensi-agensi kerajaan ini yang dikuasai, yang *dicontrol* oleh JPA ini juga memakan masa. Jadi, ini yang saya tidak faham. Kadang-kadang terpaksa kita lantik pegawai kontrak dan sebagainya. Jadi, ini haruslah dan kalau JPA sendiri kekurangan kakitangan.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat menyedari. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan untuk kita, Ahli-ahli Parlimen, satu orang satu pembantu. Tetapi, masalah yang kita hadapi iaitu kelambatan di pihak JPA. Jadi, apakah JPA ini tidak tahu kerja ataupun mereka melengah-lengahkan pekerjaan ini? Dalam masa yang sama, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sarawak, saya dapat maklumat dan telah meninjau kaunter Imigresen dan melihat bahawa kaunter dia tidak mencukupi. Perdana Menteri telah mengarahkan supaya kaunter itu ditambah dan dengan serta-merta, pengarah imigresen dia telah menambah daripada tiga kaunter ke sepuluh kaunter. Malangnya, kaunter yang ditambah itu tidak ada orang duduk. Tiga orang jua yang duduk. [*Ketawa*] Jadi, masalah tidak jua selesai. Jadi, apakah ini JPA sengaja memperlekehkan ataupun mereka, tidak tahulah macam

mana, apa yang kita boleh panggil terhadap mereka. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertamanya, saya hendak tanya pengarah itu minta kaunterkah, minta tambahan pegawai?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Semua dia minta.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ohh, semua dia minta. Kalau dia minta kaunter, memanglah betul kaunter dia buka. Tetapi, dia minta pegawai. Jadi di sini, saya minta JPA, kalau JPA sendiri pun tidak memberi kakitangan yang cukup, maka kita *recruit*lah. Saya mencadangkan supaya program isi penuh yang kita lancar suatu ketika dahulu dimulakan kembali.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut dan Sabak Bernam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila, sila, pasal dia minta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang mana dulu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita Ahli Parlimen yang berwibawa.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut? Larut?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat? Yang Berhormat.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang mana satu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu yang hendak diberi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya beri kepada.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: BBC punya *deputy chairman*lah. Sekejap lagi, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, ya!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap lagi ya Yang Berhormat [*Sambil memandang kepada Yang Berhormat Sabak Bernam*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat bersetuju masalah yang sering kali dihadapi tentang birokrasi. Bermaknanya birokrasi ini kita mesti main *pass* macam main bola sedang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan betapa pentingnya mesra rakyat. Di mana kemesraan sentiasa wujud supaya pandangan-pandangan masyarakat banyak masalah boleh diselesaikan. Kita tahu bahawa tanggungan kerja ini memang tidak dapat kita nafikan yang dihadapi oleh agensi-agensi itu dan sesetengah itu.

Oleh itu mungkin kita lihat perkhidmatan kaunter ini yang terutama berurusan dengan rakyat. Kalau boleh ada sesetengahnya mungkin sudah buat pada masa-masa waktu rehat itu diteruskan. Bermaknanya ada giliran kerja, waktu rehat pun ada pengganti pekerja-pekerja lain supaya urusan dengan masyarakat ini kadang-kadang ia datang daripada jauh, daripada Jerai, daripada larut dan daripada Kinabatangan terutamanya lagi, sekarang ini telah mendengar kapal terbang pun sudah semakin rugi mungkin tidak ada perjalanan yang mengikut jadual. Jadi mungkin kerana ini kita melihat supaya bagaimana hendak mengatasi masalah birokrasi ini? Terutama sekali tentang saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mesra rakyat dan sebagainya, pendekatan yang begitu baik tidak disalahertikan kerana kita lihat pandangan-pandangan dari parti pembangkang begitulah Yang Berhormat jadi kita tidak perlu dan tidak berminat dengan para pembangkang, jadi kita jangan layanlah, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam pun hendak *tanya sekali?*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Silakan, sila, saya hendak jawab sekali.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Ini soalan saya ini ada relevan. Saya nampak kita ada satu contradiction, dalam suasana kita banyak kekosongan jawatan di jabatan-jabatan terutama sekali kalau saya melihat polis ada lebih 20,000 kekosongan, begitu juga dengan jabatan yang lain.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dalam masa yang sama, kita begitu ramai pengangguran dan penganggur yang mempunyai kelayakan yang begitu tinggi, kenapa ada kontradiksi ini? Kita selalu menyalahkan Jabatan Perkhidmatan Awam, apakah sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Awam ini salah? Tetapi yang penting sekali Yang Berhormat ialah kita mengambil pandangan bahawa dalam masa kalau Yang Berhormat kata tadi, kita kekurangan duit umpamanya, kita nampak baru-baru ini ehsan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diluluskan RM2.4 bilion sebagai satu rangsangan. Ini lebih kepada pembangunan fizikal. Saya berpandangan bahawa kalau ada peruntukan seharusnya diberikan keutamaan untuk perjawatan yang kosong ini kerana ini ada nilai kepada kehidupan manusia ini.

Yang kedua, saya sebenarnya sangat terkilan sebenarnya Yang Berhormat Jerai tentang kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang kita, saya sungguh kesal. Sebab kita di Parlimen ini memang memperjuangkan hal rakyat, di sini. Beliau menyatakan bahawa apa yang keluar dalam surat khabar itu supaya kita mengambil satu tindakan. Saya rasa kita akan mengambil tindakan cara Barisan Nasional yang berhemah bukan tidak seperti pembangkang yang menggunakan emosi dan semberono sahaja, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pertamanya memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu tentang rakyat telah menentukan kita kerana kita ini ular air, rakyat kita tidak akan pilih kita untuk duduk dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Mungkin yang menulis itu orang yang tidak suka kepada Barisan Nasional ataupun mempunyai pandangan yang berbeza tetapi tidak apalah ini demokrasi dan kita terima dengan terbuka sebagai orang politik, sebagai pemimpin masyarakat. Tetapi janganlah himpit kita sampai ke dinding kalau sampai ke dinding kita tidak boleh mengelak masalah nanti.

Di sini kita tengok cara kita berjuang ialah kadang-kadang manusia duduk di dalam dewan ini yang sehari suntuk ini kita sedikit sebanyak kita bergurau, benda-benda ini biasa, di mana pun macam begitu. Tidak akan orang yang tension, kalau orang yang tension begitu akhirnya dia akan masuk ke wad yang memikirkan kepalanya, akan fikir

cari dalam kepalanya apa dia masalah. Jadi kita banyak kerja, tanggungan wakil rakyat ini cukup banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tidak apalah, yang itu kita bersetuju dan lagi satu ini seperti kita bahas dalam Rang Undang-Undang satu lagi, tetapi di sini saya hendak minta di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat saya bersetuju dengan Larut tadi, pakai syiflah. Kalau waktu makan pun tidak apa, ganti, ganti dan kita sentiasa memperjuangkan pegawai-pegawai kerajaan yang....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya sila Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Ini bukan sahaja sebenarnya dari Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil pegawai, mengisi kekosongan dan sebagainya tetapi rasa saya latihan sikap juga perlu diberi kepada pegawai-pegawai ini supaya peka dan prihatin tentang tugas mereka. Saya hendak beritahu hari ini sebenarnya saya pada pagi tadi pergi ke satu jabatan kerajaan hendak berurusan, saya pergi ke kaunter tidak ada orang pun di kaunter. Saya tunggu 45 minit bersama dengan pelanggan-pelanggan yang lain, loceng pun hendak memanggil pegawai yang sepatutnya datang ke kaunter pun tidak ada, akhirnya saya baliklah ke Parlimen tanpa menyelesaikan urusan saya. Kita berharap kalau ada kaunter mestilah ada.....

Beberapa ahli: Sebutlah nama tempat itu?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Ya?

Beberapa ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Sebutlah jabatan apa.....

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Hendak sebut? Saya pergi ke Kementerian Pendidikan pagi tadi di Putrajaya. Rasa yang penting sekali bagi saya kalau sudah ada kaunter kena adalah penunggu di kaunter itu, sekian terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang apabila kita menandatangani jawatan itu adalah amanah. Pegawai-pegawai pun dia kena bertanggungjawab, saya ingin mengimbas kembali quotation Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam televisyen selalu dikeluarkan quotation beliau. Jangan kita memindahkan sesuatu itu kepada pegawai yang itu, yang itu, yang itu,

bermaksudnya kita bertanggungjawab. Kita kena tolong, ini adalah harapan rakyat kerana rakyat membayar cukai walaupun orang miskin tidak bayar cukai tetapi orang miskin mendoakan itu juga adalah pahala yang kita akan dapat.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puchong bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Silakan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Memang satu fungsi utama Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengisi jawatan yang kosong dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam ini sekarang menjadi satu anjakan paradigma di mana jangan kita terlalu emphasiskan kepada kuantiti. Kualiti pegawai-pegawai dan juga kaki tangan kerajaan mesti dipertingkatkan supaya polisi ataupun dasar penyampaian *delivery system* kita ini dapat dipertingkatkan tentang masa yang singkat.

Sebagai contoh, tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lipis bahawa sikap dan juga untuk memperbaiki keadaan *working environment* dengan izin. Ini memberikan satu motivasi kepada mereka bahawa pekerjaan itu adalah sebagai satu motivasi untuk bekerja lebih kuat lagi, ini satu.

Yang kedua, bersetujukah Yang Berhormat bahawa kita mesti ada satu petanda aras atau *bench mark* pada hasil kerja dan sebagainya untuk mengadakan suatu perbandingan yang lebih serius dari semasa ke semasa supaya sesuatu kemajuan dapat diperlihatkan atau dipertingkatkan lagi. Setujukah Yang Berhormat bahawa suatu anjakan paradigma mesti dilakukan terutama di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Memanglah Yang Berhormat kalaulah kita berpegang kepada amanah dan juga kita bertanggungjawab, kursus dan seminar ini adalah hanya sebagai tambahan kepada pengalaman kita. Kalau kita bekerja, kita duduk di situ sebagai seorang pegawai kita bertanggungjawab sebenarnya dan kita menjalankan tugas kita jangan curi tulang, jangan kita membuang masa dan sebagainya. Maka sendirinya orang-orang lain akan mengikuti kita dan kita cuba menyelesaikan masalah seseorang itu dengan segera kerana ini adalah masalah. Sebab itu kami sebagai Wakil Rakyat ini kerja kami

absolve people's problem and solve their problems dengan izin Tuan Yang di-Pertua. That is our duty for the nation and for the people jadi.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Yang Berhormat, mengenai dengan reports daripada Yang Berhormat kepada apa Yang Berhormat Kinabatangan ada membangkitkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat keputusan bahawa untuk membuat peruntukan bagi setiap Ahli Parlimen ada seorang pembantu. Adakah itu benar, atau itu adakah satu perkara yang tidak berasas oleh kerana selaku Ketua Pembangkang, saya pun tidak tahu. Kita tidak mahu perkara ini dianggap sebagai satu betul, tanpa apa-apa clarification oleh sebab ia ditujukan kepada Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat tahu tetapi saya tidak tahu tetapi kalau tidak jangan kita anggap itu sebagai suatu dasar yang sudah diputuskan, saya tidak tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang saya difahamkan Tuan Pengerusi telah minta JPA meluluskan sepuluh jawatan untuk *researcher*. Jadi kita boleh gunakan *researcher* itu di Bangunan Parlimen ini, dan ini alhamdulillah. Walaupun kita memerlukan seorang satu, tetapi tidak apalah, kita terimalah dahulu. Yang lain-lain itu, kita susah sedikit tidak apalah. Asalkan rakyat senang. Tetapi rakyat janganlah selalu mengecil-ngecilkan kami ini. Biar kita bakar diri tidak apa Tuan Pengerusi. Saya faham, sepuluh untuk hendak diberi kepada wakil rakyat begini ramai, manalah cukup? Tetapi tidak apa. Kami ini terima apa sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak kata apa pun katalah.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, lagi satu saya hendak minta mengenai Kastam Tuan Pengerusi. Kastam ini adalah pintu masuk barang-barang ke negara kita. Saya dapati bahawa masalahnya kadang-kadang Kastam tidak boleh *trace* benda-benda yang masuk kerana mereka ini tidak diperuntukkan kelengkapan yang mencukupi, kelengkapan yang *up to date*. Pasal toksik yang masuk itu, ini *under declaration*, *declare* benda lain, yang masuk benda lain. Walaupun Kastam mengutip

hasil kepada kerajaan tetapi, dia tidak dapat balik. Kadang-kadang permohonan untuk digunakan *screen* itu, *screen* ini di pintu-pintu masuk negara kita. Ini menyebabkan banyak benda yang telah dibawa masuk secara haram dan juga kadang-kadang dia *under declare* sesuatu benda itu dan menyebabkan kerugian besar kepada negara kita ini.

Jadi, saya mengharapkan supaya kerajaan memberi peruntukan yang secukupnya untuk kemudahan *screen*, *screen* mesinkah apakah, *scanner* dan sebagainya supaya benda ini boleh dipantau oleh Jabatan Kastam dan kita akan mendapat *collection* yang lebih besar lagi. Kalau tidak kita baca dalam akhbar bahawa kerugian-kerugian begitu besar kerana tidak dapat dipantau oleh Jabatan Kastam sendiri kerana pertamanya depa pun kurang tenaga kerja dan keduanya mereka tidak mempunyai alat-alat kelengkapan yang canggih dan....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak bercakap berhubung dengan Kastam ini. Kita tahu selalunya Kastam apabila dia buat sesuatu sekatan dan sudah pasti dia rampas. Misalnya kalau kereta, dia rampas kereta yang menyeludup itu. Biasanya kereta ini apabila dia rampas diletak di tempat-tempat tahanan kereta, kemudian dia tunggu kes itu selesai sampai kereta itu daripada kereta baru sampai sudah jadi kereta besi buruk. Kadang-kadang dia lelong pun, yang harga RM100 ribu, tinggal RM10 ribu macam itu sahaja. Apakah saranan ataupun perkara yang terbaikkah untuk kita buat dengan kereta-kereta rampasan ini supaya harganya lebih tinggi. Misalnya lelong lebih cepatkah sebelum kes itu selesai ataupun macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Inilah sekali lagi disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja dan birokrasi yang kita hadapi. Sesuatu kes itu terpaksa makan masa di mahkamah dan sebagainya dan perundangan kita memberi hak untuk kita membela dan sebagainya. Jadi mungkin disebabkan oleh inilah, kerana mungkin

tempat letakkan kereta itu tidak mencukupi dan sebagainya, maka *constrain* bagi pihak Kastam untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul.

Lagi satu Tuan Pengerusi, tentang Pengajian Rendah, Kementerian Pendidikan. Saya berharap dan saya berterima kasihlah kepada Kementerian kerana Pusat Komputer dalam kawasan Parlimen saya tujuh buah yang tidak boleh digunakan sedang mereka *repair* dan kita ambillah ini sebagai satu iktibar sebagai satu pengajaran bahawa jangan benar-benar macam ini berulang kerana ini merugikan. Kalau dua tahun dalam kampung itu budak tu tidak boleh belajar komputer dia rugi. Jadi ini akan merugikan anak bangsa kita disebabkan oleh pengkhianatan oleh kontraktor-kontraktor yang ingin mengaut keuntungan.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya *Penal Code* diubah. Kontraktor-kontraktor ataupun sesiapa sahaja yang membuat kontrak dengan kerajaan, tetapi menipu kerajaan mereka ini patut *dicharge* dibawah *Penal Code*, bubuh dalam penjara. Jangan kita biar depa pi macam tu sahaja. Begitu juga yang dok swasta hak kerajaan, kalau depa swasta, depa tidak boleh swasta seterusnya depa serah balik kepada kerajaan, individu itu kaya raya jadi jutawan, syarikat itu rugi, maka individu itu patut dibawa, diheret ke mahkamah untuk memberi jawapan. Ini kita bagi sesuatu kepada mereka, depa dapat keuntungan, apabila syarikat rugi depa serah, ataupun bila syarikat rugi orang lain ambil alih dan dia orang pergi dengan penuh kekayaan. Empat lima tahun timbul balik dengan duit-duit haram yang depa ambil daripada harapan rakyat. Jadi yang ini pun satu masalah.

Saya cakap macam Proton ini Tuan Pengerusi. Saya biasa bertanya, tetapi saya bercakap sedikit. Boleh kata pelaburan kita Proton ini, apabila kita beli syarikat daripada Lotus, kita membelinya RM500 juta dan sehingga hari ini

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Maran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak ke belakang sedikit tentang pendidikan tadi. Kita dapati di negara kita ini banyak pusat IPTA dan IPTS dan sebagainya. Setengah daripada IPTS ini adakan *twinning programme* ataupun program berkembar

dengan negara-negara luar. Tidak silap semalam, kita diberitakan di mana seorang pelajar yang belajar di IPTS sini dengan *twinning programme* dengan luar negeri, tetapi ijazah mereka tidak diiktiraf oleh kerajaan. Ini juga termasuk dari segi pendidikan. Bagaimana komen Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini perlu pihak kementerian dan juga pihak IPT-IPT ini mengambil kira. Kalau tidak nyalah pelajar ini. Dia pergi belajar, kemudian balik dia tidak boleh kerja kerana sijil dia tidak mendapat pengiktirafan. Memang Kementerian Pendidikan tugas tanggungjawab dia berat. Cuma saya mencadangkan Tuan Pengerusi supaya buku itu bagilah percuma kepada semua pelajar. Kadang-kadang mai di kampung kita itu pun yang senang pun minta. Tidak bagi pun susah, bagi pun susah. Hendak telan susah, hendak luah susah. Hendak kulum, bila kulum sakit tekak. Ini masalah kita. Wakil Rakyat selalu jadi mangsa. Jadi saya harap bagilah percuma buku pendidikan ini kepada semua pelajar rendah dan menengah. Bukannya senang sangat. Kadang-kadang pegawai pun gaji RM1,000 RM2,000, kalau anak lima enam masuk sekolah penatlah Tuan Pengerusi. Tambah lagi ada di pusat pengajian tinggi dan sebagainya. Tambah lagi kita wakil rakyat ini, anak pun ada. Bukan bermakna wakil rakyat tidak ada anak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tumpukan kepada butiran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, [*Ketawa*]. Saya ada sedikit *emotional* Tuan Pengerusi pagi ini. Jadi saya harap Kementerian Pendidikan akan berbuat demikianlah. Tadi Tuan Pengerusi, saya tidak habis baca.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya....Tuan Pengerusi boleh?

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hairanlah Tuan Pengerusi. Dua tiga hari ini dok pakai kopiah sahaja. Jadi saya merasa pelik. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerai punya cadangan ini, cadangan yang sangat mulia Tuan Pengerusi. Memang dia orang mulia, macam Tuan Pengerusi jugalah, hati yang mulialah. Memang patutlah sudah lama disuarakan. Di Dewan Undangan Negeri pun pernah disuarakan seperti itu,

tetapi mungkin tidak terdengar. Kalau di Parlimen memang mudah didengar. Bagi percumalah semua buku-buku ini. Bukan soal kadang-kadang tidak mampu. Kadang-kadang susah hendak dapat. Sekolah Rendah Sekolah Menengah terus berikan.

Saya harap Yang Berhormat bagi Jerai tadi dengan penuh perasaan, bukan dengan gurau senda. Yang Berhormat Jerai ini Tuan Pengerusi, itulah susah dia bercakap ini. Kadang-kadang dia dengan gurau senda, tetapi yang ini saya rasa dengan serius, dengan penuh perasaan. Jadi saya berharaplah apa yang Yang Berhormat bagi Jerai kemukakan tadi diambil tindakan oleh Kementerian Pelajaran, Menteri Pelajaran Datuk Seri sudah sekarang dapat pahala dunia akhirat Tuan Pengerusi kerana memberikan pendidikan kepada anak-anak bangsa. Salah satu kerja kebajikan amal jariah yang tidak ternilai. Jadi apa salahnya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Sabar Tuan Pengerusi, lama tidak jumpa Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Kerajaan akan berpahala besar dan kerajaan tidak akan bankrap, saya ulang sekali lagi Yang Berhormat bagi Jerai. Kerajaan tidak akan bankrap kerana memberi buku-buku percuma kepada rakyat di negara ini dan itu sebahagian daripada manifesto Barisan Nasional untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Yang Berhormat bagi Jerai, sila kuatkan lagi hujah yang sudah kuat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sambung yang tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap hujah-hujah ini tidak remeh-temeh, tidak dianggap remeh-temeh oleh pembaca-pembaca di luar. Itulah para pelajar pun ada dalam Dewan. Tengoklah macam mana abang-abang ini berjuang untuk kamu semua, untuk masa depan. Balik cerita di kampung dan di sekolah bahawa kami ini bukanlah seperti yang dianggapkan. Kami ini ikhlas dan jujur. Jadi Tuan Pengerusi, berbalik kepada di Jabatan Perdana Menteri dan penswastan, kita tengok macam Proton, apabila saya tanya soalan, jawapan yang saya terima pelaburan di dalam Lotus kerugian RM504 juta. Setakat hari ini belum mendapat keuntungan lagi. Pelaburan dalam motosikal dari Itali sebanyak RM364 juta dan juga eksport kita hanya 6.4% daripada pengeluaran iaitu 170 ribu unit. Jadi kita eksport hanya 10,916 unit. Bagaimanakah Proton boleh hendak bersaing?

Yang ini Perbendaharaan kena ambil tengok, dalam ini ada Perbendaharaan [*Memandang ke arah tempat duduk pegawai-pegawai bertugas*] - supaya melihat pengurusan Proton supaya ia benar-benar menguntungkan dan bukan kerana kehendak seseorang di dalam menguruskan syarikat tersebut. Kita sudah tengok banyak Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat kerajaan yang mengalami kerugian walaupun mempunyai tenaga kerja yang mencukupi – ada akauntannya, ada pegawai audit dalamnya, ada pakar-pakarnya tetapi tidak berjaya. Ini adalah satu persoalan, adakah mereka ini tidak mampu sedangkan syarikat-syarikat kecil ini yang tidak mempunyai itu dan ini pun berjaya dan kadang-kadang syarikat kerajaan diberi keutamaan di dalam tawaran-tawaran, compete dengan syarikat-syarikat...

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Sri Aman.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, sila.

Tuan Jimmy Donald: Minta penjelasan kawan saya Ahli Yang Berhormat bagi Jerai, dahulu Yan. Proton ini, *priority* dia sepatutnya kereta tetapi dia buat motosikal. Jadi kita di Malaysia sudah ada syarikat-syarikat yang tertentu yang telah masuk ke dalam arena membuat motosikal, *assemble* motosikal, mengapa pula mengikut Yang Berhormat Proton ini terpanggil membuat motosikal dan mengacau industri-industri yang sudah ada pemainnya?

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, memanglah Proton ini ditubuhkan untuk pengeluaran kereta. Modenas baru keluar motosikal. Jadi banyak *company* motosikal yang lain. Yang ini depa beli motosikal yang jenis *racing*. Jadi kalau dia naik pi pekan kita, jadi kelam kabut kita Tuan Pengerusi, hak jenis naik meniarap, bukan naik duduk dan satu motosikal naik seorang, macam *Superman*. Kadang-kadang saya pun seriau, tengah-tengah bawa kereta, tiba-tiba motor lalu, tidak nampak orang, ingat hantu yang potong rupanya manusia. Dia meniarap di atas motor. Yang jenis inilah Proton pergi beli, habis tu kita, Sri Gading semua kena meniarap kalau beli motor ini [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Tamatkan dalam tiga minit lagi, boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap bahawa pihak Perbendaharaan kena monitor benda-benda macam ini, malu kita kalau orang dok kata syarikat kerajaan rugi. Saya hendak tanya juga macam perbadanan kemajuan negeri, berapa yang rugi, berapa yang untung? Sedangkan dia ada semua, tidak cukup pegawai, ambil. Tidak cukup, letak *under contract officer*, *general manager*, CU dan sebagainya tetapi apakah *return* yang kita dapat daripada itu? Peluang kerajaan sudah bagi. Kadang-kadang apabila masuk tender antara syarikat biasa dengan syarikat kerajaan, keutamaan diberi kepada syarikat kerajaan dan saya biasa tahu, syarikat kerajaan sendiri pun buat *sub contract*, dia tidak buat sendiri. Dia dapat kontrak, dia *sub* pada orang, dia tidak buat. Sedangkan orang yang hendak buat sendiri ini, masuk pun tidak dapat.

Jadi kita janganlah macam itu. Rezeki ini Allah Taala bagi, bahagi-bahagikanlah seorang sedikit dan kerajaan tubuh syarikat ini pun untuk kepentingan dan dasar kerajaan tubuh macam-macam; UDA dan sebagainya. Saya hendak tanya fungsi UDA ini sampai mana? Sudah swasta pula. Jadi mana dia badan yang hendak membela masyarakat Melayu dalam bidang perniagaan? Hendak mempertahankan dasar ekonomi untuk bumiputera ini, kalau satu demi satu diswastakan tidak payahlah kita tubuhkan dari dahulu. Ini sudah ditubuhkan, sudah berjaya, datang hamba Allah, ambil, nah, tidak kenalah macam itu. Serahlah balik kepada rakyat, yang ini syarikat rakyat.

Setengah pula kadang-kadang itu bawa *working paper* sahaja - *working paper* yang menipu kerajaan dan menipu rakyat pun kita bagi kerana ketokohan kononnya. Kita *check* latar belakang dan tengok tang mana mampu depa dari segi kewangan? Pinjam sana sini dan mereka ini Tuan Pengerusi, kadang-kadang kontraktor-kontraktor ini jadi subkontraktor kerana mereka ini bungkus tika, *bankrupt* kerana mereka *bad paying master*, yang ini kenyataan. Satu hari nanti saya boleh bawa senarai-senarai dan muka-muka mereka ini berada di majlis-majlis yang besar-besar dan melihat kami ini orang politik macam sampah. Tetapi apabila memerlukan sesuatu, mereka inilah ke hadapan. Mereka inilah yang saya kata hisap cerut beratus-ratus ringgit sebatang, angkuh dan mereka balas duit projek rakyat, duit kerajaan. Jadi ini pihak Perbendaharaan kena jaga. Rakyat dok bising ini buah macam inilah yang kita dok bawa ini.

Jadi saya berharap Tuan Pengerusi, kerajaan pastikan balik. Kemudian agensi-agensinya ditubuhkan untuk kepentingan bumiputera dan masyarakat Melayu ini, jangan dok swasta. Bila swasta, jadi celaru, dia dikira *bottom line*. Sekarang ini CEO semua, dia *fight* hendak tunjuk *bottom line* dia, bukan dari *social contributions*, dia sudah tidak kira. Aku jadi CEO tiga, empat tahun, aku hendak tunjuk syarikat yang aku ambil ini untung, hair-cutlah potong sana, potong sini - untung, supaya tahun depan, tiga, empat tahun dia boleh pergi kerja tempat lain lagi, gaji berpuluh-puluh ribu, lebih daripada gaji wakil rakyat, naik 10% pun azab. Depa akan dapat berpuluh-puluh ribu, *compete* dan *social contribution* kepada rakyat, mana ada? Saya dok keriau yang ini, *zero*.

Jadi inilah kadang-kadang Tuan Pengerusi, kalau semuanya bergantung kepada kerajaan, letihlah kerajaan tetapi kalau keuntungan dipulangkan balik kepada rakyat dan sebagainya, maka senanglah kerajaan. Kadang-kadang RM10 ribu atau RM20 ribu untuk orang kampung susah ini, takkanlah depa tidak boleh taruk mai. Tetapi tidak payahlah Tuan Pengerusi, inilah cara dia.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Dan kita berharap kerajaan lebih prihatin di masa hadapan ini memastikan bahawa jangan ada kumpulan-kumpulan mementingkan diri (selfish), kebongkakan orang-orang ini, tidak menghormati negara dia dan khianat kepada negara dan menjadi penyamun kepada duit rakyat. Kalau kita kata Soros itu penyangak mata wang, mereka ini adalah penyangak kepada bangsa, agama dan tanah air dan mereka ini harus kita cari hingga ke lubang cacing. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

12.27 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Pengerusi, setiap kali selepas pengumuman keputusan SPM atau STPM, kita akan mendengar keluhan, kekesalan dan *frustration* dengan izin, para pelajar berkenaan keputusan permohonan mereka sama ada ke matrikulasi IPTA atau kepada permohonan biasiswa. Di sini Maksud B.7 ada memperuntukkan tambahan meminta tambahan kepada elaun sara hidup dan yuran pengajian pelajar yang di bawah tajaan untuk ke luar negara.

Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada sepucuk surat yang ditulis oleh seorang kakak berkenaan perasaan dan situasi yang dihadapi oleh adiknya, dengan izin, Tuan Pengerusi, *"Is it the same every year, isn't? And this year, it is my sister's turn to try her luck in getting a scholarship? This isn't about my sister not getting a scholarship after going for interview. The fact is she did not even get call for an interview"*. Pelajar ini mendapat dengan izin, *straight A1* di dalam kesemua sebelas mata pelajarannya dalam peperiksaan SPM. *She applied* dengan izin, to Bank Negara, Petronas and also the Public Service Department iaitu JPA. Walaupun JPA menurutnya, masih belum menyenaraikan nama pelajar yang berjaya akan dipanggil untuk temu duga tetapi adiknya, menurut penulis ini, tidak dipanggil, disenaraikan untuk temu duga oleh Bank Negara dan Petronas di mana adiknya juga ada memohon. Jadi penulis ini, kakaknya bernama Jing Kang, dari Seremban.

Saya ingin memohon agar pihak JPA akan lebih telus di dalam memberi biasiswa kepada para pelajar. Pelajar ini ialah seorang *Head Prefect*, Ketua Pengawas Sekolah dan juga sangat aktif di dalam *extra curriculum*. Jadi saya haraplah biar kita bersama-sama dengan kerajaan menjayakan polisi untuk mengelakkan *brain drain* pada masa yang sama. Jadi saya juga ingin dapat tahu daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, berapa ramaikah pelajar kita yang telah dihantar dan ditaja untuk pelajar di luar negara ini pulang balik untuk berkhidmat kepada negara kita?

Sebab kita dapat tahu masalah sekarang ini ada ramai pelajar yang tidak ditawarkan biasiswa oleh negara kita, oleh Jabatan ini atau pihak syarikat dalam negara ini seperti Petronas, Bank Negara atau Yayasan atau Jabatan Perkhidmatan Awam, tetapi mereka ditaja oleh universiti yang lain di luar negara dan mereka tidak pulang untuk berkhidmat kepada negara. Jadi bagaimana kita pastikan JPA ini menaja pelajar untuk keluar negara, pelajar teknologi mereka pulang juga untuk berkhidmat kepada negara.

Saya ingin satu angka berapa ramaikah yang telah ditaja sepanjang masa ini oleh JPA, dan berapa ramaikah yang telah pulang dan tidak pulang untuk berkhidmat kepada negara. Saya rasa itu sahaja yang saya ingin bangkitkan, saya harap pihak JPA dapat lebih telus di dalam aspek pemberian biasiswa agar pelajar-pelajar yang telah bertungkus-lumus untuk mendapatkan keputusan baik akan dapat ditaja atau dapat

biasiswa, sebagai satu galakan kepada mereka untuk mencapai impian dan cita-cita mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

12.32 tgh. .

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin melibatkan sama dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini merujuk kepada Maksud T.14 - Pencen, Elaun, Bersara dan Ganjaran.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya bersimpati dengan apa yang telah saya terima pada minggu lepas iaitu suatu rintihan daripada seorang bekas tentera British di 404/Terendak Kem Melaka yang telah berkhidmat sehingga 26 Jun 1969. Tuan Pengerusi, rintihan pesara ini adalah kerana beliau ini bersama rakan-rakannya yang lain tidak menerima sebarang bentuk pengiktirafan dalam bentuk sagu hati, wang saraan dan apa juga bentuk pengiktirafan daripada pihak kerajaan. Kalau kita lihat apa yang telah disuarakan oleh Md. Zaid bin Haji Samad daripada Bukit Rambai, Melaka ini, yang mana kita semua sedia maklum pada hari Ahad mungkin di antara kita telah terbaca, 13 Mac 2005 - Md. Zaid telah keluar dalam perspektif akbar harian kita di mana beliau telah menyatakan, "Md. Zaid tertembak tentera British suka buli". Ini saya tunjuk untuk tatapan Tuan Pengerusi.

Di dalam artikel ini beliau telah menyatakan, beliau adalah antara tentera yang berkhidmat dengan penjajah atau pemerintah British ketika itu, tetapi pada hakikatnya beliau berkhidmat untuk tanah air. Tetapi hari ini apabila beliau telah mencapai umur persaraan tidak ada sebarang pengiktirafan yang telah diberikan dalam bentuk sagu hati, dan juga wang saraan kepada beliau berbanding dengan apa yang telah pihak kerajaan lakukan kepada bekas-bekas polis, di mana bekas polis pada zaman darurat dan sebelum darurat polis-polis ini juga berkhidmat dengan pihak penjajah British tetapi mereka diberikan pengiktirafan dalam bentuk sagu hati.

Begitu juga akhbar pada 6 April 2002 menyatakan 16,000 bekas polis zaman darurat layak terima RM1,000, dan ini semua adalah telah menjadi satu *precedent* kepada Md. Zaid bin Haji Samad ini untuk beliau dan kumpulannya diambil kira sebagai kumpulan yang wajar menerima perhatian daripada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, kalau diikutkan apa yang telah dinyatakan oleh Md Zaid ini pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh beliau bukan sahaja di tanah air kita, bahkan termasuk kepada negara Singapura pada satu ketika dahulu di dalam Tanah Melayu, dan begitu juga hubungan antarabangsa sehingga Brunei Darussalam dan beberapa kawasan pulau di Kepulauan Borneo. Jadi pada hemat saya adalah wajar pihak kementerian memperuntukkan sebahagian daripada Maksud T.14 tadi untuk kita mengambil kira sumbangan yang telah disumbangkan oleh bekas-bekas tentera British ini di negara kita. Sekian Tuan Yang di-Pertua saya mohon dicadangkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jasin.

12.35 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada Butiran B.14 - Jabatan Kastam di-Raja yang mana melibatkan emolumen gaji-gaji kakitangan Kastam, Bahagian Pencegah dan juga Kastam biasa. Saya juga telah berucap semasa

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di bawah

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: B.14 - Jabatan Kastam.

Tuan Pengerusi: Jabatan Perdana Menteri. Oh ya, baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: B.14.

Tuan Pengerusi: B.14 sebelum?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Perdana Menteri?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jabatan Perdana Menteri. Ini berkenaan Jabatan Perkhidmatan Awam. Kita pun sedih dan kita selalu berbincang dan juga kita mendengar ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa kita hendak menjadikan pertanian sebagai satu benda yang penting untuk membantu luar bandar, dan setakat hari Kementerian Pertanian telah memohon kepada JPA seramai 3,000 pegawai-pegawai *extension* yang hendak diserapkan ke dalam Jabatan Pertanian untuk membantu memajukan lagi pertanian luar bandar, tetapi sehingga pada hari ini kita lihat bahawa tidak ada tindakan yang diambil. Ini akan merugikan masyarakat luar bandar, kerana pada hari ini kita lihat bahawa apa sahaja yang kita buat, kita minta supaya luar bandar menanam itu dan ini, tetapi kalau kurang pegawai-pegawai

extension kita dapati bahawa mutu tanaman dan buah-buahan kita tidak berapa dapat dipasarkan.

Oleh yang demikian kita berharap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan kalau kita lihat, kalau kita hendakkan pegawai-pegawai pertanian *extension* ini mereka perlu melalui latihan-latihan di institusi-institusi pertanian. Kalau kita tidak ambil sekarang, kita takut bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita hendakkan *booster* kepada industri pertanian ini, kita takut besok kita tidak tercapai.

Pada hari ini kita tengok dalam Jabatan Pertanian kadang-kadang kita lihat satu daerah yang begitu luas, tetapi pegawai pertanian itu terlampau sedikit, dua atau tiga orang pegawai. Tidak memadai. Di kawasan Jasin di Parlimen saya sahaja 80% daripada jumlah kegunaan tanah adalah pertanian dan pegawai-pegawai pertanian ini terlampau sedikit. Kalau tidak ada tambahan daripada pegawai-pegawai baru ini jangan haraplah kita hendak melihat supaya pertanian ini akan membantu mencergaskan dan membantu penduduk-penduduk luar bandar khususnya petani-petani ini maju pada masa akan datang.

Begitu juga bagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi berkenaan dengan anggota polis. Kita dapati bahawa anggota polis kekurangan 21,000 orang dan kita hendakkan supaya negara kita pada hari ini yang telah menjadi satu *trading nation* di atas kepercayaan pelabur-pelabur luar negara datang ke negara kita, oleh kerana keselamatan mereka terjamin. Dan pada hari ini dengan ketidakadaan pegawai polis yang mencukupi kita lihat banyak di antara kawasan-kawasan luar bandar pada hari ini, masalah sosial pun sudah mula timbul. Ini akan mewujudkan keadaan di mana keselamatan di kawasan kita ini akan terancam pada masa akan datang kalau kita tidak dapat menambah pegawai-pegawai polis dengan cepat.

Tuan Pengerusi, saya berharap JPA mengambil berat soal ini. Kita telah berbincang lama daripada tahun sudah sehingga pada hari ini dalam Parlimen yang kesebelas ini, kita banyak membincangkan soal-soal pengambilan kakitangan awam ini, yang mana pada hari ini negara memerlukan. Tanpa mereka ini bagaimana kita hendak menjayakan kemajuan negara kita ini dalam segi keselamatan dan juga pegawai-pegawai di kementerian-kementerian ini. Kita berharap JPA harus lakukan secepat mungkin supaya matlamat negara kita ini untuk membantu masyarakat luar bandar

khususnya Jabatan Pertanian dan juga soal-soal keselamatan ini kita jangan ambil ringan.

Jadi, Tuan Pengerusi itu sahaja yang dapat saya perkatakan pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bandar Kuching.

12.40 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin membetulkan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Mambong terhadap bahan yang saya cakap tadi. Mengenai Laporan Ketua Audit Negara untuk Negeri Sarawak tahun 2003. Itu ada pengauditan mengenai pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan Negeri dalam tahun 2003 bukan dalam tahun 2002 akhir dari 1 Januari ke 13 Disember 2003.

Perkara yang kedua mengenai pengauditan. Kenapa soalan yang telah saya bangkitkan tadi Kenapa kerugian yang begitu banyak yang dialami oleh satu pelaburan kerajaan tidak ada di dalam buku audit itu. Firstly, Kong Malaysia Sdn. Bhd. Syarikat ini ditubuhkan dalam tahun 1998 dan sehingga 31 Disember 2003 *the total* jumlah kerugian yang dialami oleh syarikat ini adalah berjumlah RM2.5 bilion. Setiap tahun beratus-ratus milion telah rugi oleh pelaburan kerajaan ini dan ini bukan andaian saya ini adalah berdasarkan fakta-fakta, maklumat-maklumat yang telah didapati oleh saya dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Saya ingin bertanya Jabatan Pengauditan, kenapa kerugian yang sebegitu banyak tidak dicatatkan di dalam buku audit ini. Adakah apa-apa cover up untuk Kerajaan Negeri Sarawak?

Tajuk yang kedua yang saya ingin berucap adalah mengenai peningkatan gaji dan peningkatan tahap kakitangan kerajaan kerana kerajaan telah mengimplementasikan satu cara untuk menilai kecekapan kakitangan kerajaan. Sistemnya dipanggil Penilaian Tahap Kecekapan yang disebut sebagai PTK. Dalam PTK itu segala kakitangan kerajaan yang ingin dinaikkan gaji atau pangkat haruslah lulus dua ujian, dua kertas.

Ujian yang pertama berkenaan dengan *general knowledge*. Saya dimaklumkan bahawa apa yang diuji dalam kertas ujian satu itu tidak lah sesuai. Saya akan

menyebutkan beberapa contoh soalan yang disebut kan di dalam ujian PTK, *paper one*. Dalam satu soalan bertanya bahawa, seorang kakitangan kerajaan kalau dia ada *sick leave* berapa hari dalam *general order* itu berapa hari dia *entitled to pay sick leave* dan berapa hari dia *entitled to half pay sick leave* dan berapa hari dia *entitled to unpaid sick leave*. Dan kalau semua *leave* telah diambil apa tindakan yang akan diambil oleh dia?

Saya pasti walaupun menteri pun tidak dapat jawab tanpa merujuk kepada *general order*. Kita sebagai Wakil Rakyat, semasa kita mahu membangkitkan perkara-perkara dalam peraturan *standing order* kita mesti buka *standing order* cari seksyen-seksyen. Kalau kakitangan kerajaan mereka mahu semasa mereka *seat for the exam* mereka tidak ada *general order* dibawa masuk tidak boleh merujuk kepada *general order*. Oleh itu soalan ini tidaklah *fair*, tidaklah wajar, tidaklah sesuai. Ada satu lagi soalan yang ditanya dalam ujian PTK mengenai *general order*.

Sekiranya seorang kakitangan mahu minta *transfer* dari satu tempat ke tempat lain, berapakah kertas permohonan yang harus dia isikan? Berapa *copy*? Soalan macam ini, di *West Malaysia* sini empat *copy*, di *Sarawak* lima *copy*. Soalan sebagaimana ini, walaupun kakitangan kerajaan yang menghadiri ujian dia kata empat *copy* juga salah, lima *copy* juga salah. Bagaimana mereka hendak jawab semasa menghadapi soalan macam ini.

Satu lagi contoh soalan yang termasuk dalam ujian pertama ini adalah mengenai *under what category is Haji Leave* dalam *general order*. Bukan semua kakitangan kerajaan adalah orang Islam, walaupun orang Islam mereka tidak akan ingat apakah *category Haji Leave* dalam *general order*. Itulah ujian-ujian PTK yang kakitangan kerajaan semasa mereka mahu naik gaji, naik pangkat mereka mesti menghadapi ujian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: Ini tidak lah wajar dan tidak sesuai kerana *general order* begitu tebal, bagaimana kita boleh *respect* kakitangan kerajaan boleh ingat semua seksyen. Walaupun saya sendiri seorang peguam, *companies act* banyak itu *standing order* berapa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya ingin bertanya pada Bandar Kuching, adakah Bandar

Kuching tidak yakin ataupun menafikan keupayaan pegawai-pegawai kerajaan yang selama ini saya yakin mereka mampu menguasai, membaca, memahami, menghayati setiap peraturan yang mereka patuh yang mereka akur dalam kerajaan mereka dalam melaksanakan tugas dan sebagainya.

Tuan Chong Chieng Jen: Soalan-soalan yang tadi saya katakan, sebab tidak ada langsung berkaitan dengan kerja-kerja kakitangan kerajaan. Itu adalah *administrative aspect of government service*. Mereka diuji keupayaan mereka untuk ingat seksyen-seksyen dalam *general order* itu bukan kita mahu kakitangan kerajaan kita buat. Oleh itu saya boleh tunjukkan satu statistik.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen: Di Sarawak para guru yang menduduki ujian PTK itu dalam tahun lalu lebih daripada 90 peratus gagal, tidak lulus ujian ini. Ini satu ujian yang tidak munasabah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya lama mendengar hujah-hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Bandar Kuching dan ada juga perkara-perkara itu saya setuju kerana soalan itu sesetengah itu begitu spesifik kepada kumpulan yang tertentu. Tetapi apa pula cadangan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching bagi memastikan *syllabus-syllabus* itu lebih menyeluruh dan sesuai dengan semua orang. Saya belum ada dengar cadangan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan pergi ke cadangan itu nanti. Sekarang saya menyebutkan masalah-masalah yang diwujudkan oleh polisi yang salah dan tidak sesuai untuk negara kita. Itu adalah yang pertamanya.

Kertas Kedua yang di bawah Penilaian Tahap Kecekapan. Kertas Kedua ini, saya akan menyebut dengan lebih spesifik dalam *medical service*. Saya telah menerima banyak aduan daripada *specialist*. Seorang *specialist ophthalmologist, a surgeon of eye*, mata, semasa dia menduduki ujian itu, dia ditanya bayi itu berapa bulan umurnya harus diberi vaksin. Kalau seorang bayi berumur 6 tahun, apakah vaksin yang harus diberi kepada bayi itu? Soalan *ophthalmologist*, dia sudah lulus semua itu, dia sudah

praktis selama 10 tahun atau 15 tahun. Itu adalah perkara untuk *general practitioner* (GP). Itu adalah soalan yang ditujukan kepada *general practitioner*.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen: Sila.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Soal kecekapan pegawai-pegawai ini, Yang Berhormat, dan kecekapan seorang profesional ini memerlukan penilaian. Soalannya memang dinilai jika pegawai-pegawai tersebut itu cekap atau tidak. Tidak semestinya dia tetap kepada bidang kuasa dia sahaja. Kecekapan ini, saya sebagai bekas pegawai kerajaan dahulu, bersetujukah Yang Berhormat bahawa *general knowledge* ini paling mustahak kepada pegawai-pegawai kerajaan kita. Bersetuju atau tidak?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Okaylah, kalau Yang Berhormat salah seorang bekas kakitangan kerajaan, saya ingin tanya seksyen apakah dalam *Government General Order*, seksyen apakah yang berkaitan dengan *transfer*? Boleh sebutkah? Yang Berhormat juga tidak boleh sebut, *how can you expect the public servant to answer question like that*, dengan izin. Itulah, *a question there is very unfair for the government servant and it has to be changed*. Itulah ujian Kertas Pertama yang saya sebut.

Ujian kedua, tadi saya sebut adalah mengenai *specialist*. Seorang *specialist ophthalmologist*, dia tidak akan sepanjang umurnya melibatkan diri dalam bidang pediatrik atau bidang-bidang yang lain. Dia sudah keluar sebagai seorang *specialist*, bukan *general practitioner*. Macam menteri-menterilah, kalau apa sahaja perkara yang Ahli Yang Berhormat tanya itu, menteri-menteri pandai jawab, tetapi soalan yang lebih mendalam mereka sudah tidak pandai jawab. Rujuk...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau seorang doktor pakar ataupun bukan pakar, doktor biasa, masalah soalan pemberian vaksin adalah sesuatu yang asas, *basic*, semua doktor harus tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya. Tuan Pengerusi, vaksin itu memang. Tetapi jika kita menguji atau menilai seorang *ophthalmologist*, mengenai pengetahuannya tentang *vaccination of kid*, apakah kaitan dengan penilaian kecekapannya sebagai seorang *ophthalmologist* atau...

Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Gombak boleh jawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya?

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kerana memberi laluan kepada saya. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Tuan Pengerusi tadi, saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi bahawa pengetahuan tentang vaksinasi ini adalah satu perkara yang begitu asas. Bukan sahaja harus diketahui oleh seorang doktor, seorang ibu bapa pun harus tahu, masa bilakah anak-anak mereka harus menerima suntikan.

Tetapi kalau ditanyakan kepada yang dikatakan seorang pakar mata itu, apakah mekanisme ataupun dalam bahasa perubatannya, apakah path physiology? Sesuatu vaksin itu bertindak, saya rasa mungkin itu bukan kepakaran *ophthalmologist* itu. Itu adalah kepakaran seorang *infection disease specialist* ataupun seorang *immunologist* ataupun *seismologist*.

Tetapi kalau ditanyakan perkara-perkara yang asas yang mana seorang orang biasa pun harus tahu, saya rasa kalau seorang doktor yang tidak pernah saya berjumpa, kalau dikatakan sebagai seorang doktor pakar, kalau pengetahuan asas begini pun tidak boleh dijawab, saya rasa dia tidak layak menjadi seorang doktor pakar.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, itu adalah pengetahuan am, tetapi sekarang ujian kedua itu, Kertas Kedua, *the second paper* itu mahu menguji kecekapannya dalam bidang yang dia libatkan sendiri. Apakah kaitan *vaccination* yang harus diberi kepada bayi kamu dengan *ophthalmologist*? Kita bukan mahu mereka pergi *trivial persuade* atau *general question, IQ test*. Ini bukan *IQ test*. Ini *test* kecekapan berkenaan dengan bidang yang mereka terlibat, berkenaan dengan kerja mereka, di samping *General Order*...

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Apa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cukup tertarik tadi apabila Yang Berhormat bagi Bandar Kuching membangkitkan soal PTK ini. Memang banyaklah rungutan.

Apa yang ditimbulkan tadi adalah kerana ini adalah bersifat *paper test* iaitu ujian di kertas yang banyak orang mempertikaikan kerana ianya sebenarnya tidak menyukat kemahiran atau kecekapan itu sebab apa yang hendak dilihat itu sebenarnya, saya agak setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tadi itu, apa yang kita hendak sukut ialah dari segi *habitnya*, bukan hanya dari segi kecekapannya sahaja. Apa yang diuji tadi itu ialah "*the what to*", soal apa but "*the how to*", "*the want to*" tidak disukat dengan sebaik mungkin.

Mungkin apa yang dilakukan itu sekadar untuk mendapat apa yang disebut sebagai *norm reference*, untuk rujukan norma sahaja. Barangkali untuk diperbandingkan dengan calon-calon yang lain. Tetapi yang lebih penting lagi daripada ini ialah dari segi *criterion referencenya*, dari segi ciri-ciri dan keterampilan dirinya sendiri, maka oleh yang demikian saya amat menyokong banyak dipertikaikan soal PTK. Mungkin sampai ketikanya bila dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini, untuk difikirkan kembali, apakah bentuk instrumen yang paling sesuai. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih, Yang Berhormat. Oleh kerana sistem PTK itu, saya telah menerima banyak rungutan, kompelin, aduan daripada para pakar perubatan, *specialist*. Mereka kata selepas mereka *surf* itu, *mandatory three years* mereka akan keluar kerana sistem itu tidak bagus. Dengan sistem ini kita dapat *retain talent*, *talent retention* pun tidak dapat, bagaimana kita hendak menarik warganegara Malaysia di luar negara kita untuk berkhidmat dalam negara kita.

Satu aspek lagi, seorang doktor *specialist* yang telah menduduki, *gone through the test...*

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi dan rakan, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Sebagai MP Barisan Nasional, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bahawa ujian ini sangat tidak disukai dan dibenci oleh begitu ramai kakitangan kerajaan dan saya juga setuju, dan saya rasa Parlimen ini belum memberi perhatian yang penuh terhadap perkara dan masalah ini.

Setakat ini saya setuju semua dengan apa yang telah dihujahkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tujuan PTK ini adalah untuk urusan naik pangkat. Jadi, bolehkah kita *share* dengan Yang Berhormat bagi Kuching, macam mana penyelesaian supaya yang *best*, yang *brightest* boleh dinaikkan pangkat hasil daripada peperiksaan ini.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih. Saya bukanlah pakar dalam sistem ini tetapi apa yang saya tahu adalah sistem PTK ini lebih teruk daripada sistem yang lalu yang diimplementasikan oleh kerajaan. *Before the PTK was implemented, the system is better.* Itu adalah pandangan dari kakitangan-kakitangan kerajaan yang saya temui.

Perkara yang berkenaan dengan PTK, tadi saya ada sebut, seorang doktor yang sudah *sat for the test* tahun lalu dalam bulan September hingga sekarang, dia pun tidak diberitahu bahawa dia sudah *pass the test* atau sudah gagal. *[Disampuk]* Dia tidak diberitahu tentang *the result of the test*. Tahun ini, Jun, *test* yang baru akan diadakan dan doktor ini telah dinasihatkan supaya *sit for the test again before he knows the result of the previous test*, dengan izin.

Walaupun seorang yang tertuduh dalam mahkamah, seorang penjenayah dituduh dalam mahkamah, selepas perbicaraan dia akan diberitahu keputusan perbicaraan. Apakah dia kata, seorang doktor yang berkhidmat dalam hospital kerajaan tidak diberitahu keputusan ujiannya tetapi dinasihatkan supaya cuba lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Tuan Chong Chieng Jen: Mohon penjelasan? Ha, okay.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mahu tanya dengan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, adakah Yang Berhormat pernah bertemu bual dengan pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat terutama sekali di Jabatan Kesihatan dan jabatan-jabatan yang lain.

Sebagai pegawai kerajaan yang dahulu, Yang Berhormat, pegawai kerajaan ini tugas-tugasnya banyak, bukan setakat sahaja apa yang ditumpukan seorang doktor itu kepada bidang kuasa yang ada kecekapan pada dirinya tetapi pegawai kerajaan yang melibatkan banyak tugas. Dia memerlukan banyak pengetahuan yang meluas selain daripada apa yang dia buat, yang ditugaskan.

Tuan Pengerusi: Baik.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Ya, jadi soalnya, adakah bersetuju sekali lagi, Yang Berhormat, bahawa pegawai-pegawai ini patut tahu mana-mana bidang yang lain?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sila tamatkan ucapan.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya mesti jawab, nanti gulung.

Tuan Pengerusi: Jawab dan tamatkan.

Tuan Chong Chieng Jen: Okay. *We cannot expect our government servant to be a genius*, dengan izin. *We cannot expect our government to be genius*. Soalan saya tadi tanya Yang Berhormat itu, Yang Berhormat juga tidak dapat jawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Kita tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: Bagaimana dapat *expect* pegawai kerajaan dapat menjawab soalan dalam ujian? Saya tanya Yang Berhormat satu sahaja, satu soalan sahaja pun tidak dapat jawab.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: Dia terpaksa belajar supaya dia cekap. *[Disampuk]* Tulis surat supaya dia tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu tidak ada berkaitan dengan kerja yang mereka terlibat. Yang Berhormat sebagai seorang bekas kakitangan kerajaan haruslah ingat, Yang Berhormat adalah wakil rakyat, pemimpin rakyat. Sebagai seorang pemimpin rakyat, awak tidak dapat jawab apa yang soalan yang ditanya dalam ujian itu. *How do you expect the others...*

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Okay. Oleh kerana ini, saya akan gulung, saya akan gulung. *[Disampuk]* Saya tahu awak laparlah, nantilah. *[Ketawa]* Saya akan gulung.

Oleh itu, saya haraplah Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji balik sistem PTK yang saya telah sebut. Janganlah kita *discourage talented people* daripada jabatan-jabatan perkhidmatan awam. Itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menyambung perbahasan di bawah Kepala Bekalan D.03, D.07, D.09 dan Kepala Pembangunan P06 dan P07. Kalau tidak ada ahli yang bercakap, Menteri sila jawab.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan yang kedua (2004) dan (2005) di peringkat Jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri. Antaranya ialah Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Jerai, Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Ahli Yang Berhormat bagi Jasin dan terakhir sekali Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dalam perbahasannya di

peringkat dasar pada hari semalam. Isu-isu tersebut ialah isu Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-undang Industri Perbekalan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), isu rasuah, pemberian tanah kepada Exco oleh Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain isu. Inilah adalah perkara yang telah dibangkit dalam peringkat dasar yang ingin saya jawab di dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, pertamanya berkenaan dengan isu Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-undang Industri Perbekalan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN), saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa sedikit latar belakang, perkara air ini sudah merupakan satu perkara yang berlarutan. Bukan satu tahun, bukan dua tahun malah lebih daripada itu. Akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu kementerian khas yang menjaga air di mana terbentuknya Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi iaitu pada bulan Mac tahun lepas, sewaktu Yang Amat Berhormat mewujudkan Kabinet pada ketika itu.

Kementerian ini khusus juga untuk melihat berkenaan dengan soal air dan satu tahun telah berjalan dan dalam masa setahun itu telah pun menteri mengadakan perjumpaan, membuat kajian, dan akhirnya apabila kita telah bersedia untuk mewujudkan satu rang undang-undang, terlebih dahulu kita terpaksa meminda perlembagaan untuk membolehkan kita mengadakan rang undang-undang ini ataupun undang-undang ini.

Waktu dalam kita meminda perlembagaan itulah, maka telah berbangkit soal ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu supaya memberi pandangan mereka - pembangkang dan juga *backbenchers* memberi pandangan iaitu perlunya juga diwujudkan *Select Committee* di mana perkara ini boleh dirujuk terlebih dahulu kepada *Select Committee* dan kemudian dijadikan sebagai rang undang-undang. Jadi inilah senario. Kita memandang berat pada dua hari kita bersidang pada ketika itu iaitu pada 17 dan 18, kita bersidang dan banyak permintaan daripada ahli Parlimen untuk mewujudkan *Select Committee*.

Oleh sebab itu pada hari Rabu, kita telah menimbang dengan berat permintaan yang dibuat oleh ahli-ahli Parlimen waktu persidangan itu. Dalam hal yang sama, kita juga perlu ingat bahawa perkara ini telah pun berlarutan dan perlu kepada satu tindakan yang *urgent*. Maka dengan keadaan yang begitu kita telah mengambil keputusan,

dalam hal ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bertanya iaitu sama ada saya berbohong atau menteri berbohong. Sebenarnya jawapannya ialah kedua-duanya tidak berbohong, kedua-dua membuat perkara yang betul yang mana keputusan saya boleh ambil daripada cabutan daripada apa yang dikatakan Mesyuarat Kabinet di mana ada dua perkara di sini.

Pertama, mesyuarat pada 19 Januari, mengatakan bahawa Kabinet bersetuju akan keterangan bahawa terdapat cadangan supaya Rang Undang-undang Industri Perbekalan Air dan Rang Undang-undang SPAN yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Mac - pada ketika itulah Januari, kita ingat sempat - pada bulan Mac yang akan datang dirujuk terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Persidangan Khas. Cadangan ini adalah wajar supaya semua pihak boleh memberi pandangan mereka terhadap kedua-dua rang undang-undang. Ini dipersetujui oleh Jemaah Menteri iaitu dalam mesyuarat pada 19 Januari dan ia merupakan Perkara 3(x).

Dalam masa yang sama juga, telah dipersetujui di bawah 11(xi) di mana ada pandangan yang dipersetujui juga iaitu bahawa adalah wajar Memorandum Jemaah Menteri mengenai Rang Undang-undang Industri Perbekalan Air dan Rang Undang-undang SPAN diteliti oleh Jemaah Menteri sebelum dibuat keputusan sama ada wajar akta itu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas. Ini kerana kesuntukan masa tadi, dalam kita bersetuju iaitu bahawa diwujudkan *Select Committee* tapi dalam masa yang sama ambil kira juga kalau sekiranya soal ia akan melambatkan usaha kita untuk menyelesaikan masalah yang berlarutan ini, maka perlulah diambil kira juga keperluan tidak perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas. Kedua-dua ini merupakan keputusan, jadi sebab itu saya sebagai Menteri menjaga Parlimen, saya melihat kepada perkara yang ada kaitan dengan Parlimen. Menteri Tenaga dan Air juga sebagai menteri menjaga air, ia juga melihat kepada perkara tentang mungkin adanya *Select Committee* ini akan melambatkan.

Itu sebabnya dalam hal ini dilihat seolah-olah ada percanggahan tetapi kedua-duanya cabutan daripada minutes of Cabinet Meeting menunjukkan kedua-dua itu merupakan keputusan kabinet. Sebab itu saya cerita tadi pada mulanya kita tidak fikirkan tentang *Select Committee* tetapi apabila kita pinda Perlembagaan kita dengar pandangan, mengambil kira pandangan Ahli-ahli Parlimen, kita timbang dan kita

bersetuju tetapi dengan Kabinet iaitu bahawa kalau sekiranya perkara ini urgent, lambat dan kalau didapati tidak wajar, tidak usah buat. Ini kedua-duanya Yang Berhormat ialah cabutan daripada minit Mesyuarat Kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin].....* Itu nampaknya *something is very wrong with this Cabinet*. Bagaimana boleh dua keputusan yang bercanggah boleh dibuat dalam satu mesyuarat Kabinet tarikh yang sama. Kalau benar bahawa ada keputusan dibuat untuk meluluskan, mengadakan satu *Parliamentary Select Committee* mengenai air, bagaimana boleh lagi satu keputusan untuk yang sebaliknya.

Bukankah, keputusan untuk mengadakan satu *Parliamentary Select Committee* sudah *negative* atau sudah mengatasi pertimbangan, sama ada melewati kelulusan rang undang-undang mengenai air dalam masa tahun ini. Bagaimana boleh kita adakan bahawa dua kenyataan dibuat, dua-dua menteri pun benar, tidak seorang pun bohong, dua-dua benar. Kalau begitu *something is very wrong with the Cabinet* dan mengenai urusan Kabinet ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Nothing is wrong with the Cabinet*. Saya sebut sebentar itu bahawa kalau tidak ada pindaan Perlembagaan dilakukan hari itu, maka tidaklah berbangkit soal hendak buat *Select Committee*. Jadi kabinet membuat keputusan kalau tidak ada hari itu, kita teruskan sahaja. Memang kita hendak buat pun tetapi kita kena pinda Perlembagaan dahulu, tetapi apabila kita pinda Perlembagaan ada kesempatan Ahli Parlimen memberi pandangan dia. Pandangan mereka itu juga adalah mesti diambil kira sebab ini datangnya daripada Dewan Rakyat.

Jadi sebab itu, kita juga buat keputusan iaitu perlu tetapi kena juga mengambil kira tentang perkara ini sudah pun berlarutan. Sebab itu pada bulan Mac, oleh kerana ini merupakan keputusan, maka bulan Mac Menteri Tenaga datang kembali kepada Jemaah Menteri untuk minta supaya tidak perlu diadakan *Select Committee* ini kerana kita tidak mahu melambatkan lagi proses untuk mengadakan rang undang-undang ini

kerana kita perlu mengambil tindakan yang tegas dan cepat kerana ini sudah berlarutan lebih empat, lima tahun.

Kita timbang dan kita merasakan permintaan daripada Parlimen itu mesti diambil kira juga. Tetapi dalam keadaan yang begitu oleh kerana kita telah satu tahun kementerian ini wujud, mengkaji dan memikir tentang mengatasi masalah ini, kita hendak mengadakan rang undang-undang ini secepat mungkin supaya masalah ini tidak berlarutan. Ini kedudukan sebenarnya yang berlaku, yang mana kita mengambil keputusan itu bahawa setelah mengambil kira semua kita merasakan perlu mempercepatkan dan kita merasakan iaitu bahawa *Select Committee* ini akan melewati lagi, mungkin kita hanya dapat meluluskan rang undang-undang ini pada tahun 2006. Inilah praktikal *problem* yang dihadapi oleh kita dan kita mengambil keputusan untuk kita fikirkan yang terbaik untuk rakyat. Itu kedudukan berkenaan dengan.....ya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: OK. Itu apa yang berlaku. Sekarang apa kedudukan sekarang, Kabinet hari ini apa keputusan, sama ada permintaan yang ada dikemukakan dalam taklimat yang diberi oleh Yang Berhormat Tenaga dan Air bahawa perlulah ada *Parliamentary Select Committee* ada ditimbang, ada diterima, sungguhpun kita boleh bersetuju dalam masa enam bulan bahawa kelulusan rang undang-undang diadakan akhir tahun ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita telah pun sebenarnya membincang perkara ini dalam Jemaah Menteri. Setelah menteri membuat taklimat kita telah pun membincang perkara dan memang kita bincang secara mendalam dan akhirnya kita juga mengambil keputusan iaitu *Select Committee* ini tidak perlu ditubuhkan. Tetapi kita cuba mencari jalan tengah di mana kita juga akan dapat memberi masa kepada pihak Ahli-ahli Parlimen dan juga pihak awam untuk memberi pandangan mereka.

Begini, kita jangka iaitu bahawa bil yang draf ini yang sekarang ini sedang dalam proses untuk mengalih bahasa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Kebangsaan. Ia sudah sedia, sedang dalam proses. Kita jangka, saya tidak boleh berjanji iaitu dalam masa tiga minggu lagi bil ini akan dibawa kepada kabinet.

Sebaik sahaja apabila kabinet meluluskan, bermaknanya diterimalah dan boleh dijadikan sebagai rang undang-undang. Maka kabinet mengambil keputusan iaitu untuk menjaga kepentingan rakyat, kalau dalam bahasa Inggerisnya *to allay the fears*, untuk memastikan supaya rakyat dapat memberi input. Kita mengambil keputusan iaitu apabila kabinet meluluskan selepas tiga minggu, *first reading*, insya-Allah, pada bulan Jun. Daripada tiga minggu akan datang hingga bulan Jun kita akan berikan rang undang-undang ini pertamanya kepada Ahli-ahli Parlimen. Selepas itu kita akan sebar luas rang undang-undang ini kepada orang ramai untuk mereka memberi komen dan *feedback* sebelumnya kita melakukan *first reading* iaitu pada bulan Jun.

Ini akan memberikan kesempatan untuk kita cari jalan tengah supaya, satu, soal berlarutan, nombor dua, kita perlu minta komen daripada public dan khususnya Ahli-ahli Parlimen. Sebab itu kita kompromi, kita ambil jalan tengah di mana kita benarkan daripada diluluskan oleh kabinet kepada *first reading* itu. Kita bagi sebelum, macam Ahli-ahli Parlimen minta termasuk Ketua Pembangkang, dia kata “sebelum *first reading* bagi kami dahulu,” ok itu kita bersetuju sebab kita rasa bahawa perlu untuk mendapat pandangan dan pendapat daripada Ahli-ahli Parlimen dan orang ramai setelah tidak ada Select Committee.

Ini keputusan kabinet pada hari ini iaitu selepas dilulus oleh kabinet. Sebelum lulus kabinet tak boleh, sebelum lulus kabinet maknanya dia tidak jadi real lagi. Ia terawang-awang, tetapi selepas lulus kabinet ia jadi sesuatu benda yang mungkin akan jadi rang undang-undang. Ini kita akan beri peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memberi pandangan mereka sebelumnya *first reading* yang akan diadakan pada bulan enam dan kita menjangkakan itu bahawa dengan proses ini mungkin kita akan bawa ke bulan September, the *second reading* mungkin dengan proses ini. Jadi sebab itu walaupun Select Committee tidak diwujudkan tetapi kita bersetuju dengan Ahli Parlimen, kita delay sedikit *first reading* in June, jadi *second reading* mungkin kita akan buat pada bulan September sebelum bajet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Penerangan mengenai keputusan jemaah kabinet hari ini. Sungguhpun ini sangat *disappointing* dan kita rasa ini satu *let down*. Saya pun tidak

faham kenapa BBC awal-awal sudah pun bersetuju untuk membuat kompromi untuk tidak mendatangkan satu *Parliamentary Select Committee*.

Sungguhpun begitu, oleh kerana perkara ini penting dan perlu ada satu proses *consultation* dengan *state holder* masyarakat kita, adakah kita boleh dapat jaminan bahawa kerjasama yang akan diberi sepenuhnya oleh kerajaan termasuk Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Kalau satu *parliamentary caucus* diadakan atau ada satu siasatan atau satu jawatankuasa ditubuhkan oleh *civil society* mengenai perkara ini supaya kita boleh mendapat input daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan pakar-pakar mereka mengenai apa bentuk yang terbaik sekali untuk satu rangka *framework* mengenai industri dan rang undang-undang air.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Caucus ini maksudnya Ahli-ahli Parlimen datang berkumpul menjadi satu suara. Jadi, samalah juga kalau kita minta Ahli-ahli Parlimen melihat tentang perkara ini. Kalau mereka mahu membuat secara persendirian, dia boleh buat tapi kalau mereka mahu buat secara berkumpul, terpulanglah. Terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk berbuat demikian. Pada saya yang penting kita bagi kepada Ahli Parlimen untuk membincangkan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi mesti dengan kerjasama daripada pihak kementerian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sudah tentulah. Kalau kita minta kepada Ahli Parlimen untuk melihat perkara ini, tidak akan kita kata syarat kita pergi tengok sahaja, tetapi tidak ada kerjasama. Saya ingat ini tidak betullah. Jadi, tidak payah sebenarnya untuk minta kerjasama sebab bila kita menyatakan itu bahawa kita akan buka kepada Ahli-ahli Parlimen sudah tentu apa-apa juga kerjasama yang perlu daripada kementerian sudah tentu mereka akan beri, ya. Tidak ada guna kita buka kemudian kita kata ini untuk you baca sahaja tapi tidak ada kerjasama. Tidak bolehlah macam itu ya, sebab kita mesti mendapat *feedback* daripada pihak orang ramai, khususnya yang telah dibangkitkan oleh wakil-wakil mereka dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya hendak pergi kepada soal isu-isu BPR yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga iaitu berkenaan dengan artikel oleh *Thomas Fuller*. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa artikel tersebut merupakan pandangan penulis semata-mata yang mempunyai agenda tersendiri dan

hakikatnya penulis artikel berkenaan telah berjaya mendapat perhatian Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Bahkan artikel tersebut turut disiarkan dalam sebuah laman web reformasi iaitu laman web antikerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Timor, kes yang dirujuk merupakan satu kes terencil dan seharusnya tidak dijadikan rujukan untuk mengatakan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memerangi rasuah tidak berjaya. Penulis ini seorang sahaja. Penulis sepatutnya bertegas dan tidak membenarkan kejadian tersebut berlaku ataupun sekurang-kurangnya bertindak melaporkan kepada BPR dengan menyatakan butir-butir terperinci kejadian. Sebaliknya penulis mengambil kesempatan atas insiden berkenaan dan menjadikannya sebagai hujah bahawa usaha murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah gagal.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Biar saya habis dahulu. Saya habis, nanti tanya saya. Kalau tidak nanti saya kelam-kabut. Habis, kenapa? Haa?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, sila duduk dahulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nombor sepuluh *Tribunekan, Tribune..*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey! *Financial Time* pun serupalah juga. Itu dia membuat pandangan dia daripada luar bukan dia duduk dalam negeri. Jadi dia buat pandangan duduk di New York atau mana pun tulis tentang Malaysia. Boleh tulis apa-apa. Tidak akan kita terus merasa bahawa perkara itu betul. Sebab itu biarlah dia tulis itu bebas. Kalau orang tulis fasal kita, kita biarlah dia tulis. Apa masalah? Tetapi pada kita, itu hanya merupakan persepsi sahaja. Sekiranya artikel tersebut mempunyai kredibiliti dan untuk lebih berlaku adil, mengapakah penulis tidak melaporkan kes di mana seorang pegawai polis telah menolak tawaran rasuah hampir.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya, ya. Saya pun ada baca. Tawaran rasuah hampir pasal kita *confuse*. *Thomas Fullerini*, dia *Tribune*, dia ada dua di situ ya. Rasuah hampir setengah juta ringgit untuk menutup kes yang sedang disiasat. Kalau dia tahu mari jumpa kitalah. Buat apa main tulis sahaja. Kita bukan perlu orang menulis tentang kita. Kita perlu orang tampil ke hadapan untuk memberi bukti supaya kita boleh ambil tindakan terhadap yang kononnya polis itu minta setengah juta untuk menutup kes yang demikian.

Sepatutnya dia bekerjasama dengan kita, lagi elok. Saya minta kepada Yang Berhormat tolong hubungi penulis ini dan bantu kita untuk menangkap polis itu kerana kalau perkara ini benar berlaku polis ini tidak berlaku adil kepada usaha kita untuk membanteras rasuah di negara kita.

Di samping itu, adakah penulis merujuk kepada bilangan mereka yang telah ditangkap atas kesalahan cuba merasuah anggota polis perkhidmatan awam. Untuk tahun 2004 sahaja, saya hendak beritahu di sini ya, 2004 sahaja sejumlah 103 tangkapan dibuat berhubung dengan cubaan menyogok anggota perkhidmatan awam berbanding dengan 50 tangkapan pada tahun 2003. Peningkatan 53 tangkapan sebanyak 106% ini merupakan satu *indicator* bahawa usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meningkatkan integriti anggota perkhidmatan awam telah berhasil.

Jadi, sekarang ini maknanya ada percubaan, kita dapat tangkap lagi 2004. Ini bermakna peningkatan dari segi usaha kita untuk membanteras rasuah. Kalau benda ini kita hebahkan saya rasa pertama orang akan takut bahawa kita bersedia menangkap. Keduanya, persepsi ini bergantung kepada cakapan. Saya percaya kalau kita semua hari ini bercakap, bercakap, bercakap, kata ya, kerajaan telah tangkap 103 tambahan 106%. Mungkin apabila sampai ke New York nanti yang menulis tentang kita ini, persepsi dia akan bertukar. Ini akan membantu untuk kita menurunkan indeks kita. Jadi, sebab itu saya harap supaya kita juga menghebahkan tentang usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbukti dengan penyelesaian beberapa kes besar dan pendakwaan individu-

individu ternama. Sepanjang tahun 2004, Badan Pencegah Rasuah telah membuat - 2004, ya – telah membuat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Sri Gading, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, sekejap, sekejap. Saya ini nyanyuk juga, kena *mark* berhenti di mana ini. Baik, terima kasih. Okey, sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. DAP modal dia lain tidak adalah. Modal tidak ada. Walaupun tulisan-tulisan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nantilah, bagi saya bercakap pula. Walaupun tulisan-tulisan yang sengaja memburukkan Perdana Menteri yang tidak berasas, tapi kerana itu boleh dijadikan modal untuk jadi tarikan kepada partinya. Dia hendak cakap pembangunan tidak boleh, hendak cakap membasmi kemiskinan tidak boleh. Jadi modal dia apa? Modal dia taburkan fitnah macam ini sahajalah. Okey, kalaulah betul dia peka tentang rasuah ini, kerajaan macam mana Yang Berhormat Menteri kata tadi sudah mengambil tindakan yang begitu banyak iaitu membanteras. Hendak atau tidak dia ini tolong sama-sama hebahkan kejayaan. Jangan hendak hebahkan tentang fitnah sahaja.

Ini tentang kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membanteras rasuah ini, hendak atau tidak dia dalam fikiran Yang Berhormat Menteri, DAP bekerjasama dengan kerajaan, hebahkan bagaimana hebatnya kita memerangi rasuah dalam negara ini. Macam mana agak fikiran Yang Berhormat, kalau boleh baca sedikitlah fikiran Ketua Pembangkang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Masalahnya Yang Berhormat saya susah hendak baca. Kalau saya boleh baca dia senang sebab dia kadang-kadang yalah dia pembangkang. Pasa! kadang-kadang isu sudah tidak ada, jadi dia kenalah, maknanya lagu lama pun nyanyi lagi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekurang-kurangnya.....[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor bangun. Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah sekejap, tidak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat, belum bagi. Sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak tanya? Dia potonglah, potong steam.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah bacalah. Saya boleh beri jaminan bahawa kalau benar ada kejayaan dalam usaha kerajaan untuk membanteras rasuah, saya rela bukan sahaja parti saya, saya sendiri rela di depan untuk menghebahkan kejayaan ini di rantau dunia. Tetapi kita mahu lihat kejayaan. Kita tidak mahu *Corruption Perception Index Transparency International* lebih turun daripada tangga 37 pada tahun 2003 kepada 39, 2004 dan tahun ini tidak tahulah sama ada akan lebih jatuh atau lebih tinggi dan ini kita menerima *Corruption Perception Index Transparency International* oleh kerana PIN (*National Integrity Plan*) itu menerima kesalahan-kesalahan, dan kewibawaannya sehingga *National Integrity Plan* kata bahawa matlamat kita ialah pada tahun 2008 boleh sampai tahap tempat ke 30. Kita tengok, kalau ada kejayaan, rela. Tetapi, kalau tidak ada kejayaan, kita akan teruskan tanggungjawab kita sungguhpun Yang Berhormat bagi Sri Gading akan buat sangkaan jahat atau tuduhan yang liar bahawa kita ada niat yang tidak baik. Kita kemukakan, bangkitkan kerap kali isu korupsi oleh kerana kita cinta negara kita, oleh kerana kita mahu negara kita dilihat sebagai negara yang terbersih. Sebab itu, kita mahu satu kempen *zero tolerance for corruption*. Sampai sekarang tidak dengar sesiapa yang sokong. Adakah kita rela menerima matlamat.....

Puan Chong Eng: Sri Gading sokong tak?

Tuan Lim Kit Siang:menuju ke tempat indeks di dunia. 10 negara yang *list corrupt* itu, relakah Yang Berhormat Sri Gading atau dia puas hati kalau dalam lingkungan 30-an.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Haa itu. Tidak perlu baca fikiran. Itulah pendirian kita. Kalau benar ada kejayaan, kita rela bekerjasama untuk hebahkan perkara ini.

Seorang Ahli: Lagu lama.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, ada ekor dekat sini. Sebab, saya dengar bila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bercakap, dia punya "ekk, ekk" di belakang itu. Jadi, kalau hendak bercakap, bercakaplah. Tidak usah dok bising belakang, senang ya. Saya terima baik jaminan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor iaitu bahawa dia akan membantu. Jadi, saya harap supaya Yang Berhormat akan maklumkan kepada kawan Yang Berhormat, yang membuat indeks ini, beritahu kepada dia, tahun ini.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tolonglah beritahu sebab....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat kena beritahulah sebab dia orang tidak hubungi kita. Bila dia hendak buat persepsi indeks ini, dia telefon. Dia tanya Ketua Pembangkang, *so how this year?* Macam itu. Jadi, tolonglah. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor, Ipoh Timor

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa okey, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Haa, minta kebenaran, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana dia tahu?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan marah, jangan marah. Sebab, Yang Berhormat tahu cepat, saya dok ingat kot ada hubungan. Jadi, saya minta

tolong daripada kerajaan, minta tolong daripada kerajaan, tolong sampai kepada mereka dengan harapan supaya indeks kita jatuh, iaitu pertamanya tahun 2004 kita telah meningkat 106% daripada segi tangkapan - usaha untuk menyogok anggota perkhidmatan awam iaitu kalau tahun 2003 ialah 50, tahun ini kita tangkap 103. Ini berita baik. Sila beritahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan kepada pihak-pihak berkenaan.

Yang kedua, saya sebut tadi Badan Pencegah Rasuah telah membuat 497 tangkapan dan dengan jumlah ini, merupakan bilangan tangkapan tertinggi yang pernah dibuat oleh badan ini sejak penubuhannya. Jumlah tersebut merupakan peningkatan sejumlah 158 tangkapan iaitu 46.6 berbanding dengan 339 tangkapan dalam tahun 2003. Jadi Yang Berhormat, ini berita baik. Kita sudah tangkap lebih ramai orang lagi sekarang ini dan sudah tentu ini satu peningkatan, nampaknya ini satu daripada usaha kita untuk membanteras rasuah. Saya rasa dengan kerjasama Yang Berhormat, tahun depan punya indeks dia keluar, akan jadi bertambah baik kedudukan dia.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat janji hendak bantu. Saya minta bantulah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa, okey, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, sila Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang:bertambah baik. Bolehkah saya tanya berapa ikan yu ditangkap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Bilangan ikan yu ditangkap. Itu mustahak. Tidak guna kalau ikan bilis sahaja ditangkap. Ikan yu berapa? Berapa ekor ikan yu dia tangkap? Itu mustahak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kasihan Yang Berhormat ini.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab saya jawab banyak kali. Sebab itu kalau saya kata pekak nanti, *unparliamentary*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam Dewan Rakyat sebut dah, berapa kena tangkap. Tetapi, dia tanya juga. Saya ingat kena pakai, tolong pakai itulah, ya untuk membantu pendengaran. *[Menunjukkan isyarat memakai headphone]*

Yang kedua, sudah banyak kali saya cakap dah. Saya hendak beritahu, ya kita mahu sifar rasuah. Apa yang susah sangat ini? Saya sudah bercakap sebelum ini, sesi ini dah sekali saya bercakap, pasal Yang Berhormat cabar. Ya, kita mahu sifar *corruption*. *Why not?* Semua orang mahu.

Jadi, kita kena kerjasamalah. Tidak ada benda yang kita hendak takut tentang perkara ini kerana memang rasuah daripada segi Islam, daripada segi agama apa sekalipun, adalah satu perkara yang tidak boleh diterima. Kalau makan itu, macam makan bara api, makan rasuah ini. Jadi sebab itu Yang Berhormat, saya hendak menyatakan sekali lagi, secara kuatlah "*kita mahu sifar rasuah*" di negara Malaysia. *[Menyatakannya dengan kuat]* Jangan dok bangkit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa pula komennya? Dah kita cakap, tidak percaya pula. Macam mana ini?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Dah cakap dah itu.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti saya habis *paragraph*, habis *paragraph*. Kuching duduk dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kuching duduklah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana ada Bandar Kuching. Ibu negeri Sarawak Kuching, bukan Bandar Kuching. *[Ketawa]* Ini diikuti pula dengan

pengenalan Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia yang sering dipertikaikan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Selain dari itu, untuk meningkatkan keberkesanan tindakan memerangi rasuah, kerajaan juga telah bersetuju dengan penubuhan Akademi Pencegahan Rasuah yang akan menjadi pusat latihan bagi pegawai BPR Malaysia. Agensi-agensi Kerajaan Malaysia dan pegawai agensi pencegahan rasuah di rantau Asia Pasifik dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran bersama dalam bidang pencegahan jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Pembangunan akademi ini sedang giat dijalankan dan dijangka operasi awal akan dapat dimulakan pada tahun ini. Ya, Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching, sila.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya gembira kerana ada lebih tangkapan yang dibuat oleh *anti corruption agency*. Tetapi, saya ingin tahu daripada tangkapan itu, berapakah kes telah diselesaikan dalam mahkamah? *How many convictions* telah diperolehi, kerana kebanyakan perbicaraan berkenaan penjenayah-penjenayah tidak dapat *secure of conviction*. Sebabnya adalah kerana DPP *preparation*, kes mereka tidak berapa sempurna atau kebanyakan kes juga kerana *evidence* dia tidak mencukupi dan *preparation not complete*. *That's why no conviction*. Kalau ada tangkapan, tidak ada *conviction*, apakah gunanya tangkapan itu. Sila jelaskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat *lawyer*, peguam, saya terkejut jugalah. Janganlah kita masuk campur hal. Kan kita sudah kata, *Executive, Legislative, Judiciary*, itu bebas. Jadi, apa yang berlaku di dalam mahkamah mana kita boleh pertikaikan, tidak boleh masuk campur. Kita hanya sekadar, *we are the law makers...*

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan, bukan. Saya bukan mahu campur itu *judiciary*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa...

Tuan Chong Chieng Jen: Saya bukan mahu campur *judiciary* kehakiman...

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: Itu kerja AG, kerana kebanyakan kes DPP kalah kerana DPP *preparation not enough*. DPP *department preparation not enough* dan juga kerana *the evidence is tampered with*.

Cik Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Semasa dia di dalam *custody* polis, itulah hal kerana kebanyakan kes jenayah, *criminal cases the DPP lost*. Saya tidak mengatakan bahawa kita mahu campur tangan dalam *judiciary*. Tetapi, urusan DPP dan *police handling of evidence*, itulah dalam bidang kuasa menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pertamanya saya hendak terlebih dahulu statistiklah, sebab saya pun tidak berapa hendak percaya juga statistik dia itu, sebab mengatakan bahawa kes dibuang oleh kerana kelemahan DPP. Mungkin ada mungkin tidak ada. Mungkin ada tetapi tidak banyak. Jadi, kita di dalam Dewan bila kita bercakap, apabila perlu jawapan daripada saya, kita kena ada bukti yang *solid*, yang betul-betul tunjuk kepada saya, ini kajian yang telah dibuat, ini yang berlaku. Jadi, kalau saya menjawab sekarang, itu cuma menjawab spekulasi. Saya tidak mahu menjawab tentang perkara spekulasi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, telah berkali-kali dinyatakan, ini masih lagi *corruption* ya, anti rasuah. Telah berkali-kali dinyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Timbalan Ketua Pemuda UMNO telah menafikan bahawa beliau pernah membangkitkan isu imuniti berkenaan. Dakwaan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dengan merujuk kepada kenyataan Timbalan Ketua UMNO dan artikel itu adalah satu dakwaan yang nakallah saya rasa. Sebab, pertamanya dia bukanlah kerajaan, kalau kita bercakap tentang kebebasan untuk kita memberi pandangan.

Apa salahnya Timbalan Ketua Pemuda dia memberi pandangannya, apa salahnya,. yang tidak semestinya merupakan satu perkara dasar kepada kita. Saya percaya dia cuma *merely echoing* apa yang dilakukan oleh kerajaan, di mana kerajaan pada hari ini dalam masa yang sama kita pada jangka pendek mengambil tindakan terhadap orang-orang yang melakukan rasuah. Dalam masa yang sama kita hanya setakat defensif iaitu orang buat, selepas itu kita ambil tindakan. Kita juga kena *educate* masyarakat kita supaya tidak suka kepada rasuah. Kalau macam 'tak nak rokok', 'tak nak rasuah' begitu. Jadi, ini jangka panjang yang dimaksudkan oleh beliau

bahawa kita lihat ke hadapan juga, ini yang dimaksudkan. Sebab itu Perdana Menteri buat PIN, IIN ini ialah untuk lihat ke hadapan. Jadi dia cuma *merely echoing* apa yang dilakukan oleh kerajaan, jadi tidak salah. Jadi sebab itu saya rasa tidak usahlah bangkit-bangkitkan soal kenyataan Timbalan Ketua Pemuda kerana yang penting ialah apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini.

Rekod menunjukkan bahawa selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerajui negara banyak kes-kes lama yang melibatkan - ini yang kes-kes lama, yang dikatakan oleh Ipoh Timor tanpa *immunity*, saya hendak sebutkan di sini ya. Rekod menunjukkan bahawa selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerajui negara banyak kes lama yang melibatkan kepentingan awam dan individu ternama telah diselesaikan dan didakwa di mahkamah. Antara kes-kes tersebut yang telah di tuduh sepanjang tahun 2004 ialah pertama, PERWAJA, Tan Sri Eric Chia 1996 disiasat dan sekarang ini sedang didakwa. Saya tidak tahu dia ikan yu atau ikan paus, itu terpulang kepada Ipoh Timor, tetapi saya rasa lebih besar daripada ikan yu.

Kemudian Tan Sri Kasitah Kadam, bekas Menteri kita juga didakwa dan di siasat pada tahun 1999 dan sekarang ini sedang didakwa, itu kedua. Kemudian, Dato' Mohamad Syarif Janjang, EXCO Selangor - disiasat pada tahun 1999 dan didakwa sekarang. Baharuddin bin Ahmad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar - disiasat pada tahun 2000 hingga sekarang, Abdul Jalil bin Yaakob, Bekas Pengurus Besar Pembangunan BBMB - siasat tahun 2000, Datuk Azman Bahalan, EXCO Perak - disiasat tahun 2001, ini semua didakwa pada tahun 2004. Shahrin Shahrudin, Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia Berhad (PMB) - disiasat pada 2001, Mat Zaki Fadzil bin Maun Pengurus Besar Guthrie Furniture Sdn. Bhd. - disiasat 2001, Dato' Omar Haji Othman, EXCO Kerajaan Pahang - siasat 2002, Datuk Haji Ibrahim Mat Nasir, Ketua Pegawai Operasi Servis PNB - siasat 2002, Datuk Sabri Salleh, Dekan Fakulti UiTM - siasat 2002, Mohamad Apandi Mohamad, Ahli Parlimen Jeli - siasat 2003, Ramli bin Ibrahim, Ahli Parlimen Kota Bharu yang dahulu - siasat 2003. Semua ini sedang didakwa pada tahun 2004, inilah saya rasakan kalau boleh ditafsirkan sebagai yu, inilah ikan-ikan yu yang mungkin dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, inilah senarai yang kita boleh beri, kita cuba menyelami apa niatnya, yang inilah yang kita boleh keluarkan nama yang dikatakan oleh beliau mungkin sebagai yu itu.

Jadi pendakwaan individu tersebut sama ada ahli politik, pegawai tinggi kerajaan atau pegawai kanan sektor swasta jelas menunjukkan bahawa kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bertolak ansur ke atas individu-individu yang melakukan kesalahan. Pendakwaan sesuatu kes dibuat berdasarkan bukti dan keterangan yang kukuh yang diperolehi serta peruntukan undang-undang yang sedia ada. Sekiranya sesuatu kes tidak didakwa ia bukannya disebabkan faktor *immunity* sebagaimana yang didakwa oleh yang Berhormat Ipoh Timor.

Untuk makluman Dewan yang mulia terdapat beberapa kes yang melibatkan tokoh-tokoh politik pembangkang juga telah diputuskan untuk ditutup pada tahun 2004. Tindakan untuk tidak mendakwa mereka ini jelas membuktikan bahawa kerajaan adalah adil dalam membuat pertimbangan dan keputusan tanpa mengira kedudukan dan pegangan politik mereka. Tindakan tidak mendakwa mereka ini adalah bermakna kerajaan memberikan *immunity* sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, kita tidak memberi imuniti, jika orang pembangkang pun kalau kita siasat macam dua orang ini, satu EXCO Terengganu dan satu wakil rakyat yang dahulu kalau tidak silap saya iaitu Pasir Puteh, apabila ada laporan kita siasat, kalau tidak bukti yang kukuh, kita tutup. Ini termasuk pembangkang, jadi kita adil bukan pembangkang sahaja yang kita dakwa ataupun kerajaan sahaja, kita adil kepada semua .

Tuan Yang di-Pertua, *the record speaks for itself* apa yang kita lakukan. Sebagaimana yang telah dinyatakan berkali-kali di Dewan yang mulia ini dan penjelasan sebentar tadi merupakan bukti bahawa *tiada immunity* diberikan sama ada kes yang lama ataupun baru. Pendakwaan sesuatu kes bergantung kepada bukti dan keterangan yang diperolehi untuk dijadikan asas dalam pertuduhan. Agihan jawapan di Parlimen berhubung dengan BPR, kes-kes rasuah yang berkaitan dengannya telah ditetapkan kepada saya untuk menjawabnya sejak awal lagi dan tidak harus dibangkitkan mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak datang sendiri mempertahankan strategi dan pendekatan beliau menangani rasuah atau memberi penjelasan berkaitan dakwaan terdapatnya *immunity dalam kes-kes yang lama*.

Jadi dia tidak perlu datanglah, biar saya sahaja yang menjawab, sebab saya Menteri yang diagihkan untuk menjawab ya. Bahkan kita seharusnya menyanjung tinggi juga perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setakat ini untuk tidak

menggunakan satu forum rasmi iaitu Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan serangan Yang Berhormat Ipoh Timor terhadap Timbalan Ketua Pemuda UMNO yang kebetulannya adalah menantu beliau. Jadi kalau beliau datang dan menjawab di sini, yang membuat kenyataan yang didakwa oleh Ipoh Timor *itu* menantunya, lagi orang kata, ini hendak membela menantulah. Jadi dia menjaga ini semua, dia tidak datang untuk menjawab sebab nanti orang berkata, ini jawab hendak membela menantu. Perdana Menteri ini dia cukup jaga ini semua supaya jangan dijadikan sebagai satu sebutan atas kata-kata orang sebab itu dia serahkan kepada saya, bermaknanya dia percaya kepada sayalah. *Jangan kata tidak percaya pada saya*, itu tidak betul [ketawa] *dia* serahkan kepada saya.

Jadi adalah wajar bagi saya yang dipertanggungjawabkan untuk menjawab isu-isu tersebut berdasarkan fakta dan bukannya dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang boleh disalahtafsirkan sebagai mempertahankan menantu beliau dan bukannya strategi atau pendekatan beliau dalam menangani rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor juga bangkit berkenaan dengan tanggungjawab kepada parlimen. Kerajaan mempunyai keyakinan yang penuh di atas kewibawaan Badan Pencegah Rasuah yang mahu BPR bertanggungjawab kepada parlimen, jadi saya sudah jawab sebenarnya dalam jawapan soalan itu. Jadi ia telah diberitahu kepada beliau, kerajaan mempunyai keyakinan penuh, sebab itu kita mahu BPR ini untuk membendung dan mencegah jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di negara ini. Kerajaan juga berpuas hati dengan keberkesanan badan tersebut dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dalam membanteras jenayah rasuah mengikut kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. Maka oleh yang demikian kerajaan tidak bercadang untuk meletakkan BPR di bawah tanggungjawab Parlimen, tidak bercadang ya.

Sebabnya Yang Berhormat, macam-macam perkara, kalau kita letak di bawah Parlimen, nanti kadangkala Ahli-ahli kita yang disiasat, itu pun susah juga. Macam Yang Berhormat sendiri mencadangkan iaitu mempertikaikan BPR menyiasat dua orang pembangkang yang *fault's claim* itu, ini akan meletakkan kita kepada kedudukan yang susah sebab itu lebih baik. Kemudian Yang Berhormat kata nanti kalau letak di bawah Parlimen, Parlimen ini majoritinya 92% adalah Barisan Nasional dan Yang Berhormat

sendiri mempertikaikan tentang *growth* dan *majority* itu. Jadi sebab itu kalau kita di bawah parlimen mungkin lagi akan dipandang sebagai tidak adil dan saksama kerana majoriti kita terlalu besar. Jadi adalah lebih baik diletak di luar daripada Parlimen. Ini sebagai hendak memastikan kita supaya mereka tidak akan dipengaruhi oleh pandangan-pandangan kita dalam sesuatu kes yang melibatkan ahli-ahli kita.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan Pengerusi Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, maaf. Tuan Pengerusi. Saya minta maaf. Kemudian memaklumkan kedudukan kes Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan kenyataan oleh Ketua Pengarah BPR di Kuantan, Pahang di mana BPR bersedia memaklumkan kedudukan sesuatu kes supaya BPR di lihat lebih telus. Pengadu sesuatu kes boleh memohon mendapatkan status dan kedudukan sesuatu kes yang dilaporkan dengan menulis surat kepada Ketua Pengarah BPR dan pihak BPR akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap permohonan tersebut, memandangkan di bawah peruntukan Seksyen 21 (4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 menyatakan sesuatu aduan yang dibuat di bawah Seksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dituduh di mahkamah atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis selain berbangkit daripada aduan itu.

Berhubung dengan makluman kepada Ketua Jabatan, BPR dari semasa ke semasa perlu memaklumkan status kes yang melibatkan tangkapan, kita kadang-kadang terpaksa juga memaklumkan kerana ini melibatkan aspek penahanan dan penggantungan kerja pegawai-pegawai terbabit sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib 1993. Sebab kadang-kadang kes anggota perkhidmatan awam ini dikena gantung kerja waktu kes tadi terpaksa juga mengumumkan walaupun dalam kes lain tidak boleh.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkitkan mengenai masalah Yang Amat Berhormat Menteri besar Selangor. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Badan Pencegah Rasuah telah pun meneliti dan pertimbangkan kenyataan yang dibuat

oleh Bekas Timbalan Menteri Besar Selangor itu berhubung dengan kes yang dipertikaikan.

Telah keseluruhan keterangan dipertimbangkan didapati tiada bukti kesalahan dilakukan. Perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berhubung percanggahan kenyataan di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dengan Yang Berhormat Bekas Timbalan Menteri Besar berkaitan dengan kes pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor telah diambil maklum dan diambil tindakan oleh BPR. Semua kenyataan saksi dokumen dan bahan bukti berhubung dengan kes tersebut telah diambil untuk melengkapkan siasatan BPR setelah keseluruhan keterangan dipertimbangkan didapati tiada bukti kesalahan yang dilakukan.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun.

Tuan Lim Kit Siang:di mana perkara ialah sama ada conflict of interest di mana Menteri Besar masih mempengerusikan mesyuarat di mana ada pemberian tanah dan beliau kata bahawa dia ada meninggalkan dewan mesyuarat itu yang sangat jelas menimbulkan conflict of interest dan ada decided cases di mana ada Ahli-ahli EXCO yang ada dikenakan salah di bawah akta rasuah. Adakah finding bahawa tidak ada kes untuk diteruskan dibuat oleh BPR atau oleh Peguam Negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dia ada dua stages sebelum sampai ke mahkamah. Pertama, penyiasatan dibuat oleh BPR, kemudian kalau BPR siasat, lengkap dengan bukti semua, dihantar ke AG, itu stage kedua AG yang membuat keputusan sama ada didakwa ataupun tidak. Ketiga barulah bawa ke mahkamah. Dalam hal ini jelas saya menyatakan sini bahawa BPR telah maklum tentang perkara ini dan telah pun meneliti, bermakna bahawa di peringkat BPRlah kita telah mendapati bahawa tidak cukup maklumat.

Tuan Lim Kit Siang: Bererti bahawa kes ini sudah ditutup di peringkat BPR dan tidak dikemukakan ke lebih atas ke Mahkamah Peguam Negara dan oleh kerana dalam ucapan saya, sebab ada timbul perkara di mana pada tahun 2003 di mana perkara ini berlaku di mana ada Pegawai Tinggi BPR yang dianugerahkan dengan State Tittle menimbulkan sama ada, ada kebebasan dan tidak ada virus dalam perkara ini.

bukankah perkara ini patut dirujuk kepada Peguam Negara untuk suatu semakan sama ada sebenarnya ada kes untuk diambil terhadap Menteri Besar Selangor atas conflict of interest dan rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau ada premafasi, maka bawalah kepada AG. Tetapi ada perkara-perkara yang boleh diselesaikan di peringkat BPR yang tidak perlu bawa kepada AG. Sebagai contoh, maknanya saya membaca kenyataan daripada Datuk Dr. Mohamed Khir Toyo sendiri. Menurut Datuk Dr. Mohamed Khir Toyo di dalam dia punya web site, beliau keluar daripada mesyuarat EXCO itu kerana ada pegawai dan pemandunya memohon tanah tersebut.

Yang Berhormat, pegawai dan pemandu ini dia di bawah Akta Pencegah Rasuah tidak merupakan saudara mara kepada Menteri Besar ini. Dia akan salah kalau bagi kepada pegawai dan pemandu kalau dia ambil duit. Maknanya dari segi saudara tidak salah, sebab dia bukan saudara dia.

Ini Pegawai dan pemandu dia. Salah ke bagi kepada pemandu dan pegawai. Mereka pun bekerja juga. Mereka pun berhak sebagai rakyat Selangor untuk minta tanah. Dia bagi kepada pegawai dia, dia tidak salah. Tetapi akan berlaku rasuah kalau sekiranya pegawai itu sendiri bagi duit. Aku lulus bagi duit. Itu baru betul. Jadi sebab itu saya rasa dalam peringkat ini pun BPR dan boleh buat keputusan, iaitu tidak berlaku apa-apa kesalahan. Walaupun sekalipun dia tidak keluar pun tidak berbangkit sebab dia bagi kepada pegawai dan drebar dia. Salah ke bagi kepada drebar? Saya rasa tidak salah, salahnya kalau kita ambil duit daripada drebar, itu lain.

Oleh sebab itu, saya ingin menyatakan kesalahan itu ialah memberikan mengikut Datuk Dr. Mohamed Khir Toyo kepada pegawai dan pemandunya yang tidak merupakan saudara mara dia. Tetapi Datuk Dr. Mohamed Khir Toyo, Menteri Besarminta maaf. Saya minta maaf.

Puan Chong Eng: Salah bacakah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak baru sampai. Kes ditutup oleh Jabatan Peguam Negara bukan BPR. Kes ditutup oleh Jabatan Peguam negara ya. Walau bagaimanapun, ini baru sampai. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, dalam Mesyuarat EXCO itu, ada Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dengan lapan

EXCO, lapan orang. Yang kata keluar seorang sahaja, yang tidak keluar seorang, bekas Timbalan Menteri Besar, yang lain semua on the balance of probability semua kata MB keluar. Dia tidak ada masalah. Tetapi, saya hendak tekankan di sini bahawa yang diberi ini kepada pegawai dan pemandu dia. Saya rasa mereka juga berhak untuk mendapat. Kalau sekiranya mereka daripada segi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Layak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: layak, terima kasih Yang Berhormat Sri gading, mereka layak. Itu yang saya hendak sebut tentang perkara ini. Saya hendak perbetul, kes ini ditutup oleh pihak Jabatan Peguam Negara.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini yang pertama bahawa tanah ada diberikan untuk ahli-ahli EXCO dan ada ahli-ahli EXCO yang tinggal dalam mesyuarat dan kedua, kita tidak tahu mengenai semua kes pemberian tanah itu dan oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ada kata bahawa dia ada keluar yang nampaknya dia tidak keluar, yang itulah kenyataan Bekas Timbalan Menteri Besar masa itu. Bukankah ini menunjukkan bahawa kalau dia tidak sengaja untuk menipu rakyat, tetapi adalah *effect* untuk mengeliru dan memesong orang ramai dan tidak telus.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang memesong bukan dia, yang memesong Timbalan Menteri Besar itu yang memesong. Sebab dia kata dia keluar. Jadi dia kata dia keluar, tetapi yang kata dia tidak keluar Timbalan Menteri Besar. Jadi yang memesong Timbalan Menteri Besarlah sebab yang bekas sekarang dia tidak ada Timbalan Menteri Besar ini. Bekas Timbalan Menteri Besar, jadi yang memesong rakyat bukan Menteri Besar sekarang, sebab Menteri Besar kata, 'Saya keluar'. Yang mengelirukan rakyat apabila Bekas Timbalan Menteri Besar kata dia tidak keluar dan lapan lagi orang EXCO semua kata dia keluar.

Jadi kita hendak dengar yang mana? Sembilan lawan satu, adakah satu orang ini betul dan sembilan orang ini tidak betul? Jadi sebab itu saya rasa adalah tidak adil untuk kita secara rambang tanpa tahu factnya, kita terus menghukum bahawa dia bersalah. Saya yakin bahawa memang perkara ini telah pun dibincangkan, telah pun dibuat penyiasatan sedalam-dalamnya dan seperti mana yang saya telah nyatakan, bahawa pihak Peguam Negara sendiri menutup kes ini kerana didapati bahawa tidak

ada kesalahan yang telah dilakukan berdasarkan kepada kenyataan daripada bekas Timbalan Menteri Besar itu.

Tuan Pengerusi, BPR telah ambil maklum berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Taman Templer, dia bukan wakil rakyat sini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bawa kes Yang Berhormat bagi Taman Templer. Kenyataan Yang Berhormat Ahmad Bahari, BN Taman Templer yang menyatakan, "Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah menyalahgunakan kuasa apabila menganugerahkan 89 hektar tanah milik Shah Alam Properties kepada beberapa buah syarikat tanpa kelulusan Exco Selangor". BPR telah ambil maklum dan akan mengambil tindakan sewajarnya berhubung dengan dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Taman Templer sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Jadi saya percaya Yang Berhormat bagi Taman Templer ini akan dipanggil untuk mendapat maklumat yang seterusnya. Ini baru berlaku Yang Berhormat ya, baru berlaku.

Kemudian, siasatan terhadap Jabatan Alam Sekitar, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah membangkitkan sama ada berapa kes di Jabatan Alam Sekitar telah diambil tindakan oleh BPR? BPR sedang mengambil tindakan sewajarnya berhubung dakwaan kes-kes yang di bawah bidang kuasa badan ini, yang berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Kenyataan Ketua Setiausaha Negara berhubung penerimaan hadiah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga. Kenyataan oleh Ketua Setiausaha Negara ini merupakan peringatan oleh seorang ketua kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Ini merupakan peringatan yang perlu dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam tidak terdedah dengan budaya penerimaan hadiah yang dikhuatiri akan menjejaskan integriti perkhidmatan awam. Peringatan ini juga selaras dengan peruntukan dalam peraturan disiplin perkhidmatan awam.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga membangkitkan soal rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negeri semasa Parlimen dan seolah-olah kita tidak mengendahkan Parlimen. Saya ingin menyatakan di sini, itu tidak betul. Pihak kerajaan bersetuju bahawa Menteri-menteri perlu berusaha untuk menghadiri Persidangan Parlimen. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini

telah menekankan secara terbuka akan pentingnya para Menteri menghadiri diri di Parlimen. Walau bagaimanapun kadangkala Menteri-menteri perlu menyertai rombongan rasmi kerajaan ke luar negara untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama yang baik dengan negara-negara lain. Lawatan-lawatan tersebut tidak diatur semasa Parlimen bersidang, namun tertakluk kepada jadual negara-negara yang dilawati. Jadi, Australia yang menentukan bila. Perlu ditekankan bahawa usaha-usaha sebegini adalah demi kepentingan rakyat juga, baik dari segi peningkatan dalam perdagangan dua hala mahupun untuk pelancaran jalinan kerjasama dalam pelbagai bidang dan sebagainya.

Jadi jadual ini dibuat oleh Australia, dia mana tahu kita hendak bersidang sekarang. Jadi dia kata tarikh ini yang dia ada dan dia minta datang. Jadi kalau Perdana Menteri pergi seorang pun tidak nampak seolah-olah kita menyokong usaha perhubungan baik dengan Australia ini, sebab itu Perdana Menteri bawa kalau tidak silap saya, enam atau tujuh orang Menteri yang ada kaitan dengan hubungan kita dengan Australia, Pengajian Tinggi, kita ada *students* di Australia, MITI - perdagangan, kemudian soal barang-barang kayu semua, itu sebabnya Miri pun pergi. Jadi, hanya yang ada kaitan sahaja yang pergi. Saya tidak ada kaitan, pergi buat apa? Saya kena jaga Dewanlah. Tetapi kalau saya juga pergi hari itu, Yang Berhormat boleh hentam saya habis-habisan. Tetapi saya tahu tanggungjawab saya, saya tidak pergi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Agaknya kalau bawa Ketua Pembangkang sama, persoalan itu tidak berbangkit?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, itu boleh, tetapi kita tidak bawa masa Parlimen bersidang. Kita bawa waktu saya pergi juga, barulah adil [*Ketawa*] terima kasih.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang diketahui oleh Ahli-Ahli Parlimen, setiap tahun kerajaan membentangkan bajet tahunan di Parlimen agar cadangan perbelanjaan-perbelanjaan yang terkandung dalam bajet dapat dibahaskan dan diluluskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bajet-bajet kerajaan dibentangkan di Parlimen pada akhir tahun iaitu sebelum permulaan tahun di mana bajet tersebut diperuntukkan. Namun ada kalanya wujud lebihan kos di setengah-setengah. Ini telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam.

Tuan Pengerusi, isu-isu JPA, kelewatan dalam meluluskan permohonan penambahan kakitangan, disentuh oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai tidur? Yang Berhormat bagi Jerai, saya hendak menjawab persoalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya, betul. *[Ketawa]* Dalam kajian perjawatan..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia dengar itu Yang Berhormat, tetapi dia dengar dalam mimpi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ada dengar, dia tengah khusyuk, terlalu khusyuk dia dengar jawapan. Dalam kajian perjawatan, JPA perlu melihat kepada beban dan kompleksiti tugas supaya setiap jawatan yang diwujudkan adalah setimpal dan sesuai dengan tanggungjawab jawatan tersebut, manakala pengambilan pegawai awam adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ini Yang Berhormat bagi Jerai bangkitkan. Juga kerajaan telah memperkenalkan waktu kerja berperingkat yang bermula pada jam 7.30 pagi untuk memastikan bahawa ada pegawai di kaunter pada setiap masa. Ini kes *front line*, kaunter, jadi kita ada buat jadual waktu. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Pentadbiran Awam dan salah satu pekeliling ialah mengenai Panduan Perkhidmatan Kaunter Yang Berkesan untuk memudahkan *front liner* bertugas di kaunter dengan berkesan.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching menyentuh berkenaan dengan Ujian Penilaian Tahap Kecekapan. Soalan-soalan Penilaian Tahap Kecekapan ini dibuat sendiri oleh Skim Perkhidmatan masing-masing, dan JPA hanya menyediakan panduan bagi penyediaan soalan.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jasin, berkenaan dengan soal JPA juga, penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Pertanian Malaysia dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu fasa pertama melibatkan jawatan peringkat pengurusan tertinggi dan peringkat pengurusan dan profesional, JPA telah selesai mengkaji dan sedang dalam pertimbangan jawatankuasa. Fasa kedua melibatkan jawatan kumpulan sokongan. Keputusan akan dibuat dalam tempoh yang terdekat. Yang Berhormat bagi

Bandar Kuching lagi, soalan-soalan yang digubal oleh Panel Penggubal Soalan daripada jabatan masing-masing, ini sudah dijawab, PTK tadi.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, mana Yang Berhormat bagi Batu Gajah?

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bandar Kuching hendak tanya apa lagi? Sudah jawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan. Nampaknya bukan satu jawapan, itu *[Ketawa]* tidak ada standard. Apakah Jabatan Perdana Menteri akan buat untuk mengatasi aduan-aduan yang telah dibangkitkan? Di sini Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), tahun ini telah menolak PTK itu dan bukan sahaja Cuepacs menolak, Persatuan Kakitangan Universiti Awam Malaysia (GAKUM) dalam persidangan mereka dalam bulan April tahun ini juga menolak pelaksanaan PTK. Apakah kerajaan akan buat untuk mengkaji balik atau *cancel the whole program?* *In addition*, saya ada satu lagi soalan, kerana ada juga aduan, bahawa kerana kekurangan kakitangan, oleh itu banyak pegawai kerajaan terpaksa tunggu untuk menduduki PTK *Examination* itu. Sila Menteri jawab dengan lebih sempurna.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya harap pegawai kerajaan dengarlah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kata, pegawai kerajaan tidak ada standard, dia cakap, bukan saya cakap.

Cuma saya beritahu di sini bahawa bagi saya, jawapan mereka itu adalah betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, saya hendak cakap dulu. Bagi saya jawapan mereka itu adalah betul iaitu perkara ini semua, soalan-soalan ini diberikan mereka kebebasan untuk membuat, kita JPA hanya menyediakan. Jadi soalnya kalau soalan-soalan itu dianggap ditolak maka terpulanglah kepada jabatan itu sendiri untuk memperbetulkan sebab soalan ini datang daripada mereka. Jadi tidak perlulah JPA mengambil tindakan selain daripada apa yang diperlukan. Jabatan

berkenaan harus tahu iaitu kalau soalan-soalan itu ditolak kena ganti dengan jawapan-jawapan yang barulah. Pada saya jawapan mereka itu adalah betul - apa yang dijawab, dalam keadaan di mana kita terpaksa menjawab secara spontan, jawapan pegawai kerajaan itu adalah standard, betul dan tidak seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tuan Pengerusi, kemudian

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, saya hendakAhli Yang Berhormat bagi Batu Gajah..... Saya habiskan semua baru boleh tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab saya tahu dia tidak ada *point* dah.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi lagi. Sila duduk dulu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah Duduklah, you tak bercakap pun mana ada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bercakap, tak bercakap pun, tidak usahlah.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eh, saya sudah jawab, duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dulu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan saya cakap you yang cakap pegawai kerajaan tidak ada standard dan kalau menteri tidak ada standard, jawapan saya ini datang daripada pegawai kerajaan. Semua orang tahu. Bermakna dia kata pegawai kerajaan tidak ada standard bukan saya kata. Ini Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching - DAP yang kata.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi lagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Batu GajahJPA sedang dalam proses untuk menemu duga pelajar-pelajar yang layak bagi program ijazah luar negara. Setiap tahun JPA menaja seramai lebih kurang 1,500 pelajar di bawah program Ijazah Luar Negara. Permohonan daripada pelajar adalah 10,000 setiap tahun dan hanya 15% pelajar sahaja daripada yang memohon akan dapat ditaja. Pelajar-pelajar tajaan JPA di luar negara akan pulang ke Malaysia kerana perkara tersebut telah termaktub di dalam perjanjian yang telah ditandatangani. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pelajar kira-kira 1% yang memerlukan perlanjutan tempoh pengajiannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, sekejap saya habiskan. JPA akan menghantar surat peringatan kepada pelajar-pelajar yang berada di luar negara tiga bulan sebelum tamat pengajian untuk kembali segera selepas tamat pengajian. Saya minta Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jantan bukan betina.

Puan Chong Eng: *[Ketawa]* Semua orang tahulah Yang Berhormat ini jantan pakai seluar punyalah bukan pakai kain sarung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruslah Yang Berhormat, tanya Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Mana tahu?

Puan Chong Eng: Mana tahu? *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, yang di sini kita panggil Yang Berhormat Menteri, yang kakitangan di sana kita tidak panggil Yang Berhormat dan mereka pun bukan menteri. Jadi saya rasa sikap menteri ini perlulah dikaji semula *[Ketawa]* kerana walaupun jawapan itu disediakan oleh kakitangan tetapi takkanlah kalau salah itu salah kakitangan. Kalau tidak ada standard kakitangan yang tidak ada standard tetapi kalau

ada standard Yang Berhormat Menteri yang ada standard. Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlulah adil dan juga bertanggungjawab ke atas apa yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri walaupun itu disediakan oleh kakitangan kerajaan kerana akhirnya ialah Yang Berhormat Menteri yang datang sini menjawab. Kakitangan kerajaan itu menolong sahaja - membantu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu tidak masuk di bawah butiran Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa yang tidak adil yang mengatakan apabila Yang Berhormat bagi Bandar Kuching mengatakan Yang Berhormat Menteri tidak ada standard, dia kata Yang Berhormat bagi Bandar Kuching mengatakan kakitangan kerajaan tidak ada standard. Saya rasalah kalau jantan itu dia berani menerima teguran, itulah jantan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pertama saya hendak mempertikaikan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang pakai seluar belum tentu jantan sebab dia pakai seluar. Jadi itu tidak betul, ya?. Belum tentu yang pakai seluar jantan sebab Yang Berhormat cuba berdiri, pakai seluar kalau tidak silap saya. Itu tidak boleh pakai.

Nombor dua Yang Berhormat, perkara ini dibahaskan pada waktu pagi tadi. Pagi tadi saya menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri, bermakna dah memang sistem kita pun dari dulu sampai sekarang, jawapan disediakan oleh pegawai kerajaan. Semua tahu dia pun tahu. Jadi sebab itu lain kali sebelum hendak bercakap lebih baik berhati-hatilah kalau tidak jadi macam dia hendak menegakkan benang yang basah. Yang sebenarnya sudah kata pegawai kerajaan tidak bagus, tidak ada standard. Jawapan ini memang disediakan oleh pegawai kerajaan. Ini yang berlaku bukan hari ini pada petang ini sahaja selalu berlaku macam ini. Oleh sebab itu saya menasihatkan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching lain kali sebelum hendak tembak tengok-tengok dulu takut tertembak kepada pegawai kerajaan.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Minta Penjelasan

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Tuan Chong Chieng Jen: Eh, Kalau jantan....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah cakap. Sudah cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beri kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sila. Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah habis.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sentiasa menunjukkan sifat kejantanan yang terunggul. [*Tepuk*] Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi yang mengatakan biasiswa JPA memang dalam minggu ini dipanggil untuk temu duga calon-calon yang mendapat keputusan cemerlang. Berdasarkan kepada rekod tahun lalu kita ada 13,440 orang yang memohon dan 3,896 orang yang telah dipanggil temu duga itu tahun lalu yang akhirnya menerima hanya 1,500 orang. Kita dapati pada tahun ini masalah yang amat rumit juga ramai mereka yang dapat keputusan yang cemerlang tidak dipanggil untuk temu duga. Jadi mereka ini merayu supaya diberi peluang sekurang-kurangnya dia gagal dalam temu duga pun mereka faham mengapa mereka tidak berjaya. Jadi sekarang pada peringkat pertama mereka tidak dipanggil untuk temu duga, adakah pihak JPA bersedia untuk memberi layanan ataupun menerima rayuan sebegini?

Kedua, saya melihat butiran itu sebanyak RM14.95 juta yang akan dibelanjakan disebabkan oleh kadar pertukaran wang asing. Saya juga difahamkan melalui *website* dalam JPA tidak lagi menaja pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran khususnya perubatan di negara Rusia. Kita tahu berbanding dengan UK ataupun di negara lain seperti Australia kadarnya hampir RM1 juta berbanding dengan Rusia hanyalah RM180,000. Jadi mungkinkah pihak JPA mengkaji semula? Kalau kita hendak menghantar seorang pelajar ke UK berbanding dengan kita hantar lima pelajar ke Rusia dengan kadar yang sama, saya rasa itu mungkin memanfaatkan negara. Saya hendak

minta Yang Berhormat Menteri sama ada dapat mempertimbangkan rayuan sebegini dan apakah kriteria pemilihan bagi mereka yang dipilih untuk mendapatkan biasiswa termasuklah untuk menghadiri temu duga? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, ini satu soalan yang baru diutarakan kepada saya yang melibatkan polisi kita. Jadi saya minta notis untuk merujuk kepada pegawai yang tidak ada standard ini [*Dewan riuh dengan ketawa*] untuk membantu saya. Saya akan bagi bertulis. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching?

Tuan Chong Chieng Jen: Berani kasi penjelasan. Apa yang saya bangkitkan itu langsung tidak ada jawapan daripada menteri. Apakah menteri akan buat terhadap masalah-masalah yang ditimbulkan. Perkara ini melibatkan semua pegawai dan kakitangan kerajaan dan itulah teguran mereka. Sekarang saya bangkitkan masalah ini di Dewan yang mulia ini. Tetapi nampaknya menteri *just joking, He's joking like as if nobody's business* - Pulangkan kepada mereka sendiri untuk selesaikan masalah itu. Sebagai Jabatan Perkhidmatan Awam apakah kerajaan akan buat? Itulah soalan saya. Silalah jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau tanya baik-baik macam ini bolehlah kita jawab, ini cakap tidak ada standard. Tetapi saya tidak marah kepada dia, Yang Berhormat bagi Kuching sebab dia tidak pernah duduk dalam kerajaan jadi dia tidak tahu.

Pegawai kerajaan ini dia ada Jabatan Perkhidmatan Awam dia sendiri yang mana Ketua Setiausaha Negara itu bertanggungjawab penuh, di atas perkara-perkara yang ada kaitan dan urusan dalam perkhidmatan awam. Jadi, bukan menteri, saya hendak bagi tahu supaya Yang Berhormat faham.

Soalan ini elok kita utarakan kepada pihak perkhidmatan awam tetapi di kalangan mereka, pegawai-pegawai kerajaan mereka sudah tahu, mereka sudah tahu iaitu bahawa bukan kita tidak serius dalam jawatan kita. Mereka sudah tahu iaitu setiap jabatan itu ataupun agensi atau apa, dia ada mempunyai dia punya soalan-soalan itu ditanya oleh dia sendiri. Jadi, pihak JPA hanya menyediakan panduan, jadi mereka buat. Kalau ada penolakan maknanya pihak yang agensi berkenaan dia kenalah ambil tindakan daripada hasil penolakan itu. Jawapannya memang *standard*, memang betul.

Itu sebab mereka lebih memahami, mereka tahu, ini ada kaitan dengan perkhidmatan mereka. Mereka ini pegawai kerajaan mereka tahu, jadi tidak boleh kata, sekali lagi Yang Berhormat hendak menyatakan bahawa ini hendak main-main. Tidak akanlah pegawai kerajaan hendak main-mainkan tentang JPA, dia punya sendiri jabatan. Kalau dia jawab tidak ada *standard*, KSN tahu nanti dia akan diambil tindakan, sebab itu saya tetap menyatakan bahawa jawapan mereka itu adalah standard, tepat, betul kerana mereka yang mengetahui tentang perkara ini.

Jadi, tidak betullah kalau orang kata, Menteri kena ambil tindakan, tidak. JPA dia ada dia punya ketua dia, Ketua Setiausaha Negara yang menentukan tentang apakah polisi dan dasar bagi Jabatan Perkhidmatan Awam, ya?. Yang Berhormat tidak faham tidak apalah, tidak pernah di kerajaan, tidak tahu. Tuan Pengerusi.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi minta.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Isu-isu audit, Yang Berhormat Santubong.....

Tuan Pengerusi: Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Santubong, teguran Yang Berhormat berkenaan dengan.....

Tuan Pengerusi: Bagi jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Laporan-laporan kertas *statue* yang ada di Dewan sekarang ini adalah bagi tahun 2002 dan 2003, yang sepatutnya laporan terkini 2004, ya betul. Kita akan mengambil tindakan, teguran Yang Berhormat amat dihargai dan perkara ini akan diambil perhatian supaya pembentangan laporan-laporan kertas *statute* di Parlimen adalah laporan yang terkini.

Kemudian Bandar Kuching, mengenai dengan mengapa laporan Ketua Audit Negara tidak melaporkan mengenai kerugian pelaburan dalam *Syarikat 1st Silicon (Malaysia) Berhad* di Sarawak bagi pengendalian pengurusan 2003 yang dijalankan, adakah terdapat elemen *cover up* untuk kerajaan negeri?. Laporan mengenai kerugian pelaburan dalam *1st Silicon (Malaysia) Sendirian Berhad*, ada dinyatakan dalam sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak bagi tahun 2003. Sijil tersebut tidak disertakan dalam laporan Ketua Audit Negara 2003. Justeru itu, adalah tidak benar kenyataan bahawa laporan Ketua Audit

Negara tidak melaporkan mengenai perkara tersebut. Ini pun ada di depan saya, sijil ini, nanti saya bagi dekat Yang Berhormatlah sijil ini.

Yang Berhormat Santubong, berbangkit audit tahunan yang, oh ya yang tadi sudah dijawab dah ya. Sudah pun dijawab. Santubong lagi, JPA minta membuat pelantikan pegawai audit di negeri-negeri dengan lebih banyak supaya Laporan Audit Negara lebih mantap dan menyeluruh. Pengambilan pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Awam seperti pegawai audit adalah di bawah bidang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Bawah Perkhidmatan Awam bukan bawah Audit.

Kemudian Ipoh Timor mencadang supaya perlu ada *mechanism* untuk membahaskan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan *Public Accounts Committee* di Parlimen dan bukan setakat dibentangkan sahaja. Berkenaan dengan supaya dibahaskan Laporan Ketua Audit Negara dan PAC, kita ingat boleh setujulah, Yang Berhormat, ya. Untuk makluman, Ketua Audit Negara akan membuat susulan ke Jabatan Agensi kerajaan terhadap perkara-perkara yang dibangkit dan Laporan Ketua Audit Negara untuk mengenal pasti tindakan dan langkah yang telah diambil dan Jabatan Agensi kerajaan daripada teguran-teguran Audit.

Segala tindakan yang diambil akan dilaporkan juga dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun yang berikut. Jadi, untuk Yang Berhormat ini kehendak kita kena peraturan kitalah, kita punya. *[Disampuk]* Ya, PAC *report* maknanya, peraturan sekarang hanya sekadar dibentang di Dewan untuk makluman dan kajian Ahli-ahli Dewan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau bagaimanapun, Ahli Dewan boleh juga membahaskan dalam perbahasan dia, tapi saya percaya untuk hendak membincang *report* PAC ini, saya ingat *standing order* punya *committee* lah kena buat, supaya ianya boleh dibincang dalam Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu terpulang pada dia. Dari segi pihak Ketua Audit Negara tidak ada masalah.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh minta penjelasan? Saya pun ada bangkit rencana dalam *News Straits Times* hari ini yang ada dianggap oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan

Nasional mereka pun menganggap dia menghinakan Ahli-ahli Parlimen oleh kerana tulisan dalam itu. Adakah Yang Berhormat Menteri yang menjaga, bertanggungjawab dengan Parlimen bersetuju bahawa rencana ini menghina Ahli-ahli Parlimen atau sungguhpun menghinakan Ahli-ahli Parlimen tetapi ada beralasan patut dihinakan oleh kerana kelakuan Ahli-ahli Parlimen dua minggu ini menimbulkan isu yang menjadikan Parlimen *laughing stock* di negara ini atau tidak ada alasan. Bukankah perkara ini patut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan untuk satu kajian yang lebih mendalam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya minta maaf, ini saya hendak bagi tahu. Saya pagi tadi Kabinet habis satu setengah dan menghormati Yang Berhormat mahu Menteri menjawab saya terus *rush* makan belum lagi, jadi saya belum baca surat khabar lagi.

Beberapa Ahli: Kesian!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, tidak adil untuk saya, untuk saya membuat komen tentang sesuatu perkara yang saya tidak tahu, ya. Jadi, biar saya baca dan saya tengok mungkin tidak perlu buat dalam Dewan saya boleh buat kenyataan di luar. Yang pakai *skirt*, Batu Gajah, tidak ada ya? Habis ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Akhir.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat ada tadi bangkitkan bahawa tidak mengetahui apakah polisi JPA dalam pemberian-pemberian semasa menemu duga pelajar untuk biasiswa untuk ditaja untuk melanjutkan pendidikan ke luar negara. Tapi saya ingin ambil kesempatan ini untuk bangkitkan agar kalau boleh pihak JPA memberi alasan kepada para pemohon, apakah sebab permohonan biasiswa mereka itu ditolak atau tidak berjaya agar mereka akan tahu sebabnya dan akan puas hati.

Saya baca dalam laporan, pelajar itu menyatakan bahawa ada pelajar lelaki yang tidak memperolehi 11A tetapi dipanggil untuk temu duga, manakala adiknya memperolehi 11A1 dan *head prefect*, aktif dalam kurikulum tetapi tidak dipanggil oleh temu duga. Jadi, mungkin pihak JPA dapat lebih telus lagi apabila menolak atau tidak

memanggil seseorang pelajar untuk temu duga atau selepas pelajar itu pergi temu duga memberi alasan mengapakah dia tidak berjaya.

Agar mereka rasa puas hati dan tahu tahap mereka dan boleh bandingkan mengapa mereka tidak berjaya apabila berbanding dengan kawan mereka. Sebab melalui surat yang saya baca, kononnya mereka hendak nampak seolah-olah pihak pelajar lelaki diberi lebih keutamaan. Itu bukan JPA lah, itu ialah penaja yang lainlah. Jadi, saya harap JPA akan pelajari dan bagi alasan. Saya pohonlah perkara ini diambil perhatian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, yang memohon 13,000, yang akhirnya dapat 1,500. Bermakna JPA kena menjawab 11,500 pemohon. Kenapa mereka tidak dapat? Saya rasa ini bukan satu kerja yang mudah, sebab itu saya rasa kita ingin menyatakan di sini iaitu bahawa walaupun kita mempunyai kelayakan kita tetapi kelayakan kita itu sebenarnya, saya rasalah saya tidak tahu, mungkin daripada 13,000 itu 12,000 mempunyai kelayakan. Jadi, hendak tolak yang lain itu macam mana? Jadi tidak mungkin kita boleh buat satu mechanism yang adil.

Walau bagaimanapun kita tidak lari daripada memilih pelajar berdasarkan kepada kelayakan akademik, bidang yang dipohon, ko-kurikulum dan prestasi temu duga. Macam mana kita hendak jawab yang ditemu duga ditolak? Hendak kata, "Prestasi *you* tidak bagus". Susah, sebab itu, Yang Berhormat, ini bukan kerja yang senang kerana untuk hendak memberi setiap mereka yang ditolak itu jawapan mengapa mereka ditolak.

Kemudian pula saya hendak beritahu mengikut empat kelayakan ini, saya percaya yang layak ini ada 11,000 atau 12,000. Hendak 1,500, sudah tentu kena tolak lagi 10,000. Takkan kita hendak bagi alasan. Itu banyak kerja dan agak tidak adil. Mungkin semua itu memenuhi keempat-empat syarat tetapi takkan kita hendak bagi 10,000, duit tidak ada. Ini bukan satu kerja yang mudah, Yang Berhormat, dan saya harap supaya Yang Berhormat dapat memahami perkara-perkara ini dan oleh kerana itulah kita agak sukar untuk menyatakan. Tidak perlu saya hendak merujuk kepada JPA, yang ini saya sudah tahu, memang agak sukar untuk kita memaklumkan kepada semua, sebab mengapa mereka tidak layak.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya pun hendak tegur juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sudah lama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ucapkan terima kasih di atas kerjasama dan kepada yang tidak dijawab, boleh jumpa saya di luar, tidak perlu tanya di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM208,070 untuk Maksud B.3; RM14,975,640 untuk Maksud B.7 dan RM1,310 untuk Maksud B.9; di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM208,070 untuk Maksud B.3, RM14,975,640 untuk Maksud B.7 dan RM1,310 untuk Maksud B.9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.6 dan RM4,323,568 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.6 dan RM4,323,568 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

**Maksud B.12, B.13 [Jadual] -
Maksud P.11 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.12 hingga B.14 dan Kepala Pembangunan P.11 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kepong.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak mahu berucap ya.

4.03 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, B.12 mengenai sebanyak lebih RM180 juta untuk membiayai pampasan Tol Lebuhraya Damansara-Puchong dan juga bagi tahun 2003 dan pengambilalihan projek Lebuhraya Seremban-Port Dickson iaitu Skim Penyelesaian Hutang Seremban-Port Dickson Sdn. Bhd. serta pemantauan penamatan konsesi secara persetujuan.

Tuan Pengerusi, memang satu perkara yang penting kerana baru-baru ini sahaja ada keruntuhan di Batu 10, Lebuhraya LDPnya. Memang dengan wang begitu banyak untuk pampasan dan sebagainya patutlah lebuh raya ini dikendalikan dengan lebih berkesan. Saya setuju bahawa kalau malapetaka seperti Tsunami tidak boleh dielakkan tetapi di Malaysia tidak ada Tsunami. Yang ada Tsunami itu, Tsunami buatan manusia. Sebab itulah saya berharap, Tuan Pengerusi, dapat kita sama-sama menyaksikan pengendalian lebuh raya itu dengan lebih berkesan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, masalah lebuh raya kita ini dengan LDP itu. Kita hendak mengurangkan kesesakan. Tetapi sekarang kalau Yang Berhormat tiap-tiap pagi atau petang atau kadangkala tengah hari, bahagian terutama daripada Lebuhraya Persekutuan sampai ke Sprint Highway begitu sesak, tidak boleh jalan langsung. Saya pun tidak tahu apakah masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kereta tambah.

Dr. Tan Seng Giaw: ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kereta lebih sekarang, tambahan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sudah tahu. Itu memang dasar kerajaan, dia hendak semua orang beli kereta. Sekarang dua orang Malaysia ada satu buah kereta. Di Singapura, enam warga Singapura ada satu buah kereta. Sebab itulah tidak lama lagi mungkin satu orang Malaysia ada satu buah kereta. Kalau begitu, macam mana banyak lebuh raya dibina, tol diadakan pun tidak akan jadi apa-apa. Ini memang boleh kita kira, dasar kerajaan itu menggalakkan kesesakan lalu lintas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemajuan juga Yang Berhormat .

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemajuan juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi kemajuan pun mesti ada disiplin sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau perang, mana ada kereta?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau perang, kereta tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu memanglah, [*Ketawa*] tetapi mesti ada disiplin. Kita mesti ada satu dasar. Adakah ini, Yang Berhormat, kalau lain kali satu orang Malaysia ada satu buah kereta, macam mana? Ataupun satu orang Malaysia ada dua buah kereta? Apakah dasar kerajaan? Mesti ada satu dasar. Kita bincang mengenai Puchong, Lebuhraya LDPlah itu, sesak. [*Disampuk*]

Tuan Lau Yeng Peng: Oh, saya masuk hendak tanya ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar satu pihak kerajaan mesti mengkaji masalah pemilikan kereta di Malaysia ini sama ada pihak kerajaan telah mengkaji dengan sedalam-dalamnya untuk buat satu keputusan untuk mengehadkan bilangan kereta di Malaysia. Tetapi kalau ikut hendak adakan kereta Malaysia ini, Proton dan sebagainya, Perodua Kancil dan sebagainya, mungkin tidak mustahillah adakan satu dasar. Seperti sekarang tidak ada dasar, tidak ada formula, tidak ada disiplin langsung.

Tuan Pengerusi, seterusnya kita ada penyusunan semula pengangkutan di Lembah Klang. Memang satu cerita yang sedih. Kesedihan itu bermula bertahun-tahun, lebih dua dekad pihak kerajaan kata kita hendak adakan pengangkutan awam yang baik, kalau boleh mencapai tahap dunia. Tetapi malangnya, dia ada tubuhkan sebelum ini di Lembah Klang, Tuan Pengerusi, kita ada syarikat-syarikat bas yang dimiliki keluarga dan sebagainya. Tetapi pihak kerajaan kata ini memang ketinggalan zaman. Dia hendak semua itu diserahkan kepada pihak kerajaan dan pihak kerajaan pun mengambil alih hampir semua, tinggal dua kalau tidak silap saya, Selangor Bus dan juga satu lagi yang di Setapak itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Leng Seng.

Dr. Tan Seng Giaw: Leng Seng. Itu dua sahaja yang tinggal. Tetapi dua ini masih dapat untung walaupun nampak pada zahirnya bukan yang tercantik di dunialah tetapi masih dapat untung. Tetapi dua konsortium pihak kerajaan termasuk *Park May* dan sebagainya nampak cantik, pada mulanya kenderaan itu cantik dan moden,

Intrakota pun moden tapi rugi. Apa yang rugi? Kerana pihak pengurusan tidak tahu langsung apa pengangkutan awam. Dia tubuhkan konsortium besar-besaran, dengan wang belanja berbilion-bilion ringgit dan kemudian dia tidak tahu apa pengurusan pengangkutan awam. Kalau di Arau, dia tidak ada bas, itu lain kira, tetapi Lembah Kelang tu [ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia kena juga tu. Dia sibuk dengan penyeludupan ganja. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa nak kaitkan Yang Berhormat Arau?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita beritahu sajalah, Lembah Kelang itu ada berdekad-dekad, generasi demi generasi ada perkhidmatan bas dimiliki keluarga, tetapi di Arau tidak ada. Kalau di Arau tu dia kata dia nak dan dia gagal pun kita boleh maafkan dia, kerana tidak ada pengalaman. Tetapi di Lembah Kelang memang ada pengalaman, saya pun tidak tahu dan pihak kerajaan apabila gagalnya *Intrakota* dan *Park May* tidak ada laporan langsung dibentangkan di dalam Dewan ini apakah sebenarnya berlaku dengan konsortium-konsortium besar-besaran ini.

Tambahan pula warga kota dan juga orang-orang di lain-lain tempat di Lembah Kelang itu tidak berminat dengan pengangkutan awam lagi kerana perkhidmatan yang tidak sempurna dan juga pengurusan yang tak....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Termasuk Yang Berhormat jugalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun ya, termasuklah. Kita nampak macam mana nak naik, kalau di Kepong baru kita tunggu, ada bas *Rapid KL* tu sebenarnya kita mesti letak di bas itu *Slow KL*. Kalau *Rapid KL* tak *rapid*, dia memang *Slow KL* kerana kalau kita tunggu satu, dua jam, tak dapat lagi. Macam mana nak naik? Yang Berhormat cuba kita tunggu, kita nampak *Rapid*. Tetapi baiklah saya cadangkan lain kali kita namakan *Slow KL* ataupun *KL Perlahan*. Itu masalah, sebab itulah saya menyeru supaya apabila kita menyusun semula kita bentanglah satu laporan di sini, kita boleh baca apakah masalah, sebab apa dia gagal? Sebab fikiran yang besar-besaran tu nak jadikan *world class* tu tapi kegagalan pun *world class*. Ha, inilah masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh pergi ke tajuk yang lain?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada dua tajuk saja di sini. *[Ketawa]* Ada dua tajuk saja *[ketawa]*. LDP dan pengangkutan awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada, Yang Berhormat tidak baca.

Dr. Tan Seng Giaw: Sepuluh ringgit macam mana ada. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Sepuluh ringgit saja Tuan Pengerusi. Okey, saya sambung mengenai pengangkutan ya. Saya terpaksa sebutkan di sini kerana saya terima banyak aduan sehingga dia kata buat aduan kepada Ahli Parlimen pun tidak guna juga, itu pengangkutan awam tidak dibaiki. Saya berharaplah daripada hari ini, saya pun tidak mahu terima aduan lagi mengenai perkhidmatan bas di Lembah Kelang terutamanya di kawasan Kepong.

Saya berharap pihak, kalau di sini dia panggil Perbendaharaan, kerana dia keluarkan wang sebanyak RM50 ribu untuk menyusun program ini. Saya berharap pihak kementerian dapat memperbaiki keadaan dan supaya kita dapat satu pengangkutan awam yang benar-benar *world class* kerana kita tinggal 15 tahun saja. Dan 15 tahun tak lama, kita tidak boleh gunakan standard seperti di Arau untuk Lembah Kelang. Ini kawasan tidak serupa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nasib baik Arau. Kalau Jerai dia bangun, masa akan diambil.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak, tak, tak, tak, Arau memang dia tak bangun. Dia susah nak bangun. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukuplah, terima kasihlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduklah. Tadi Yang Berhormat kata nak kasi siapa sambung? Saya kasi Paritlah, Yang Berhormat bukan Speaker. Ya, Parit. *[Ketawa]*

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2004. Saya cuma nak menyentuh satu, dua perkara.

Pertamanya, seperti juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong tadi, di bawah B12 ini ada RM50 juta untuk Program Penyusunan Semula Pengangkutan

Lembah Kelang. Jadi kita nak tahu dari segi pihak kerajaan, perbelanjaan ini untuk apa dan apakah agensi yang akan melaksanakannya nanti? Kerana hari ini walaupun ada lebuhraya, *outer-ring road* dan sebagainya tetapi kesesakan masih berterusan.

Saya sudah lama tidak duduk di Kuala Lumpur, dulu pernah tinggal di Lembah Kelang, sekarang sekali-sekala duduk di sini apabila Parlimen bersidang. Tetapi saya lihat tidak ada perubahan dari segi kesesakan lalu lintas. Yang saya nampak ialah walaupun ada LRT, Komuter dan sebagainya tetapi perkhidmatan *shuttle service* bas ini tiada. Jadi misalnya daripada stesen LRT ataupun stesen Komuter ke kawasan perumahan, tidak dilengkapi dengan perkhidmatan *bus shuttle service*.

Ini menyebabkan ramai pengguna tidak mahu menaiki Komuter dan LRT ataupun sistem-sistem pengangkutan yang lain. Walaupun sebenarnya ini adalah merupakan, kerana saya pun selalu naik LRT dan Komuter ini tetapi masalah yang saya katakan tadi, masalah tidak ada penyambungan struktur bagi membolehkan pengguna-pengguna ini selesai. Kadang-kadang menunggu di tempat stesen Komuter dan LRT begitu lama, barulah *shuttle service*.

Ada pula teksi misalnya, teksi ini umpamanya di Kajang, di Bandar Baru Bangi, harganya bukan-bukan. Sepatutnya RM 5 saja kalau ikut meter tetapi sampai RM10. Jadi tentulah kepada pengguna-pengguna yang mempunyai pendapatan yang rendah, mereka tidak mampu untuk menaiki perkhidmatan teksi yang tidak mengikut harga yang sepatutnya.

Yang kedua, berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Saya hendak menimbulkan masalah di kawasan saya kerana sehingga kini di kawasan Parlimen Parit tidak ada lagi Bank *Commercial* Tuan Pengerusi. Kita sudah merdeka 48 tahun, kita sudah hendak jadi negara maju tetapi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada butiran yang boleh saya membenarkan Yang Berhormat bangkitkan perkara inilah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Tiada Kementerian Kewangan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Tiada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini butiran tiadalah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Kalau tiada setakat itu sahajalah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Simpanlah untuk masa hadapan.
[Ketawa]

Tuan Nasaruddin bin Hashim:saya hendak bangkitkan, saya simpan dalam perbincangan yang akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bentonglah.

4.22 ptg.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong penuh Kementerian Kewangan untuk meluluskan sebanyak RM50 juta ini untuk Program Penyusunan Semula Pengangkutan Lembah Klang. Kita telah lama menanti program penyusunan semula ini. Kita semua sedia maklum bahawa masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang sudah masuk dalam satu keadaan yang kritikal dan kita perlu menjalankan penyusunan semula ini dengan secepat mungkin.

Saya meminta kementerian kalau boleh menyelaraskan semua kenderaan penumpang bas, komuter, mahupun kenderaan-kenderaan lain agar menjadi satu sistem yang lebih elok. Bukan yang seperti hari ini, banyak sistem dari segi teksi, bas, LRT, komuter, kereta api, tiada satu sistem yang dapat menyambung semua kenderaan ini.

Saya bangun di sini adalah untuk mencadangkan, kalau boleh mengambil kira, pada hari ini bas daripada Pantai Timur, berhenti di Jalan Duta, mahupun di Pekeliling. Kita minta kalau boleh di stesen-stesen di mana bas itu dapat turunkan penumpang ada stesen LRT ataupun kereta api di kawasan yang berdekatan untuk membolehkan penumpang-penumpang daripada Pantai Timur turun dari bas, boleh terus naik LRT pergi ke tempat kerja. Kerana ramai penduduk sekarang, contohnya di kawasan Bentong ada ramai yang tinggal di Bentong, tetapi bekerja di Kuala Lumpur. Mereka kena bawa kereta masuk ke Kuala Lumpur dan menyebabkan kesesakan lalu lintas juga. Sekiranya ada stesen LRT, contohnya berdekatan dengan Ulu Klang, di mana bas ataupun kereta-kereta datang daripada Pantai Timur boleh turunkan penumpang di sana dan mereka terus boleh menaiki LRT ke pejabat mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, jemput.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Calon Ketua Pemuda MCA. Moga-moga berjaya. Saya hendak masuk Yang Berhormat.

Masalah pengangkutan kalau kita lihat di negara-negara yang maju. Kita ambil contoh di UK ataupun di Spain. Spain tidak silap saya adalah merupakan sebuah negara di antara yang terbaiklah dari segi pengangkutan awam, terutamanya bas. Mungkin kita lihat sudah tiba masanya kerajaan melihat supaya *dicentralizedkan*, dengan izin, semua pengangkutan ini supaya mudah untuk penumpang menggunakan kemudahan untuk mereka pergi ke mana yang mereka ingin untuk pergi.

Sebagai contoh, kita ada KL Sentral kerana KL Sentral ini kita lihat kemudahan-kemudahan hanya untuk taksi sahaja yang mengambil penumpang di situ. Sedangkan kemudahan untuk mereka menggunakan bas, sama ada bas berhenti-henti untuk bandar raya ataupun untuk bas ekspres, terutamanya tidak ada.

Adakah Yang Berhormat melihat setuju supaya kerajaan atau kementerian berkenaan mengenal pasti satu tempat, tapak di mana kita *centralizedkan* pengangkutan awam ini supaya bergerak dengan lebih licin dan teratur. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Saya amat setuju dengan cadangan Larut tadi. Memang benar bahawa kita memang memerlukan stesen-stesen untuk bas. Apa yang saya cadangkan tadi ialah daripada Pantai Timur, tidak payah masuk ke dalam bandar raya daripada kawasan selatan barangkali boleh sampai ke Putrajaya sahaja, tidak payah masuk ke bandar raya. Tetapi kita ada sistem *public transport* yang lain LRT, komuter ataupun kereta api yang lain untuk membawa semua penumpang daripada seluruh negara yang hendak masuk bandar raya boleh menggunakan sistem ini.

Maka saya rasa ini tentu akan dapat mengurangkan beban kenderaan yang masuk ke dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Saya juga ingin bangkitkan bahawa apa yang dicadangkan oleh Parit tadi, bahawa siapa yang sebenarnya menjalankan kajian ini, program penyusunan semula ini. Saya harap kalau banyak agensi sangat, banyak

kepala sangat, susah juga, banyak cadangan yang bercelaru, jadi susah kita hendak buat satu sistem yang baik .

Oleh itu, saya cadangkanlah kalau sekiranya Kementerian Pengangkutan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program penyusunan semula ini, maka kita haraplah perkara ini dapat dijalankan secepat mungkin dan kita hendak tahu tempohnya. Tempoh penyusunan semula ini sampai bila dapat kita jalankan dan bila kita akan mula satu sistem yang baru. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

4.26 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi terima kasih. Saya sebut Maksud B.12, Perkhidmatan Pendidikan Khas dalam penjelasan ialah bahawa antara lain sebanyak RM3.4 juta untuk membiayai aktiviti penerangan Konsep Islam Hadhari oleh Jabatan Perdana Menteri.

Dalam perkara ini saya rasa sangat penting, bukan sahaja kita tahu bahawa Konsep Islam Hadhari akan di sampaikan kepada Muslim tetapi pun rakyat Malaysia yang bukan Muslim. Pada bulan lalu 30 Mac, kita tahu ada satu seminar yang dianjurkan oleh IKIM untuk menjelaskan Islam Hadhari kepada kaum bukan Muslim. Soalan-soalan yang timbul dan patut diambil perhatian, antara lain:

Yang pertama, oleh seorang Suruhanjaya Commissioner SUHAKAM dan bekas pegawai kerajaan yang tertinggi Tan Sri Ramon Navaratnam yang mengeluarkan, bahawa kenapa daripada 10 prinsip yang ada dimaktub dalam Islam Hadhari nampaknya barulah satu ada bersangkutan-paut dengan hak-hak kaum bukan Islam.

Yang kedua, satu soalan yang ada timbul oleh V. Harcharan Singh, Pengerusi *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) yang menanya sama ada, kenapa bahawa Islam Hadhari nampaknya tidak memberi keadilan kepada semua agama yang ada di negara ini, oleh kerana wang rakyat yang ada dibelanjakan tidak patut dikhusus untuk menerangkan mengenai satu agama sahaja dan patutlah boleh digunakan oleh agama-agama lain.

Soalan yang ketiga, oleh *Prelate Young Buddhist*, ketua ialah K. Sri Dhamanda Nayaka yang menanya sama ada kaum-kaum bukan Islam akan dijemput untuk menerangkan agama-agama mereka kepada orang Islam di negara ini.

Keempat oleh Pure Life Society President, Mother Mangalam pun mengenai, sama ada adil tidak adil dalam presentation Islam Hadhari kepada kaum bukan Islam, dan saya rasa ini mustahak oleh kerana kalau kita mahu Islam Hadhari menjadi satu unity factor dan bukan satu divisive factor, Islam Hadhari perlu dilihat sebagai satu unsur untuk menggalakkan, dengan izin, open minds dan bukan close society.

Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Parlimen ini ada menyebut mengenai pengharaman *bible* dalam bahasa Malaysia dan dalam bahasa Indonesia juga diharamkan. Sungguhpun ini ada dibetulkan semalam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tidak benar *bible* dalam bahasa Malaysia diharamkan tetapi apa yang perlu ialah perlu satu nota bahawa untuk bukan orang Muslim dan menimbulkan sama ada Al-Quran pun akan ada *notebook* untuk orang Muslim sahaja. Saya rasa Islam Hadhari perlulah menggalakkan satu budaya yang terbuka di mana menggalakkan *Inter Religious Dialogue* dan ini mustahak oleh kerana kalau tidak jika Islam Hadhari difahamkan bahawa membenarkan dan memberi *blessing* untuk pengharaman penggunaan bahasa Malaysia dalam versi bahasa Malaysia *bible* ini saya rasa tidak akan *contribute to nation building* oleh kerana akan timbul banyak soalan:

- (i) bukankah bahasa Malaysia sudah menjadi bahasa semua rakyat Malaysia tidak kira kaum dan agama. Oleh kerana ini sudah menjadi *medium instruction* dan semua rakyat Malaysia tidak kira apa agama pun fasih dalam bahasa Malaysia, kenapa mereka tidak boleh ada *Malay bible*. Mereka yang bukan Muslim ada hak untuk ada *bible* dalam bahasa Malaysia apabila bahasa Malaysia sudah menjadi bahasa semua rakyat Malaysia.
- (ii) kalau masalah ialah *Malay bible* boleh dilihat sebagai mungkin dibaca oleh kaum Muslim adakah ini bererti satu hari *bible* dalam bahasa Inggeris pun akan diharamkan oleh kerana kita mahu menggalakkan semua rakyat Malaysia termasuk kaum Melayu pun boleh menguasai bahasa Inggeris. Adakah satu hari nanti *bible* dalam bahasa Inggeris pun perlu diharamkan?

- (iii) dalam *internet* kita tahu semua *bible* dalam bahasa Malaysia pun boleh diakses. Adakah kita mahu mengharamkan *internet*? Apa yang lebih mustahak ialah kalau kita mahu *inter religious dialogue* ini mustahak *inter religious dialogue* kita mahu semua agama pun faham dan menghargai nilai-nilai yang diajarkan oleh semua agama.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sahaja.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, nanti saya habis ini. Bahawa Kristian, *Buddhist*, dan Hindu boleh faham dan tahu bukan untuk *conversion* tetapi faham menilai dan menghargai bahasa Al-Quran tetapi pun mahu Muslim yang boleh faham *teaching* dalam *Christianity*, *Buddhism* dan *Hinduism* barulah boleh *inter religious dialogue* yang bermakna. Kenapa kita mahu takut bahawa kalau sesiapa ada *access* - baca *holy book* apa-apa agama itu adalah satu *conversion*, itu adalah '*prostylization*'.

Saya rasa kalau kita mahu dalam *21st century* masa teknologi maklumat kita perlu *open mind* dan masa sudah sampai di mana mungkin saya harap mereka yang bertanggungjawab ada kaji semula sedalam-dalamnya bahawa tarik balik semua sekatan mengenai bahasa penggunaan bahasa Malaysia dalam mengadakan *bible* dalam bahasa Malaysia. Bukan kerana kita mahu proselytize sesiapa. Tetapi saya rasa inilah *precondition* kalau kita mahu menjadi satu masyarakat moden dalam dunia *information technology*. Kalau kita mahu *close mind*... kita perlu *open mind*. Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kerana dia Ketua Pembangkang saya pun jagalah. Saya hendak mencelah sedikit soal agama tadi sebab saya sudah lama bincang - sudah 30 tahun, semasa di JAKIM dahulu pun saya pernah bincang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat hendak penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya. Jadi dalam al-Quran dengan izin, saya *quote* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] ha itu dia. Kita ini ada agama masing-

masing. Memang ada toleransi dalam beragama di Malaysia tetapi walaupun kita terjemah dalam bahasa Malaysia ini kita kena dapat mandat daripada Perdana Menteri. Kalau Perdana Menteri sudah setuju betul begitu tidak ada masalah. Cuma kalau ada cuba untuk mempengaruhi umat Islam dalam bentuk menterjemahkan apa agama dalam bahasa kita itu tidak boleh sebab kita ada dalam Perlembagaan Jadual 9, kalau tidak silap saya, dibuat khas untuk menjaga mengawal agama kita dari segi akidah dan sebagainya supaya tidak dipengaruhi. Tapi agama lain bebas.

Dalam perkara 31 itu jelas, "*Islam is the religion of the federation, but of the reason maybe practice in peace and part of federation*" dengan izin. Maknanya agama-agama lain bebas. Tidak perlu lagi hendak tubuh kepada satu-satu suruhanjaya. Ini adalah jelas. Bagi saya itu sahaja. Saya rasa Yang Berhormat Ipoh bagi Timor boleh terima soal hendak terjemah tidak terjemah jangan ada niat untuk mempengaruhi umat Islam apa-apa agama dalam Malaysia sebab kita sudah beri kebebasan dalam perlembagaan sebagai satu social contract yang tidak ada tolak banding dalam menyatupadukan umat kita. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Ini saya tidak timbul mengenai mahu melanggar atau mencabuli apa-apa yang ada diperuntukkan dalam perlembagaan tetapi *time has move on*. Peralihan masa di mana kita adalah maklumat teknologi di mana kita mahu rakyat Malaysia semua termasuk orang Melayu boleh fasih dalam bahasa Inggeris. Adakah satu hari nanti ada desakan bahawa *bible* dalam bahasa Inggeris perlu diharamkan oleh kerana orang Muslim boleh baca dan boleh dipengaruhi.

Saya rasa kita perlu tukar fikiran dan mentaliti kita. Di sini saya tidak cadangkan untuk meminda perlembagaan atau apa-apa tetapi fikiran kita mahu lebih luas supaya kita boleh menerima cabaran-cabaran, kalau kita kuat dalam fahaman agama-agama kita masing-masing-masing itu sudah cukup. Saya rasa kita perlu satu fikiran baru di mana apa-apa bahasa boleh digunakan untuk agama masing-masing kalau tidak satu hari internet pun kita mahu menentang oleh kerana melalui internet kita boleh *access bible* dalam bahasa Malaysia. Itu tidak boleh, kita mundur.

Sebab itu saya harap kerajaan boleh berani ambil tindakan tanpa mencabuli apa yang ada dalam perlembagaan supaya semua sekatan mengenai penggunaan apa-apa bahasa untuk *holy book* semua agama dibenarkan. Saya harap ini satu pendirian yang

berani untuk masa sekarang ini bererti bahawa bahasa Malaysia untuk *bible* atau apa-apa *holy book* pun patut dibenarkan dan barulah kita boleh kata kita rela berani untuk menghadapi masalah dan cabaran zaman yang baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Tuan Chow Kon Yeow: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang. Lepas itu Tanjong, Yang Berhormat jawab.

4.38 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi . Saya ingin merujuk Maksud B12 Perkhidmatan Am Perbendaharaan Butiran 02200. pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Klang yang menelan belanja RM50 juta.

Tuan Pengerusi , saya ingin membangkitkan di sini mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan sistem pengangkutan awam di lembah Klang. Pertama, sistem transit rel ringan seperti Star LRT yang laluan antara Sentul dan Sri Petaling yang mana didapati terdapat beberapa *kod passing* yang dibawa dengan laju. Ini menimbulkan kebimbangan para pengguna terhadap keselamatan mereka. Meskipun Star LRT didapati tidak ditimpa sebarang kemalangan sepanjang ingatan saya, namun kita tidak boleh mengambil mudah dan sambil lewa dalam menguruskan sistem. Jangan sesudah menemui kemalangan baru mahu mengambil langkah-langkah keselamatan seperti yang dihadapi Kuala Lumpur Monorail.

Walaupun *coach* dipandu oleh pemandu-pemandu terlatih tetapi sebagai manusia kita tidak sunyi kelalaian dan silap. Tuan Pengerusi , oleh itu berhati-hati ketika memandu supaya memperlahankan tren semasa sampai di sekolah atau selisih dengan tren lain. Aspek mekanikal dan jentera hendaklah sentiasa diperiksa. Apakah lagi sistem LRT atau Star ini sudah hampir sepuluh tahun penggunaannya.

Selain itu, petugas-petugas kaunter tiket hendaklah sentiasa mesra pelanggan, mudah memberi senyuman dan khidmat terbaik dan jujur, bukan memberi khidmat mencampak duit atau tiket kepada pelanggan, terutama golongan emas. Dalam erti kata lain, sikap dan disiplin kerja yang tinggi adalah diamalkan semasa bertugas kerana kesannya adalah lebih ramai warga kota akan menggunakan perkhidmatan ini.

Tuan Pengerusi, masalah yang sering berlaku di stesen LRT ialah ketidakcukupan tempat letak kereta untuk para pengguna. Para pelanggan bukan sahaja terpaksa membayar kos tambang LRT tetapi membayar caj *parking* DBKL, yang mana jika terlewat mengambil balik ke kenderaan mereka, akan dikenakan saman kerana tidak membayar *parking* ataupun tidak ada petak kosong dan diletakkan di tepi mana-mana jalan garisan kuning, akan juga menyebabkan pemandu di saman.

Tuan Pengerusi, saya tidak nampak ada tempat letak kereta baru disediakan oleh pihak LRT atau badan lain bagi menambah petak sedia ada sepanjang tempoh LRT berjalan.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Fong Kui Lun: Sila.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Saya kadangkala ada menaiki Komuter dari Subang Jaya ke Kuala Lumpur dan saya perhatikan apabila pelanggan hendak membeli tiket dari *auto machine*, apabila kami memasukkan wang kertas, dia tidak makan, dia terus tolak keluar. Kalau dipusing balik pun, tolak masuk, dia tolak keluar. Jadi, kebanyakan mesin-mesin yang menjual tiket ini tidak dapat dipakai dan ramai perlu pergi ke kaunter-kaunter membeli tiket secara tunai dengan dilayani oleh jurujual-jurujual tiket. Bukankah ini satu pembaziran dan membuang masa pelanggan-pelanggan apabila disediakan mesin menjual tiket, tetapi tidak boleh digunakan?

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Bagan kerana masalah ini selalu timbul di stesen-stesen di Kuala Lumpur ini, khususnya di LRT, Putraline atau Monorail. Pihak berkenaan haruslah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membanteras, mengatasi masalah ini. Inilah satu masalah yang sering berlaku. Saya haraplah pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, selain masalah bas penghantaran yang kurang, yang tidak ada di stesen, maka stesen sentiasa dipenuhi dengan teksi untuk mengambil penumpang. Maka, jadilah kawasan *parking* dipenuhi dengan teksi dan menjadikan sukar untuk kenderaan lain keluar masuk di laluan sempit yang terdapat di stesen. Selain itu, Sistem Rail Transit Ringan hendaklah disediakan sistem *back-up* tenaga, yang mana jika

berlaku gangguan bekalan elektrik, maka sekurang-kurangnya *train* yang membawa penumpang dapat sampai ke stesen berhampiran dengan selamat dan para penumpang tidak lemas.

Dalam beberapa kejadian terputus bekalan elektrik sebelum ini, Sistem Rail Transit Ringan turut terganggu. Perkara yang saya ingin membangkitkan di sini ialah Kuala Lumpur Monorail. Saya puji sistem ini baik dan cekap, cuma dalam keadaan waktu puncak yang mana ramai pengguna *train* sentiasa dipenuhi dan sesak dengan penumpang. Kedua, kejadian kemalangan yang tidak disengajakan berlaku sebelum ini hendaklah tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, apa yang saya risaukan, penduduk-penduduk kawasan Brickfield berdekatan depot, di situ ialah gangguan bunyi bising baik waktu siang mahupun malam. Para penduduk Pangsapuri '*Jet Mention*' dan '*Red Mention*', Jalan Berhala, Brickfield, telah menyatakan bantahan mereka terhadap gangguan bunyi bising kepada pihak pengurusan tetapi, tidak menerima apa-apa reaksi daripada mereka. Setiap 15 minit, *train* akan memasuki depot dan menimbulkan kebisingan yang kuat sehingga para pelajar sukar belajar dan gangguan bising kepada penduduk-penduduk, terutama jam 11.00 malam hingga 2.00 pagi. Para penduduk memohon supaya dibina depot menyerap bunyi bagi mengurangkan kesan bunyi bising. Para penduduk di situ kini berada dalam tekanan mental dan emosi yang tinggi bila setiap kali kebisingan berlaku.

Tuan Pengerusi, lagi sistem transit ialah ERL yang berlepas dari Kuala Lumpur Sentral ke KLIA Sepang, juga didapati menimbulkan gangguan bunyi bising yang sangat kuat di Taman Seputeh. Selain melalui kawasan tersebut dengan kelajuan yang tinggi, deruan angin mengganggu rumah-rumah di situ sehingga para penghuni terpaksa menutup tingkap. Walaupun para penduduk sudah membangkitkan kepada pihak atasan ERL, namun tiada sebarang tindakan konkrit diambil untuk mengurangkan gangguan tersebut. Setiap masa, para penduduk diganggu dengan kebisingan yang dahsyat. Inilah satu kesan buruk pembangunan kemodenan yang menyebabkan orang lain menderita kerananya. Apakah usaha kementerian untuk membantu, menangani masalah-masalah yang saya bangkitkan di sini?

Satu lagi hal yang saya ingin sebut di sini ialah mengenai kebanjiran teksi di Kuala Lumpur sehingga menimbulkan kesukaran para pemandu untuk mencari rezeki. Apa yang saya diberitahu bahawa pemandu teksi tidak selumayan dahulu. Mereka terpaksa bekerja keras untuk mencari penumpang. Oleh itu tidak hairanlah jika terdapat pemandu yang bersikap kasar dan bengis di atas jalan raya sehingga membahayakan kenderaan lain. Walaupun penduduk Kuala Lumpur tidak ada pilihan di atas kenaikan tambang pada 1 Mei depan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, hendak bangkit teksi juga?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Boleh, boleh. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Saya pun bingunglah, keliru. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang kata teksi sudah terlampau banyak, pendapatan jadi kurang. Tetapi, ada orang ramai kata teksi kurang, orang ramai. Jadi, mana satu betul? Mana satu betul, teksi banyak pendapatan kurang atau orang ramai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tentu Yang Berhormat bagi Bukit Bintang akan kata dia betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam mana itu, Tuan Pengerusi?
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tentu akan kata dia betul.

Seorang Ahli: Dia selalu Bukit Bintang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak. Bukit Bintang mungkin dia kata dia betul tetapi orang ramai kata teksi tidak ada. Tunggu lama, tidak ada teksi.

Seorang Ahli: Ada.

Tuan Fong Kui Lun: Beri saya jawab, Datuk.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan: Mana teksi? Lain tempat ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haa, itu tidak tahulah, betulkah tidak? Ini sahabat saya Bukit Bintang boleh jawablah sikit. Dia orang bandar rayalah, Tuan

Pengerusi. Saya kampung punya orang. Jadi, sekali-kala datang Kuala Lumpur.....
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Walaupun Yang Berhormat kata kampung, kadang-kadang pun macam orang bandar juga. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul, Tuan Pengerusi? Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih atas pujian itulah, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pun orang bandar raya jugalah, Tuan Pengerusi. Johor Bahru, bandar rayalah. Okey! Bukit Bintang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang, ya.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang di Kuala Lumpur, khususnya Bukit Bintang, teksi banyak sehingga pemandu teksi mahu cari penumpang pun kurang dapat penumpang sebab teksi banyak, khususnya di kompleks-kompleks membeli-belah, memang ada teksi bersusun sehingga setengah batu pun ada. Inilah yang saya sudah membangkitkan.....

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Tuan Fong Kui Lun: Okey.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Bukit Bintang. Pada pendapat saya, teksi banyak tetapi teksi tidak hendak bergerak. Kalau kita pergi Mid Valley, kita pergi Lot10, kita pergi komuter di Subang, kita pergi Pudu Raya, banyak teksi tetapi teksi tidak mahu jalan. Dia mahu *bargain*, dengan izin, dia tidak mahu guna meter. Apakah Yang Bersetuju dengan saya bahawa pihak Kementerian Pengangkutan mesti ambil tindakan ke atas perkara ini dan adakah pastikan imej bandar raya kita tidak terjejas kerana saya boleh nampak banyak teksi-teksi tidak bergerak dan juga hotel-hotel besar. Hendak tarik penumpang dan pelancong-pelancong jadi saya nampak teksi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan teksi yang tidak bergerak, tariklah?

Cik Fong Po Kuan: Saya pernah Tuan Pengerusi, saya pernah menulis kepada pihak kementerian bagi nombor teksi-teksi di mana ia enggan bergerak, dia berhenti di

Mid Valley iaitu di luar jalan di mana perhentian bas, dia berhenti di sana. Ia tidak mahu masuk ke sebelah jalan, di mana ada banyak penumpang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat surat itu dihantar kepada mana satu kementerian?

Cik Fong Po Kuan: Kementerian teksi, dia ada jawab saya, dia kata lembaga pelesenan...

Beberapa ahli: *[Menyampuk]* Kementerian Usahawan, Usahawan kah?

Cik Fong Po Kuan: Ia ada jawab dan ia berkata terima kasih kerana beri maklumat dan mereka akan siasat, itu sahaja dia jawapan. Tetapi saya masih melihat kejadian ini berlaku...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Bukit Bintang boleh jawablah....

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon Yang Berhormat Bukit Bintang setujuakah pada pandangan saya tentang ini, *thank you*.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Memang saya bersetuju dengan rakan saya bahawa teksi ada pun kadang-kadang tidak mengambil perhatian khususnya di tempat-tempat atau kawasan yang sering sesak....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Teksi lagi Yang Berhormat Bukit Bintang, teksi lagi.

Tuan Fong Kui Lun: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Teksi ini mesti pakai meter, tidak pakai meter salah. Batu Gajah berkata tadi, tetapi yang di sana Pan Pacific Tuan Pengerusi, Arab banyak Tuan Pengerusi. Kalau naik teksi pakai meter daripada Pan Pacific sampai Sogo lebih kurang dalam tinggi-tinggi RM4 Tuan Pengerusi, RM3 lebih. Ini orang Arab tidak mahu. Siapa salah Tuan Pengerusi? Arab kata dia tidak mahu pakai meter, dia fikir pakai meter ini teksi sudah *round* mana-mana dia tidak tahu Kuala Lumpur, jadi harga itu sudah menjadi mahal. Jadi itu teksi tadi bertanya, berapa mahu bayar? Dia kata RM10, jadi teksi berkata, okey. Jadi bayar RM10 dia mahu, naik teksi RM3 dia tidak mahu, jadi siapa salah? *[Ketawa]* Arab yang bersalahkah atau teksi salahkah,

kementerian yang bersalah, siapa yang disalahkan? Atau Bukit Bintang yang bersalah kah?

Cik Fong Po Kuantiti: Kementerian salah.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading, pandangan saya, saya rasa kementerian akan mengambil perhatian tentang aduan-aduan yang dikemukakan sebab saya bukan dalam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Menteri ya Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Menteri yang menjawab ya. Maka perkhidmatan pemandu teksi hendaklah ditingkatkan dan sentiasa bersedia membawa penumpang ke mana sahaja yang dikehendaki dan bukan menolak. Manakala perkhidmatan bas RAPID yang menggantikan bas Intrakota dan Cityliner hendaklah dipertingkatkan dari segi mutu bas perkhidmatan termasuk kekerapan dan kedatangan bas di satu laluan supaya para penumpang tidak menunggu terlalu lama. Dalam meningkatkan perkhidmatan pengangkutan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi kah?

Tuan Fong Kui Lun: Sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sedikit sahaja ya.

Tuan Fong Kui Lun: Di Lembah Klang tetapi kita mengabaikan perkhidmatan bas sedia ada, bas yang uzur hendaklah jangan dibenarkan memasuki bandar raya seperti menimbulkan asap hitam yang tebal dan mengotorkan udara Kuala Lumpur, sekian terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hey, saya hendak minta jalan *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong, Tanjong, selepas Tanjong, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi, Seputeh yang minta.

4.55 ptg

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada maksud B12 perkara yang ketiga di mana sebanyak RM3.4 juta diperlukan untuk membiayai aktiviti penerangan konsep Islam Hadhari oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini di Australia, Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia telah menerima konsep Islam Hadhari kerana ia dibantu oleh 10 prinsip asas. Saya rasa kenyataan ini boleh dipertikaikan sebab saya rasa setakat ini masih ramai rakyat Malaysia mahupun mereka yang beragama Islam ataupun bukan beragama Islam masih tidak begitu jelas dengan konsep Islam Hadhari ini.

Perdana Menteri juga berkata bahawa dengan konsep Islam Hadhari untuk menjadi panduan serta dengan rekod konsisten untuk menambah baik urus tadbir dan kebertanggungjawaban yang tinggi Malaysia dapat menjadi satu model pembaharuan, *reform* dan *renaissances* dalam dunia Islam. Perdana Menteri juga yakin bahawa Islam Hadhari di Malaysia akan memberi satu jalan di mana kerajaan harap dapat mentadbir untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat yang terdiri dari berbagai kaum dan berbagai agama.

Tuan Pengerusi, Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa Islam Hadhari konsisten dengan demokrasi kerana ia adalah mengenai kehidupan secara aman dan hormat-menghormati antara satu sama lain dalam negara kita. Ia juga semestinya panggilan kepada umat Islam, Perdana Menteri berkata untuk melayan dengan baik dan adil rakyat bukan Islam dalam segala urusan.

Tuan Pengerusi, rakyat bukan Islam sememangnya memegang kuat kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan *social contrac* dan juga undang-undang berkenaan dengan penubuhan negara kita. Demi memastikan hak-hak dan kebebasan keagamaan mereka tidak dicerobohi ataupun dihakis walaupun diberi pelbagai jaminan di bawah konsep Islam Hadhari.

Saya ingin tahu apakah aktiviti penerangan konsep Islam Hadhari yang dijalankan di dalam pentadbiran kerajaan untuk mencapai tujuan seluruh jentera kerajaan menghayati nilai-nilai yang ingin disemaikan dan juga memahami bahawa dalam melaksanakan apa-apa dasar, hak dan kebebasan agama yang dijamin di bawah perlembagaan persekutuan dan undang-undang di negara ini haruslah ditegakkan.

Tuan Pengerusi, ini amat penting sebab rakyat bukan Islam tidak akan merasa terancam dan terpinggir oleh pelaksanaan konsep Islam Hadhari dan segala jaminan seperti yang dibuat oleh Perdana Menteri adalah benar dan bermakna. Sehubungan

dengan ini saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri kerana tidak ragu-ragu untuk memastikan hak rakyat bukan Islam terjamin di bawah peruntukan perlembagaan apabila Perdana Menteri menyatakan semalam bahawa tidak ada apa-apa pengharaman kitab Bible dalam Bahasa Malaysia. Kenyataan beliau dengan izin Tuan Pengerusi, "*Your bible is your bible, I'm not going to ban your bible even though the bible is written in Malay*", kata beliau.

Kenyataan ini amatlah bermakna dan selari dengan semangat peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan saya puji kerelaan beliau untuk memberi makna kepada jaminan beliau.

Tuan Pengerusi, kita ingat bahawa pihak kerajaan pernah mengenakan satu perintah pengharaman yang paling kontroversi atas *bible* yang diterbitkan dalam bahasa Iban pada tahun 2003. Perintah ini dibatalkan selepas bantahan dan rayuan daripada *Malaysia Council of Churches*. Kejadian seperti ini Tuan Pengerusi, menandakan bahawa jentera pentadbiran kita masih belum menghayati peruntukan Perlembagaan kita yang menjaga hak dan kebebasan rakyat agama bukan Islam. Aktiviti penerangan Konsep Islam Hadhari juga harus menjadikan jentera pentadbiran dan pelaksanaan sebagai sasaran mereka untuk diberi penerangan mengenai bagaimana Islam Hadhari membolehkan kerajaan mentadbir, untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan pelbagai agama. Perdana Menteri juga harus mengarahkan perintah pengharaman ke atas 13 penerbitan Kristian dalam bahasa Malaysia kerana isu ini.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingin penjelasan Yang Berhormat Tanjong, Tuan Pengerusi. Bila Perdana Menteri membenarkan Bible dalam bahasa Melayu ini diterbit di negara ini atau dibaca oleh orang Melayu dan sebagainya? Jadi, saya keliru ini dan ini akan menjadi isu besar. Jadi Yang Berhormat Tanjong di mana Perdana Menteri bercakap, macam mana dia bercakap, kerana apa dia bercakap, di mana dia bercakap? Pasal agama ini kita tidak boleh hendak main-main.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Islam menghormati agama lain, tetapi dalam Perlembagaan negara kita kata, bahawa agama lain tidak boleh mempengaruhi orang Islam, itu larangan. Sebab itu kita sama-sama menghormati agama masing-masinglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah tunggu jawapan dia.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya rasa Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah begitu asyik dengan tajuk naik gaji sehingga dia tidak baca surat khabar, tidak tonton Berita Perdana di TV semalam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Janganlah isu naik gaji diulang-ulangkan.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, siapa yang ulang-ulangkan? Kita ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, belum memberikan kebenaran.....

Tuan Chow Kon Yeow: Jawab dahululah. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat cakap tadi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Depa kata....

Tuan Chow Kon Yeow: Itu bahasa sulit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kena minta kebenaran daripada Tuan Pengerusi sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Depa kata nanti sat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan marah orang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, tidak marah orang.

Tuan Chow Kon Yeow: Bukanlah, kita sopan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau marah....

Tuan Chow Kon Yeow: Saya puji Perdana Menteri sebab beliau rela mempertahankan hak kebebasan agama rakyat Malaysia yang bukan agama Islam. Di surat khabar hari ini, di TV Berita Perdana, beliau dipetik. Saya rasa tidak silap mendengar dan membaca, dan tadi Ketua Pembangkang juga memetik perkara yang sama semasa beliau berucap mengenai perkara ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Yang Berhormat Tanjong, sebenarnya tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi, kita tahu kitab Bible walaupun dalam bahasa Malaysia, bukan untuk dibaca oleh orang Muslim kalau mereka tidak ingin bacalah. Masalah sekarang adalah ramai penganut Kristian mereka tidak tahu bahasa Inggeris, tidak tahu bahasa Cina tidak tahu bahasa lain. Kalau kitab tidak dicetak dalam.....mereka tidak ada kitab dalam bahasa Malaysia, macam mana mereka boleh faham tentang ajaran agama mereka. Tadi Yang Berhormat bagi Tanjong sebenarnya memuji yang ada *understanding* dan keterbukaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan. Saya rasa Yang Berhormat Sri Gading sepatutnya sokong kenyataan kepujian yang dibuat itu. Ini bukan ada apa niat lain. Saya rasa Yang Berhormat Sri Gading juga selalu berfikiran terbuka. Sebenarnya kalau buku agama itu dibaca oleh penganut Kristian itu, tidak harus dihalang oleh sesiapa walaupun ia dalam bahasa Malaysia, ramai penganut Kristian di Sabah, Sarawak mereka hanya faham bahasa Malaysia sahaja. Ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat bagi Tanjong tahu jawablah.

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak perlu jawab sebab isu ini memang sangat jelas dan jernih, khususnya setelah diberi jaminan sekali lagi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa jaminan oleh seorang tidak mencukupi sebab jaminan seseorang boleh dilupakan, sengaja tidak mahu diambil tahu oleh jentera pentadbiran - kadangkala. Tetapi saya lebih berharaplah peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan kita dan social contract kita dihayati dengan sepenuhnya. Itulah jaminan yang kita kena kejar dan mempertahankan. Sebab jaminan seorang Menteri walaupun dengan apa niat yang baik pun kadangkala sebab kepentingan politik dia boleh ubah fikiran dan boleh ubah pandangan dan itu yang kita tidak mahu. Saya sambung Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan ambil masa yang panjang.

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak panjang. Perdana Menteri, saya berharap juga dapat mengarahkan perintah haram ke atas tiga penerbitan Kristian ke dalam bahasa

Malaysia dimansuhkan sebab isu ini bukan semata-mata kerana bahasa penerbitan itu, tetapi mengenai hak penganut untuk mengkaji agama mereka secara bebas. Kerajaan diharapkan dapat mengamalkan prinsip natural justice dan berbicara dengan pertubuhan-pertubuhan agama sebelum apa-apa tindakan diambil yang boleh menyekat kebebasan agama. Baru-baru ini, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya tidak berapa gembira dengan penghujung ucapan tadi. Iaitu dalam Perlembagaan kita, kita tidak pernah menyekat agama-agama lain untuk mengamalkan fahaman keagamaan mereka. Termaktub dalam Perlembagaan bahawa agama Islam, agama rasmi. Jadi Yang Berhormat kata tadi seolah-olah kita menyekat, kerajaan menyekat agama-agama lain untuk mengamalkan penganut-penganut agama lain. Jadi ini kena betul Yang Berhormat supaya jangan Yang Berhormat kelirukan. Perlembagaan mengatakan agama Islam agama rasmi, agama lain boleh mengamalkan fahaman mereka. Itu kena clear betul-betul supaya jangan timbul kontroversi di kalangan masyarakat ataupun isu sensitif, kerana agama ini adalah satu isu yang cukup sensitif dan kita kena hormat-menghormati tentang agama ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai kerana sependangan dengan saya, bahawa kita sepatutnya memegang kuat kepada peruntukan Perlembagaan kita yang memperuntukkan bahawa agama Islam sebagai agama rasmi, tetapi lain-lain agama boleh dianuti dan diamalkan dengan secara bebasnya oleh rakyat di negara ini. Masalah timbul apabila dalam menggubal dasar.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Tuan Chow Kon Yeow: Biar saya jelaskan kepada.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Takut lupa point. Sedikit sahaja. Pendek. Dia sebenarnya bukan bebas, hujung itu *peace and harmony in the part of Federation*. Kena aman damai di mana-mana penjuru persekutuan, bukan bebas. Sebab kita ada dalamTuan Pengerusi, kita berada dalam Jawatankuasa. Ahli Yang Berhormat sebenarnya dalam senarai Jadual Kesembilan. Dalam Perlembagaan dia beri negeri-

negeri berkuasa sebab head of the state, head of the religious ialah Sultan. Dia berhak membuat satu undang-undang mengawal supaya tidak dikacau soal akidah agama Islam ini. Jadi, sebab itulah saya kata tadi bukan bebas sahaja, tetapi bebas yang aman dan harmoni, any part of Federation. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, serentak dengan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya rasa apa yang saya tegaskan adalah jelas bahawa kita amat menghayati peruntukan dalam Perlembagaan kita, tetapi masalahnya timbul apabila jentera pentadbiran kerajaan di peringkat Persekutuan mahupun sampai ke peringkat PBT kadangkala dalam penggubalan dasar dan pelaksanaannya wujudlah masalah interpretasi mereka sendiri, seperti pengharaman Bible ini tidak sepatutnya berlaku. Baru-baru ini IKIM telah menganjurkan Seminar Islam Hadhari untuk menerangkan konsep ini kepada rakyat bukan beragama Islam, dan saya rasa saya pun ada dijemput untuk hadir, tetapi malangnya seminar ini dianjurkan semasa sidang Parlimen yang memerlukan kita berada di sini mengambil bahagian.

Dari laporan akhbar, beberapa persoalan telah pun dibangkitkan untuk perhatian Perdana Menteri yang juga dipetik oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, dan saya tidak ingin mengulangi *point* yang beliau sentuh, cuma sekadar menyatakan mengenai hak kumpulan minoriti. Apakah mekanisme yang wujud untuk memastikan hak kumpulan minoriti ini dapat terjamin dan ada dakwaan, bahawa sungguhpun ada perhatian langsung daripada Perdana Menteri, masih ada kitab Bible yang tidak dapat dibenarkan dibawa masuk ke dalam negara ini. Saya rasa isu-isu yang dibangkitkan ini adalah berasas, dan saya berharap pihak kerajaan dapat memastikan dalam pelaksanaan konsep Islam Hadhari ini dapat menjamin hak dan kebebasan agama semua rakyat Malaysia dapat dipelihara dan ditingkatkan untuk kesejahteraan dan kemakmuran negara ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.
5.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Kementerian Kewangan. Kebanyakan perbahasan bertumpu kepada

pengangkutan awam iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Parit, Bentong, Larut mencelah sedikit, kemudian Bukit Bintang, dua lagi Ahli Yang Berhormat telah membincangkan tentang Islam Hadhari.

Tuan Pengerusi, kita akui bahawa pengangkutan di Kuala Lumpur ini memang agak bercelaru oleh kerana pelbagai sistem yang ada, yang tidak diselaraskan. Ini saya kira adalah satu keadaan yang sudah lama, yang sedang dicuba untuk diselesaikan. Kalau kita bandingkan dengan Singapura contohnya Tuan Pengerusi, Singapura merancang lebih awal lagi, ia merancang laluan LRT lebih awal, sebelum pembangunan berlaku tetapi kita di sini, kita mungkin terlupa hendak merancang, maka pembangunan telah pun berjalan di merata tempat dan kawasan, dan kita cuba hendak menyambung semua kawasan ini dengan kemudahan pengangkutan, maka ia menjadi satu perkara yang rumit.

Apabila STAR, PUTRA dan Monorel dirancang, pada masa itu tidak diselaraskan, maka terdapat keadaan di mana ketiga-tiga sistem ini tidak disambung sehingga saya pergi baru-baru ini, saya lalu di kawasan Brickfields itu, saya lihat segmen hujung monorel itu tidak disambung ke Stesen Sentral. Saya lihat ramai penumpang yang berjalan kaki dari Sentral untuk masuk ke stesen monorel, inilah keadaan-keadaan yang berlaku. Oleh sebab itu, kita lihat juga keadaan kita di sini, di mana masing-masing mungkin keadaan mewah dan termampu, maka masing-masing hendak beli kereta, sudah menjadi satu status simbol. Lagi besar kereta dia, maka lagi nampak hebat.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang dan Larut bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya belum lagi habis, nanti sekejap ya.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tentang monorel yang tidak sambung kepada Stesen Sentral, saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilakah monorel ini akan disambungkan kepada Stesen Sentral untuk memastikan bahawa penumpang-penumpang tidak perlu berjalan kaki sehingga 500 meter dan mereka juga akan

menghadapi risiko kemalangan akan berlaku di Jalan Tun Sambathan, sebab penumpang-penumpang mengambil beg besar melalui Jalan Tun Sambathan. Saya ingin tanya, bilakah sambungan ini akan dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Saya dapat tahu daripada pegawai bahawa memang sedang dirancang tetapi tarikh ataupun masa sebenarnya, saya tidak dapat beritahu, memang dirancang untuk disambung ke Stesen Sentral supaya ia menjadi lebih kemas lagi.

Tuan Pengerusi, tadi saya sebutkan bahawa memang berlaku keadaan di mana sistem-sistem yang ada tidak bersambung. Selain daripada itu pula, tidak terdapat sistem bas untuk menyambung dari stesen LRT, STAR dan Monorel ini, *feeder service* dengan izin ke destinasi yang berdekatan. Maka itu, pihak kerajaan telah pun membuat keputusan dan pada hujung tahun lepas telah pun mengadakan satu sistem yang disebut Rapid KL, yang membelanjakan peruntukan sebanyak RM50 juta yang kita hendak luluskan, ia telah pun dibelanjakan dan kita hendak luluskan hari ini, iaitu dengan mengambil alih kesemua bas di seluruh Lembah Klang, saya ingat 70% daripada perkhidmatan bas di Lembah Klang, Kuala Lumpur telah pun diambil alih oleh Rapid KL ini dan juga pengurusan STAR, PUTRA dan Monorel juga diambil alih. Maka dengan ini, kita berharap dapat menyempurnakan pengangkutan.

Pada peringkat sekarang ini, sepatutnya kita ada seribu buah bas untuk memberi perkhidmatan kepada semua stesen dan semua destinasi di kawasan Lembah Klang dan Kuala Lumpur, tetapi setakat ini bas-bas yang telah diambil alih itu adalah dalam keadaan yang cukup teruk. Maka terpaksa membeli bas baru dan juga mengubahsuai bas-bas yang lama. Ini memakan masa dan saya difahamkan bahawa pada hujung tahun ini, semua bas yang berjumlah seribu buah bas ini akan dapat memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Maka pada masa itu saya yakin, masalah kelewatan, masalah kekurangan *feeder service* ini dapat diatasi Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat telah mengatakan bahawa 70% pengangkutan di

Lembah Klang ini akan diambil alih oleh Rapid KL. Tetapi masalahnya Yang Berhormat ialah saya lihat, mungkin ramai yang bersetuju, bagaimana kita hendak *centralize*kan semua pengangkutan ini dengan *feeder bus* dan segala-galanya. Macam kita di KL Sentral, semua orang tahu itulah KL Sentral yang memberi perkhidmatan teksi dan pengangkutan-pengangkutan yang lain, tetapi bas yang lain tidak boleh masuk di situ sama ada bas yang dipanggil bas berhenti-henti ataupun bas ekspres, kerana pada hari ini Puduraya bukan lagi standard terminal bas yang dilihat sebagai satu identiti Bandaraya Kuala Lumpur. Memang kalau kita hendak bandingkan dengan negara lain, kita sudah kalah cuma masalah sekarang ini, bila kita hendak wujudkan satu pusat pengangkutan yang terbaik supaya penumpang tahu kalau dia hendak pergi ke mana-mana, di situlah. Jadi, tidak payah pergi ke terminal-terminal lain kerana apabila wujudnya tiga atau empat terminal belanjanya begitu besar. Satu terminal mungkin hampir RM300 juta, kalau tiga terminal sudah hampir RM1 bilion dan ini merugikan dan juga kos yang membabitkan wang kerajaan.

Jadi apakah sudah tiba masanya satu tempat diwujudkan, tidak kira di mana supaya dapat sistem pengangkutan yang terbaik, yang boleh dilaksanakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Tadi ada yang berpendapat bahawa sistem pengangkutan kita terletak di bawah dua, tiga kementerian yang bertindih. Apakah sudah tiba masanya dilihat, apakah sistem pengangkutan ini hendak diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan sahaja supaya *enforcement* dan segala apa juga yang bersangkutan dengan pengangkutan, baik permitnya diserahkan kepada satu kementerian atau di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai penyelaras dengan kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Larut ini pernah menjadi Pengerusi LPKP dan beliau banyak tahu tentang pengangkutan ini. Ya, memang sebenarnya di peringkat Kementerian Kewangan sedang dirancang untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang menjadi kawal selia merangkumi berbagai-bagai jabatan dan agensi yang kena-mengena dengan pengangkutan awam. Ia sedang dirancang dan saya yakin dapat dilaksanakan menjelang hujung tahun ini, di mana ia belum ditentukan di mana letaknya. Sama ada di Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Kewangan. Belum ditentukan tetapi sudah ada cadangan yang

merangkumi semua badan yang kena-mengena dengan pengangkutan termasuklah Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Perumahan dan sebagainya yang dirangkum semua di bawah satu kawal selia. Kalau ini berjaya di Lembah Klang, maka perkara ini boleh juga dilanjutkan kepada bandar-bandar lain di seluruh negara. Ini sedang dirancangan. Maka dalam Jawatankuasa Kawal Selia ini bolehlah dirancang pusat yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, tentang pusat pengangkutan awam yang komprehensif untuk Lembah Klang.

Tuan Pengerusi, teksi di Kuala Lumpur memang banyaklah, memang jumlahnya banyak saya tidak tahu berapa banyak, tetapi memang banyak. Ada yang dipunyai oleh syarikat dan ada yang dipunyai oleh individu, maka yang individu ini kalau dia letih dan sebagainya dia akan berehat atau bercuti. Kadang-kadang kita dengar jumlahnya banyak, tetapi teksi di atas jalan tidak banyak. Itu memang berlaku di mana-mana termasuk di negeri saya di Pulau Pinang pun, begitu juga berlaku sama ada individu atau sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya mencelah sedikit. Apakah pihak Yang Berhormat ingin melihat satu sistem yang terbaik boleh kita ambil seperti di London, cuma satu sahaja *London Taxi*. Dia tidak akan timbul lagi masalah. Masalah tentang penumpang, mungkinlah saya tidak boleh huraikan banyak kerana sistem ini mungkin dapat kita menyelesaikan masalah-masalah yang timbul ke atas penumpang-penumpang ataupun sistem yang ada di Hong Kong. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut Singapore, tetapi saya cadangkan di London atau di Hong Kong. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, perkhidmatan teksi di London memang kita kagumlah semua sama teksi yang hitam itu. Memang diusahakan dengan begitu baik sekali dan kalau kita boleh uruskan teksi begitu, maka saya yakin perkhidmatan kita akan menjadi lebih canggih lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Sedikit, saya hendak bagi pandangan yang agak bernaslah - kalau boleh. 1,000 buah bas Rapid ini akan ada di Bandaraya Kuala Lumpur. Boleh tak saya mencadangkan kita potong setengah. Jadikan bas dua tingkat. Jadi maknanya 500 buah bas sahaja yang ada di dalam Kuala

Lumpur, maka tidaklah sesak sangat. Teksi dah beribu, bas pula dah beribu, manakala kereta pun beribu jadi beribu-ribu berada di bandar raya ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tiga tingkat kurang lagi.

[Dewan ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tiga tingkat tinggi sangat. Tiga tingkat kena pakai lift. Kena pakai lift jadi pening. Kita gunakan, sebelum bas baru keluar ini saya mencadangkan gunakan bas dua tingkat. Sekarang ini saya tengok *express bus* pun dah guna dua tingkat dengan lebuh raya yang elok, jadi apa salahnya kita gunakan bas dua tingkat, di mana orang-orang tua duduk di bawah dan orang-orang muda duduk di atas tidak jadi masalah. Kita save 500 buah bas, jadi tidak kacaulah Bandaraya Kuala Lumpur ini. Ini pandangan saya daripada kampunglah. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itu cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Dua tingkat boleh, tetapi kalau tiga tingkat mungkin tersangkut dengan jejantas. Tetapi kalau hendak beli bas dua tingkat kena belanja lagi kena bawa masuk ke.... Sekarang pun dah RM50 juta kerajaan belanja untuk hendak beli dan ambil alih bas-bas yang buruk tadi. Kalau hendak beli bas baru tambah lagi kewangan, tetapi ini satu cadangan boleh dilihat semula sebenarnya. Setakat ini yang ada setengah sahaja dan saya yakin bila dah dapat penuh jumlah RM100,000 itu akan selesai masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, perkara yang hangat juga yang dibangkitkan tadi ialah berkenaan dengan Islam Hadhari. Ada peruntukan untuk Islam Hadhari. Sebenarnya Tuan Pengerusi, Islam Hadhari ini ditargetkan, dengan izin kepada masyarakat Islam.

Oleh kerana masyarakat Islam masih lagi ada yang kurang faham tentang pengertian Islam sebenarnya. Ada yang masih lagi kalau ... mungkin Yang Berhormat yang bukan Islam tidak faham apa yang saya cakap. Ada juga masyarakat Islam yang beragama Islam yang dilahirkan sebagai Islam tetapi dia masih lagi kurang faham tentang agamanya sendiri. Masih lagi ada di antara orang Islam yang menganggap bahawa Islam itu hanya ritual, sembahyang, puasa, zakat, naik haji dan sebagainya. Dia lupa tentang fardu kifayah. Dia ada fardu 'ain dan fardu kifayah Tuan Pengerusi. Fardu 'ain tentang ritualah sembahyang, puasa, zakat, naik haji sementara fardu

kifayah, kalau dulu semasa belajar semasa kecil dulu, ustaz saya kata fardu kifayah sembahyang mayat sahaja. Yang Berhormat bagi Jerai pun begitu juga. Belajar tentang fardu kifayah sembahyang mayat sahaja. Rupanya fardu kifayah dalam pengertian yang lebih luas adalah merangkumi semua.

Apa yang kerajaan buat hari ini adalah fardu kifayah. Kita membangunkan negara fardu kifayah. Kita membina jambatan, bina jalan, bila lapangan terbang semua itu fardu kifayah. Kita membangunkan masyarakat Islam dan pendidikan Islam itu juga adalah fardu kifayah. Ahli Parlimen cari duit peruntukan buat jalan kampung, kemudian buat perasmian, ustaz baca doa di majlis perasmian, orang kampung ingat yang baca doa itu sahaja yang Islam. Sebenarnya yang dapat pahala banyak ialah Ahli Parlimen itu tadi. Ahli Parlimen Jerai pergi cari duit buat jalan kampung dia dapat pahala lebih, manakala ustaz yang baca doa itu dapat pahala sedikit sahaja, kerana dia mencari duit untuk hendak buat jalan. Itulah fardu kifayah dalam pengertian Islam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ahli Parlimen yang memaki kerajaan dan maki kita tu dia masuk dalam fardu mana pula? Hak yang semua tidak betul yang kita buat ni, macam mana?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itu kena Tuan Pengerusi. Jadi inilah pengertian yang kita hendak bawa kepada umat Islam oleh kerana kekeliruan ini. Kalau semuanya berfahaman yang sama, saya yakin tidak ada pertelagahan lagi di antara umat Islam seperti yang ada sekarang ini. Sekarang ini oleh kerana ada yang berfahaman sempit dan ada yang berfahaman luas maka ia bertembung. Sebab itu kita hendak perjelaskan pada orang ramai tentang perkara ini.

Kemudian Islam Hadhari pula hendak menegaskan dan menekankan tentang ciri-ciri kecemerlangan dalam agama Islam. Saya yakin agama lain pun serupa juga. Kecemerlangan tentang cara-cara bekerja

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagikah? Boleh selesaikan dalam beberapa minit lagi?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Boleh, boleh Tuan Pengerusi. Jadi hendak menekankan tentang ciri-ciri kecemerlangan supaya bila bekerja, dia bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin, tidak tipu dan sebagainya. Yang kita dapati sekarang ini banyak gejala negatif di kalangan masyarakat Islam. Sebab itu kerajaan

menekankan Islam Hadhari hendak memberi penjelasan dan penekanan tentang sifat ciri-ciri kecemerlangan dalam agama itu sendiri. Sekarang ini ramai yang tidak mengikut. Yang diikutnya ialah perkara-perkara yang negatif dan tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar.

Ciri-ciri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bawa dalam 10 perkara ini, iaitu:

- Prinsip Islam Hadhari bertakwa kepada Tuhan - yang ini semua agama.
- Kerajaan adil dan amanah - ini yang kita cuba buatlah dan saya kira kerajaan sekarang adil.
- Kehidupan berkualiti.
- Rakyat berjiwa merdeka.
- Penguasaan ilmu pengetahuan.
- Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif.
- Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.
- Keutuhan budaya dan moral.
- Pemeliharaan alam semula jadi.
- Kekuatan pertahanan dan perpaduan.

Saya ingat semua ini termaktub di dalam semua agama. Jadi ini adalah bersifat universal. Selain daripada itu saya ingat itu sahaja *the main point*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM234,263,951 untuk Maksud B.12; RM8,099,133,644 untuk Maksud B.13 dan RM18,750,350 untuk Maksud B.14 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM234,263,951 untuk Maksud B.12; RM8,099,133,644 untuk Maksud B.13 dan RM18,750,350 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.11 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.11 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2004.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah urusan untuk hari ini, jadi Majlis bersidang semula.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

21 Mac 2005

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji Aman** (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepang) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB

-
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
 42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
 59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 60. “ Dato’ Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
 61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
 63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
 - 64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA**
 65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA

-
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO

-
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ *Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO*
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab**

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER
Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK
Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor